

Jilid I
Bil. 7



Hari Khamis
13hb Disember, 1990

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 917]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 962]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) (No. 2)
Jawatankuasa—

Jadual Pertama:

Maksud B. 30 [Ruangan 963]

Jadual Kedua:

Maksud B.28, B.29 dan B.30 [Ruangan 963]

Maksud B.33 [Ruangan 985]

Maksud B.34 [Ruangan 997]

Maksud B.36 dan B.42 [Ruangan 1009]

Maksud B.44 [Ruangan 1037]

Maksud B.46 [Ruangan 1040]

Maksud B.51 dan B.59 [Ruangan 1049]

Maksud B.52 [Ruangan 1050]

Maksud B.53 [Ruangan 1056]

Maksud B.54 dan B.61 [Ruangan 1061]

Maksud B.58 [Ruangan 1070]

KANDUNGAN—(samb.)

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1990

Jawatankuasa—

- Maksud P.28 [Ruangan 963]
- Maksud P.33 [Ruangan 985]
- Maksud P.34 [Ruangan 997]
- Maksud P.36 [Ruangan 1009]
- Maksud P.44 [Ruangan 1037]
- Maksud P.46 [Ruangan 1040]
- Maksud P.48 [Ruangan 1041]
- Maksud P.51 [Ruangan 1049]
- Maksud P.52 [Ruangan 1050]
- Maksud P.53 [Ruangan 1056]
- Maksud P.54 dan P.61 [Ruangan 1061]
- Maksud P.58 [Ruangan 1070]

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 962; 1036]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telckom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHIMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UNGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.I.S. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHIMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Yang Berhormat DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

- „ DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO TIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL (Bagan Serai).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petalang Jaya).

Yang Berhormat DATO' K. KUMARAN (Tengah).

- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMAD KHALID BIN NORDIN (Johor Bharu).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.S.I.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

Yang Berhormat TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAIM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ WAN MOHD. HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Abdul Rahim bin Abdul.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 13hb Disember, 1990

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KRISIS TELUK—DASAR
MALAYSIA

1. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Luar Negeri menyatakan tentang Dasar Malaysia ke atas Kuwait dan terangkan pendirian negara terhadap pengiriman tentera atau sebarang bantuan lain ke Arab Saudi.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab soalan ini dengan panjang lebar pada 6hb Disember yang lalu semasa menjawab soalan Yang Berhormat dari Sabak Bernam. Saya tidak ada apa-apa tambahan.

PASUKAN TENTERA MALAYSIA
KE ARAB SAUDI

2. **Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Pertahanan menyatakan setakat manakah Malaysia patuh kepada keputusan Bangsa-bangsa Bersatu bagi menghantar askar-askar kita ke Saudi Arabia dan berapa ramaikah askar-askar akan dihantar.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu belum lagi membuat sebarang keputusan mengenai penghantaran pasukan tentera dari negara luar ke Arab Saudi. Oleh yang demikian soal penghantaran askar-askar Malaysia ke negara berkenaan buat masa ini adalah tidak timbul.

SKIM CEPAT KAYA

3. **Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil tentang kewujudan Skim Cepat Kaya yang berleluasa terutamanya di negeri-negeri Utara Semenanjung; dan
- (b) tidakkah Kerajaan bercadang untuk melesenkan kegiatan pengusaha skim-skim tersebut.

24.1.91

15. **Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang** minta Menteri Kewangan menyatakan perkara-perkara berikut:

- (a) berapa banyakkah jumlah Skim Cepat Kaya yang sudah dikenal pasti kegiatannya di seluruh negara;
- (b) bagaimanakah cara mengatasinya dan tindakan Bank Negara bagi mengawal keadaan itu; dan

- (c) apakah kesannya terhadap pelaburan bumiputera seperti ASN-ASB dan lain-lainnya.

29.1.91

1. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada Kementeriannya bercadang untuk membawa pengusaha "Skim Cepat Kaya" ke muka pengadilan kerana menjalankan kegiatan pengambilan deposit tanpa lesen;
- (b) adakah Kementeriannya bercadang untuk mengumumkan hasil siasatan ke atas sindiket "Skim Cepat Kaya"; dan
- (c) jika tidak, mengapa.

6.2.91

17. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah tindakan Kerajaan terhadap "Skim Cepat Kaya" yang masih berleluasa pada masa ini. Berapa ramaikah mereka-mereka yang terlibat telah diambil tindakan undang-undang, dan sejauh manakah Kerajaan dapat mengawal skim ini daripada berkembang; dan
- (b) sekiranya telah dilaksanakan sila sebutkan peratusan ekuiti tersebut dan apakah nama bank-bank tersebut.

11.2.91

10. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan pengusaha pelaburan "Skim Cepat Kaya" yang sudah diketahui oleh Kerajaan di seluruh negara dan serbuan oleh Bank Negara ke atas pengusaha-pengusaha tersebut. Apakah usaha Kerajaan untuk mengelakkan orang ramai daripada penipuan oleh pengusaha-pengusaha tersebut.

7.12.90

(Ditangguhkan kerana Cuti Umum)

8. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa tindakan tidak diambil oleh Bank Negara terhadap kegiatan Skim Cepat Kaya supaya pelabur-pelabur tidak menghadapi kerugian yang terus atas penyelewengan dan penipuan skim tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pertanyaan berkaitan dengan perkara yang sama telah juga dibangkitkan oleh lima Ahli Yang Berhormat yang lain iaitu Ahli Yang Berhormat dari Sepang yang dijadualkan dijawab pada 24.1.1991; Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar yang dijadualkan dijawab pada 29.1.1991; Ahli Yang Berhormat daripada Sabak Bernam yang dijadualkan dijawab pada 6.2.1991; Ahli Yang Berhormat dari Lubuk Antu yang dijadualkan dijawab pada 11.2.1991 dan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh yang dijadualkan dijawab pada 7.12.1990 tetapi telah ditangguhkan kerana cuti umum. Saya mohon untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan itu serentak pada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kegiatan "Skim Cepat Kaya" yang wujud di negara kita ini sekarang sedang diawasi dengan rapi oleh Bank Negara Malaysia. Pada masa ini pihak Bank Negara sedang dalam proses mengumpul maklumat-maklumat dan bukti-bukti yang terperinci mengenai kegiatan tersebut bagi memastikan mereka yang terlibat dalam pengambilan deposit tanpa lesen yang sah di bawah Seksyen 25(1) Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 dikenakan tindakan undang-undang yang sewajarnya.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, setakat ini sebanyak tiga buah syarikat telah disiasat oleh Bank Negara atas kesalahan penerimaan deposit tanpa lesen yang sah.

Sebuah daripada syarikat itu ialah Pestama Enterprise telahpun dihadapkan ke mahkamah di mana pemiliknya telah didapati bersalah dan dikenakan denda sebanyak \$250,000 pada bulan Mac tahun ini.

Nama dan bilangan sebenar syarikat-syarikat yang sedang disiasat dan diawasi oleh Bank Negara Malaysia sekarang serta jumlah yang terlibat tidak harus didedahkan sekarang kerana ia masih lagi dalam peringkat siasatan. Bagaimanapun, berdasarkan maklumat-maklumat yang diperolehi oleh Bank Negara setakat ini, jumlah pelaburan orangramai dalam "Skim-skim Cepat Kaya" itu adalah dianggarkan sebanyak \$30 juta. Maklumat lanjut mengenai kegiatan skim itu boleh diketahui umum apabila pihak-pihak yang berkenaan dihadapkan ke mahkamah nanti.

Tuan Yang di-Pertua, siasatan ke atas kegiatan itu mengambil masa yang agak panjang kerana syarikat-syarikat berkenaan tidak mempunyai rekod yang lengkap. Tambahan pula mereka berselindung disebalik perniagaan yang lain. Contohnya, Pestama Enterprise walaupun didaftarkan atas perniagaan barang-barang tembikar, bahan-bahan pencuci, alat-alat solek, pakaian dan barang-barang kemas tetapi didapati menjalankan skim itu.

Mereka yang melabur di dalam skim-skim itu perlu menanggung risiko mereka sendiri kerana pihak penganjur skim itu beroperasi tanpa lesen yang sah. Kerajaan tidak akan membantu para pendeposit yang tertipu atau kehilangan wang deposit mereka kerana kegiatan itu adalah bertentangan dengan peruntukan undang-undang yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar orangramai membuat pelaburan dalam "Skim Cepat Kaya" itu memang sedar tentang risiko tinggi yang mereka hadapi. Mereka juga sedar bahawa kegiatan itu menyalahi undang-undang tetapi mereka memberanikan juga diri mereka untuk membuat pelaburan kerana sifat tamak mereka yang inginkan cepat kaya.

Sebagai langkah membasmi kegiatan itu, Kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang ke atas mereka yang terlibat apabila bukti-bukti yang lengkap mengenai kegiatan mereka diperolehi.

Di samping itu, orangramai juga perlulah menyedari mengenai kegiatan salah yang dijalankan oleh penganjur skim-skim yang berkenaan, tanpa penyertaan orangramai kegiatan seumpama itu tidak akan berkembang.

Kementerian Kewangan juga ingin menjelaskan bahawa penganjur-penganjur skim berkenaan tidak akan dilesenkan kerana bilangan institusi-institusi kewangan yang menjalankan kegiatan penerimaan deposit melalui lesen yang sah telahpun mencukupi dan terdapat di merata tempat di seluruh negara.

Tambahan pula pihak-pihak yang disyaki menjalankan Skim Cepat Kaya itu didapati tidak mempunyai keupayaan untuk beroperasi sebagai institusi kewangan berlesen.

Tuan Yang di-Pertua, kita menerima maklumat ada juga penyimpan-penyimpan Amanah Saham Nasional yang telah tertarik dengan Skim Cepat Kaya dan telah menjual pelaburan mereka. Tetapi mengikut maklumat yang diterima daripada pihak Perbadanan Nasional Berhad, kegiatan Skim Cepat Kaya itu tidak menjejaskan pelaburan dalam ASN dan ASB kerana prestasi pelaburan dalam kedua-dua skim itu didapati meningkat dari masa ke semasa.

Kementerian Kewangan juga berpendapat bahawa kewujudan Skim Cepat Kaya itu tidak mengancam pelaburan dalam institusi-institusi kewangan yang lain kerana kegiatan Skim Cepat Kaya itu sekarang sudah menampakkan kelemahan mereka di mana di kebelakangan ini pihak akhbar-akhbar melaporkan bahawa ada penganjur-penganjur yang telah menurunkan bayaran dividen. Ada juga di antara mereka yang menangguhkan pembayaran dan ada juga menghilangkan diri mereka.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat tadi bahawa kita masih lagi dalam usaha untuk berbuat sesuatu dari segi perundangan bagi menangkap mereka yang terlibat. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa mereka yang terlibat dengan skim ini ialah kebanyakannya terdiri daripada orang Melayu daripada UMNO dan juga PAS. Dahulu PAS mengeluarkan fatwa mengenai ASN tetapi tidak mengeluarkan fatwa mengenai Skim Cepat Kaya (*Ketawa*). Jadi, soalan saya

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tidak boleh mencelah. Sila teruskan. Yang Berhormat dari Arau, apakah soalan tambahan yang dimaksudkan itu?

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak tanya macam mana. Boleh saya cakap?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Jadi, soalan saya mengapa Kerajaan tidak membuat publisiti yang lebih serius lagi sebab ini merupakan peristiwa yang amat

sedih, yang amat tragik di kalangan orang Melayu kerana \$30 juta bukan merupakan angka yang kecil. Ini angka yang rasmi, yang tidak rasmi saya rasa lebih banyak daripada itu. Sebab skim \$350 bukan satu angka yang kecil bagi penduduk-penduduk luar bandar. Jadi, soalan saya apakah Kerajaan ingin mengadakan publisiti yang lebih lagi berhubung dengan skim ini di mana Menteri Kewangan muncul di kaca TV menerangkan bahawa skim ini salah dan sebagainya?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mereka yang terlibat dengan skim ini, contohnya seperti Pak Man Telo yang saya telah sebutkan di dalam Parlimen yang lepas, dia masih beroperasi dan akhbar-akhbar Utusan Malaysia telah menyebut bahawa dia telah menurunkan kadar faedah daripada berapa peratus kepada tiga peratus. Kementerian Kewangan tahu, Bank Negara tahu tetapi tindakan tidak diambil dan masih banyak lagi orang-orang yang berurusan dengan mereka termasuk orang PAS dan UMNO (*Ketawa*).

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, penyertaan memangnya, a good cross-section of the Malay society, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal publisiti, ingin saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat bahawa pada suatu ketika ada satu kes yang dihadapkan di mahkamah. Maka perkara tersebut tidak mengizinkan pihak Bank Negara membuat publisiti berkaitan dengan kegiatan ini dengan harapan apabila diputuskan oleh pihak mahkamah di mana pihak yang berkenaan telahpun didenda dengan jumlah yang agak besar \$250,000. Ia merupakan pengajaran kepada masyarakat tentang betapa tipisnya rasional Skim Cepat Kaya ini dan juga salah dari segi peruntukan undang-undang. Selepas daripada itu Bank Negara terus menyiasat beberapa syarikat dan juga individu-individu yang meneruskan kegiatan seperti ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang saya jawab sebentar tadi bahawa Kerajaan akan bertindak untuk membawa mereka ke mahkamah berikutan dengan laporan Polis yang telahpun dibuat. Sehingga kini kita mempunyai lebih kurang 55 laporan Polis dan ekoran daripada laporan tersebut maka Bank Negara dengan peruntukan undang-undang yang mengizinkannya untuk membawa perkara-perkara itu ke mahkamah dengan bukti-bukti yang cukup.

Mengenai kes yang khusus yang dirujuk oleh Yang Berhormat dari Arau, memang benar bahawa kebelakangan ini kegiatan berterusan dengan kadar dividen yang makin menurun. Selain daripada tindakan Polis untuk memberhentikan mengikut peruntukan undang-undang, maka sewajarnya masyarakat menyedari bahawa perkara ini bukanlah satu perkara yang boleh menjadikan kita kaya kerana *modus operandinya* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, adalah berdasarkan kepada cara yang tidak munasabah. Besar kemungkinan skim ini akan gulung tikar sendiri. Ianya berdasarkan kepada berapa banyak yang boleh disimpan dibandingkan dengan berapa banyak yang perlu dibayar dalam satu-satu bulan. Apabila ahli-ahli baru semakin berkurangan maka ianya akan menjadi pupus pada suatu hari nanti. Oleh yang demikian langkah Kerajaan melalui tindakan mahkamah perlu juga diterima oleh masyarakat melalui kesedaran dan memberhentikan amalan mengikut Skim Cepat Kaya ini.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri kewangan menyatakan apakah kriteria-kriteria yang diambil dan akan diambil oleh Bank Negara untuk mengawasi kegiatan pengusaha Skim Cepat Kaya ini dan sebentar tadi ada dinyatakan 55 kes telahpun dilaporkan kepada Polis dan berapakah kes ini yang telah dihadapkan ke mahkamah.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kriteria yang hendak saya sampaikan di dalam Dewan yang mulia ini kerana undang-undang tidak membezakan antara mereka yang menyalahi peruntukan undang-undang negara. Apabila buktinya cukup, maka mereka akan dibawa ke mahkamah. Seperti yang saya maklumkan satu kes telahpun dibawa ke mahkamah, dibicarakan dan hukuman telahpun diturunkan dan yang lain masih lagi di peringkat mengumpulkan maklumat-maklumat dan bukti-bukti.

LESEN TEKSI—PEMBERIAN KEPADA SYARIKAT

4. Wan Mohd. Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar dan jika sedar apakah tindakan terhadap keluhan-keluhan di antara pemandu-pemandu teksi terutamanya di Ibukota berhubung dengan permit-permit yang telah diberi kepada orang perseorangan ataupun kumpulan yang tidak sepatutnya mendapat. Oleh sebab ketidakpuasan inilah yang menyebabkan pemandu-pemandu ini kerap kali memberi gambaran yang buruk kepada penumpang-penumpang ataupun pelancong-pelancong terhadap Kerajaan.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, lesen teksi di Wilayah Persekutuan dan sekitarnya, Petaling Jaya dan sekitarnya, termasuk Shah Alam, diberikan kepada syarikat-syarikat ataupun pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan bagi memastikan perjalanan perkhidmatan teksi berjalan lancar, terkawal dan berdaya maju.

Kementerian sememangnya sedar atas wujudnya keadaan tersebut tetapi dasar sedemikian diperkenalkan bagi membawa perubahan kepada mutu perkhidmatan pengangkutan awam di

ibukota. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, adalah menjadi lumrah manusia bahawa mereka tidak pernah puashati jika mereka tidak mendapat apa yang diinginkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum lesen teksi di Wilayah Persekutuan diberikan kepada syarikat-syarikat pemilikan adalah secara individu dan kumpulan kecil dan jumlahnya telahpun melangkaui 7,000 di Kuala Lumpur sahaja. Oleh itu pemberian lesen teksi kepada syarikat, pertubuhan dan persatuan bermatlamat bagi menimbulkan persaingan yang sihat di kalangan pengusaha teksi ke arah mewujudkan satu perkhidmatan pengangkutan awam yang bermutu di ibukota.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan pemberian permit teksi kepada Syarikat Saujana yang dahulu pernah menimbulkan kontroversi dan perbincangan hebat di dalam Dewan yang mulia ini.

Soalan saya, apakah Saujana yang mendapat permit tersebut sudah memenuhi kehendak-kehendak syarat kerana sewaktu dijawab di dalam Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Menteri mengakui bahawa Syarikat Saujana belum memenuhi syarat-syarat seperti penyertaan ekuiti 30% oleh penyewa-penyewa, kadar sewa yang patut diturunkan dan sebagainya.

Adakah perkara ini sudah diselesaikan dan adakah pihak Kementerian menerima aduan daripada pihak penyewa-penyewa teksi Saujana ini? Kalau belum, apakah sebabnya? Ini saya ingin tahu sebab perkara ini penting kerana saya masih mendapat tahu dan mendapat maklum balas ada lagi rungutan di kalangan pemandu-pemandu teksi sebab ada kadang-kadang saya naik teksi dan kebetulan kepunyaan Saujana, pemandu atau penyewa yang

membawa itu bercakap daripada saya naik sampai turun tidak habis-habis. Kadang-kadang dia geram bukan kepada Saujana, tetapi dia geram kepada Menteri yang bagi ini. (*Ketawa*)

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, bagi mematuhi syarat ekuiti, Saujana telahpun mengambil langkah awal dengan menukarkan syarikat daripada Sendirian Berhad kepada Berhad pada awal tahun 1990an dan kita sedang meneliti perkembangannya.

Berkenaan dengan rungutan-rungutan, memanglah hari-hari kita terima. Kita sedar dan tindakan sedang diambil untuk mengkaji semula segala yang harus diperkemaskinikan.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah Kementerian menganjurkan program jangka pendek ataupun kursus asas untuk pemandu-pemandu teksi melalui mereka yang ada permit menamakan pemandu-pemandunya untuk bagi kursus asas berkaitan dengan perhubungan awam, pengetahuan sejarah dan juga perkembangan pembangunan fizikal dan sosial semasa negara?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang dalam usaha untuk meningkatkan imej dan prestasi perkhidmatan awam, ini adalah dalam rancangan tindakan Kementerian dan rancangan ini akan dilaksanakan.

JALANRAYA MIRI/LIMBANG

5. **Tuan Billy Abit Joo** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Jalanraya Miri/Limbang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam (RME).

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Jalanraya Miri melalui Brunei ke Limbang memang telah dirancang untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Walau bagaimanapun, projek ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya oleh kerana Jambatan Pandaruan yang menghubungkan Brunei tidak dapat dibina lagi kerana ianya belum diselesaikan dengan Kerajaan Negeri Brunei Darulsalam.

Memandangkan kepada kedudukan ini, Kementerian Kerjaraya telah merancang untuk membina satu jajaran baru. Bagi Rancangan Malaysia Keenam, Projek Jalanraya Beluru/Long Teru/Long Lama/Nanga Medamit yang menjadi sebahagian daripada Jalanraya Miri/Limbang telah dicadang untuk dilaksanakan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam Parlimen yang lepas, Yang Berhormatlah yang paling banyak tanya soalan mengenai jalan ini. Daripada jawapan Yang Berhormat, bahawa Yang Berhormat tidak puas hati. Saya ingin bertanya Yang Berhormat adakah Yang Berhormat berpuas hati sekarang mengenai jalan ini. *(Ketawa)*

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun soalan tambahan ini tidak kena-mengena seterusnya dengan apa yang saya jawab tadi, tetapi sukalah saya memberi penjelasan iaitu daripada soalan-soalan yang saya mengemukakan dalam masa Parlimen yang lepas, saya amat tak puas hati tetapi sekarang oleh kerana pada masa ini saya dapat tahu tender yang diputuskan oleh Lembaga Tender Persekutuan tidak semestinya mengambil tender yang habis rendah sekali mengikut apa yang terjadi dua-tiga tahun dahulu, dengan perubahan ini, saya banyak puas hati sekarang. *(Ketawa)*

Tuan Billy Abit Joo: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jalanraya Miri/Limbang adalah satu sektor daripada jalanraya utama di negeri Sarawak. Saya ingin bertanya sama ada Kementerian Kerja Raya menghadapi masalah melaksanakan kerja membina jalanraya tersebut di sektor yang lain? Apakah masalah-masalah ini?

Soalan yang kedua, sama ada ada pakatan di antara JKR Pusat dengan JKR Negeri Sarawak dalam perkara ini dan sama ada kelewatan yang mungkin ada disebabkan oleh keengganan pihak tertentu memenuhi tanggungjawab mereka?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang ditanya oleh Yang Berhormat dari Hulu Rajang itu mempunyai dua bahagian. Mengenai bahagian iaitu Jalanraya Miri ke Limbang, itu sahaja saya akan jawab. Mengenai jalanraya dari Miri ke Limbang, saya mengetahui dan saya difahamkan bahawa tidak ada masalah apa-apa di antara JKR Sarawak dengan JKR Semenanjung.

LABUAN—STATUS IOFC

6. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah fungsi Majlis Perbandaran Labuan yang berkaitan dengan status Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC);
- (b) agensi manakah yang akan dipertanggungjawabkan bagi mentadbir dan mengendalikan urusan-urusan yang berkaitan dengan urusan Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa tersebut; dan

- (c) apakah fungsi Jawatankuasa Pemandu mengenai "IOFC" yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Fungsi Majlis Perbandaran Labuan (MPL) tidak berubah dengan usaha-usaha Kerajaan untuk membangun dan memajukan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa iaitu International Offshore Financial Centre. Tugas-tugasnya sebagaimana termaktub dalam perundangan pembentukannya akan kekal dan terus dijalankan oleh MPL. Bahkan dengan status Labuan sebagai IOFC adalah diharapkan MPL akan memainkan peranan yang lebih berkesan dengan agensi-agensi di peringkat pusat untuk memastikan Labuan mencapai taraf IOFC yang berjaya lengkap dengan segala kemudahan-kemudahan infrastruktur asas sesuai dengan tarafnya sebagai IOFC.
- (b) Kementerian Kewangan serta agensi-agensi di bawahnya akan terus bertanggungjawab dari segi dasar atau polisi-polisi berkaitan dengan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa seperti dasar-dasar percukaian dan lain-lain insentif. Sementara Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri akan terus bertanggungjawab ke atas perkara-perkara pembangunan Labuan secara keseluruhannya.
- (c) Pada peringkat awal perancangan bagi memaju dan membangunkan Labuan sebagai IOFC, Jawatankuasa Pemandu dibentuk di

Perbendaharaan bagi mengenalpasti dan menyediakan perundangan-perundangan asas baginya dan juga menetapkan dasar-dasar percukaian serta insentif-insentif yang sesuai bagi Labuan IOFC. Perundangan-perundangan asas dan dasar-dasar percukaian tersebut telahpun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada sesi mesyuarat bulan Jun yang lalu.

Dr Kua Kia Soong: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah benar desas-desus yang mengatakan status Labuan sebagai IOFC adalah satu pusat untuk menseterikakan ataupun launder, dengan izin, wang-wang elite di negara ini dan di kawasan ASEAN yang didapati dengan cara jahat atau haram.

Dato' Loke Yuen Yow: Jawapannya tidak.

KADAR KEMISKINAN TINGGI

7. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan bahawa berdasarkan Laporan Separuh Penggal RML terdapat kadar kemiskinan yang tinggi di empat buah negeri di Semenanjung iaitu Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu. Apakah langkah yang telah dan sedang dirangka oleh Kerajaan dari sudut peruntukan kewangan dan strategi pembangunan untuk mengatasi masalah kemiskinan di negeri-negeri tersebut.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari): Tuan Yang di-Pertua, kadar kemiskinan yang tinggi yang dirujuk oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang adalah sesuatu yang relatif. Walau

bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa kadar kemiskinan ini telah dapat diturunkan seperti berikut:

Negeri	Isi rumah	
	1986	1987
Kedah	131,900	82,100
Perlis	17,800	12,100
Kelantan	112,700	70,400
Terengganu	60,700	49,600

Penurunan kadar kemiskinan yang dicapai itu adalah hasil pelaksanaan berbagai-bagai program untuk membasmi kemiskinan yang telah dan sedang dijalankan oleh Kerajaan termasuklah program-program ekonomi, fizikal, kesihatan, pelajaran dan lain-lain program yang membolehkan seseorang itu menambah pendapatan. Program-program ini dijalankan bukan sahaja oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar, tetapi juga oleh Kementerian-kementerian yang lain mengikut fungsi masing-masing.

Peruntukan kewangan baginya pula disalurkan melalui Kementerian-kementerian tersebut dengan menggunakan strategi yang telah ditentukan.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, apakah ukuran kemiskinan berdasarkan angka-angka yang telah diberikan tadi?

Yang kedua, bahawa negeri-negeri yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Marang tadi, adalah selalu disebutkan, dengan izin, 'the Malay belt', jadi biasanya negeri-negeri ini selalu sahaja diabaikan kerana Kerajaan sentiasa sahaja mengamalkan dasar kolonial dengan mengenyepikan dan mengabaikan kawasan-kawasan yang didiami oleh orang Melayu, buktinya di antara empat buah negeri yang telah disebutkan tadi, tidak ada pun sebuah pelabuhan yang mana pelabuhan itu

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, apakah soalan tambahan itu?

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: . . . ya, soalan tambahan, tidak adanya proses industrialisasi yang mana dapat menyelamatkan sebahagian besar orang Melayu daripada kemiskinan. Adakah Kerajaan bercadang untuk mempercepatkan proses industrialisasi di negeri-negeri yang telah disebutkan tadi?

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Tuan Yang di-Pertua, takrif kemiskinan mengikut EPU ialah pendapatan sekeluarga di bawah \$350 sebulan dan takrif termiskin ialah separuh daripada itu ialah \$175 sebulan.

Soalan yang kedua, saya fikir yang pertama saya hendak jelaskan bahawa pertanyaan Yang Berhormat tidak relevant dengan masalah pertanyaan pokok dan pertanyaan asal, tetapi untuk menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, sukalah saya menekankan di sini bahawa tidak ada unsur-unsur pengabaian oleh Kerajaan Barisan Nasional kerana Kerajaan Barisan Nasional adalah Kerajaan yang amat bertanggungjawab untuk membawa pembelaan kepada seluruh rakyat di dalam negara yang tercinta ini. (*Tepuk*)

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, soalan tambahan. Menurut jawapan daripada Setiausaha Parlimen, dikatakan bahawa paras kemiskinan bagi sekeluarga adalah \$350 sebulan dan paras termiskin adalah \$175 sebulan. Saya hendak tahu sama ada angka ini sesuai kepada keluarga-keluarga yang terletak di luar bandar ataupun termasuk keluarga-keluarga di dalam bandar. Itu soalan pertama. Yang kedua, Tuan Speaker, sama ada Kerajaan bercadang untuk mengambil berat tentang kemiskinan yang berada di dalam bandar.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, takrif kemiskinan bagi luar bandar jelas, yang termiskin \$175 ke bawah dan bagi penduduk bandar ialah di bawah paras \$500 sebulan.

Soalan yang berikutnya, apakah Kerajaan akan memberikan perhatian, saya jelaskan sekali lagi bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mengambil berat untuk membawa pembelaan kepada seluruh rakyat dalam negara ini, tidak seperti DAP ataupun PAS. (*Tepuk*)

LALUAN KEDUA ANTARA MALAYSIA-SINGAPURA

8. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) syarikat atau konsortium manakah yang akan diberikan kontrak untuk membina Jambatan Malaysia-Singapura yang kedua serta berikan butir-butir lanjut syarikat atau konsortium tersebut dan syarat-syarat yang dikenakan;
- (b) apakah harga projek tersebut dan bagaimanakah pembinaannya akan dibiayai dan sama ada pihak Kerajaan dikenakan menjamin semua pinjaman yang dibuat dan kalau ia berapa dan berikan butir-butir lain;
- (c) sama ada satu tender terbuka diadakan dan kalau tidak mengapa; dan
- (d) bilakah projek ini akan disiapkan.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah bersetuju bahawa projek laluan kedua antara Malaysia/Singapura dilaksanakan secara penswastan. Bagi tujuan ini surat hasrat, "Letter of Intent", dengan izin,

telah dianugerahkan kepada Syarikat United Engineers (M) Bhd. pada 23hb November, 1990.

Rundingan antara Kerajaan dengan syarikat tersebut akan diuruskan untuk menentukan syarat-syarat dan butir-butir yang perlu dipersetujui sebelum perjanjian konsesi dimeterai. Oleh yang demikian, adalah sukar bagi Kerajaan untuk menentukan harga serta pembiayaan projek dan lain-lain perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai projek ini. Butir-butir ini hanya akan dapat diketahui setelah rundingan-rundingan dengan Syarikat United Engineers (M) Bhd. selesai.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab bahagian (c) soalan saya, iaitu sama ada satu tender terbuka diadakan dan kalau tidak mengapa. Bolehkah berikan butir-butir lanjut mengenai tender terbuka yang ditawarkan itu kerana saya dapati bahawa banyak projek-projek besar diberikan hanya kepada UEM. Adakah ini kerana UEM sebuah syarikat UMNO Baru sahaja ia mendapat keistimewaan begini?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak tanya adakah kadar tol akan dikenakan sebaik sahaja projek ini disiapkan kerana nampaknya budaya tol berleluasa di Malaysia dan penduduk khususnya di Johor Bahru sangat bimbang tentang perkembangan sebegini, dan bilakah projek ini dijangka disiapkan? Terima kasih.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, projek ini dilaksanakan melalui dasar "yang dahulu di-dahulukan" dan dengan demikian ianya tidak dibuat melalui tawaran tender terbuka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak UEM telah dibenarkan membuat kajian dan diberi hak "exclusivity" untuk mengemukakan cadangan penswastan kepada Kerajaan

memandangkan belanja yang besar bagi menjalankan kajian ini. Tambahan pula projek ini adalah merupakan sambungan kepada projek Lebuhraya Utara-Selatan yang telah diberi kepada UEM. Berkenaan dengan tol itu, ini belum diselesaikan lagi.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju untuk saya katakan bahawa Kerajaan sekarang ini telah menjalankan dasar monopoli? Terima kasih.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, tidak. Ini adalah satu projek unik dan oleh sebab itulah diberi pertimbangan yang unik.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA

9. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sejak dilancarkan Tahun Melawat Malaysia pada bulan Januari tahun ini berapa ramaikah bilangan pelawat luar negeri yang telah melawat Malaysia. Adakah matlamat Tahun Melawat Malaysia tercapai.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh bulan Januari hingga November tahun ini seramai 6,892,000 orang pelancong asing telah melawat seluruh negara berbanding dengan seramai 4,400,000 bagi tempoh yang sama tahun lepas. Ini satu pertambahan sebanyak 56.6%. Jadi, berdasarkan kepada jumlah ketibaan pelancong asing ini negara kita dianggarkan telah memperolehi pertukaran wang asing dari pelancong-pelancong ini sebanyak \$4,100 juta ataupun \$4.1 billion bagi tempoh yang sama berbanding dengan sebanyak \$2,500 juta dalam tempoh yang sama tahun lepas. Ini menunjukkan pertukaran wang asing negara dari sektor

pelancongan telah bertambah sebanyak 61.7% berbanding dengan tahun sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada angka-angka yang saya sebutkan tadi maka jelas bahawa Tahun Melawat Malaysia telah mencapai kejayaan dengan bertambahnya bilangan pelancong-pelancong yang datang ke negara kita, yakni lebih daripada 60% berbanding dengan tahun lepas dan ini jauh melebihi sasaran kita, yakni sebanyak 10% sahaja.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sungguhpun kita berpuashati dengan kehadiran pelancong ke negara kita dalam kempen Tahun Melawat Malaysia 1990 ini, saya hendak tahu dari manakah golongan ini, daripada Amerika, Eropah, Asia dan sebagainya dan golongan manakah yang lebih ramai yang datang mengunjungi ke negara kita dalam kempen ini.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut angka-angka yang kita ada, pelancong yang teramai sekali datang ke negara kita ialah dari Singapura, yakni kira-kira 73% daripada keseluruhan pelancong-pelancong yang datang ke negara kita. Ini perkara biasa yang sebenarnya. Negara-negara lain juga yang menerima pelancong biasanya negara yang terdekat merupakan pelancong yang teramai datang ke negara berkenaan, misalannya ke Thailand daripada 4 juta lebih pelancong yang datang melawat Thailand tahun lepas, kira-kira 23% ataupun 1 juta lebih datangnya daripada Malaysia. Selain daripada rakyat Singapura ialah mereka yang datang dari Jepun. Bagi 11 bulan pertama dari Jepun lebih kurang 620,000 orang, ini yang paling banyak selain daripada pelancong-pelancong dari negara ASEAN. Selain daripada itu ialah dari negara Australia hampir-hampir 175,000; daripada UK dan Ireland

230,000, daripada Taiwan 235,000, daripada Hongkong 116,000, daripada South Korea hampir-hampir 64,000; dan daripada Jerman 88,000.

Datin Ling Chooi Sieng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya daripada Yang Berhormat Menteri sama ada Kementerian Yang Berhormat menubuhkan satu Pasukan Penyelidikan dan Pembangunan atau dengan izin, Research & Development Team supaya mereka akan buat follow-up daripada angka yang didapati. Adakah angka yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi didapati daripada Imigresen atau Kementerian Pelancongan?

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, memang kita ada satu bahagian R & D di Kementerian. Sebenarnya bukan sahaja di Kementerian tetapi dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia. Dengan adanya R & D inilah maka kita berjaya seperti yang kita alami sekarang ini, namun demikian ini akan kita perbaiki lagi, insya Allah, lebih berjaya dari yang kita buat sekarang.

Mengenai angka-angka yang ditanyakan oleh Yang Berhormat dari Lumut, ingin dimaklumkan bahawa ini sebenarnya bukan angka dari Kementerian tetapi angka mengikut kad-kad disembarkation yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Imigresen. Ertinya bukan angka tipulah, angka betul ini.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) MAK MANDIN—PEMBINAAN

10. Tuan Lim Hock Seng minta Menteri Kerja Raya menyatakan sebab-sebab projek Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) di Mak Mandin, Seberang Perai telah terbengkalai. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menjalankan semula projek sekolah ini.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan projek Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) di Mak Mandin menghadapi masalah pelaksanaan disebabkan prestasi pemborong yang tidak memuaskan. Di samping itu, projek ini juga menghadapi masalah disebabkan keadaan tanah yang terlalu lembut yang memerlukan kerja-kerja asas tambahan bagi mengatasi masalah itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, pihak kontraktor telah diberi 3 lanjutan masa sehingga 30hb November, 1990, walau bagaimanapun, prestasi terus tidak memuaskan. Bagi mengatasi masalah ini pihak Kementerian Kerja Raya sedang mengambil tindakan memansuhkan kontrak pemborong tersebut supaya pemborong baru dapat dilantik bagi menyiapkan projek berkenaan.

Tuan Lim Hock Seng: Soalan tambahan. Oleh kerana projek ini telah terbengkalai selama empat tahun dan adakah Timbalan Menteri itu mengaku bahawa ini adalah satu kelemahan prestasi Kementerian berkenaan. Oleh kerana kelemahan Kementerian ini murid-murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) ini terpaksa menggunakan kantin sekolah rendah kebangsaan di kawasan sana untuk belajar.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini memahami masalah ini tetapi ini bukan kelemahan daripada Kementerian ini, ini adalah satu kelemahan dari pemborong dan tindakan-tindakan sedang diambil untuk menyiapkan projek ini.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana projek ini diberhentikan kerana menghadapi beberapa kesulitan dan tidak dapat diatasi dalam masa yang pendek, saya ingin tanya, kalau begitu kenapa dalam masa kempen pilihanraya ini calon

Barisan Nasional berjanji masalah ini boleh selesai dalam dua minggu sekiranya calon Barisan Nasional menang. Adakah ini satu pembohongan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum? Kalau tidak ada, mengapa bolch kata, kalau dia menang dua minggu bolch selesai masalah ini.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sudah di dalam proses penyelesaian sebab kita sedang mengambil tindakan memansuhkan kontrak pemborong dan pemborong baru akan dilantik. Ini adalah satu cara menyelesaikan perkara ini.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, saya tanya mengapa calon Barisan Nasional boleh buat janji itu dua minggu bolch selesai masalah ini. Itulah sila jawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Ahmad.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, belum dijawab lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat sila duduk.

JEMAAH HAJI MALAYSIA TERKORBAN DI MUAISSEIM

11. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) berapa ramaikah korban jemaah Haji Malaysia di Muaisseim semasa menunaikan ibadat haji yang lalu; dan
- (b) berapa banyakkah sumbangan Kerajaan Arab Saudi kepada mangsa-mangsa malapetaka tersebut terhadap warganegara Malaysia yang terlibat.

18.12.90

19. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan Arab Saudi ada memberi apa-apa pampasan kepada Jemaah Haji/keluarga Jemaah Haji yang menjadi mangsa dan terkorban dalam trajedi terowong Muaisseim. Jika ada sila nyatakan jumlah pampasan yang diberi. Adakah Kerajaan Malaysia sendiri bercadang memberikan pampasan kepada mereka ini.

29.1.90

9. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang minta Perdana Menteri menyatakan jumlah sebenarnya rakyat Malaysia yang terkorban dalam kejadian Terowong Muaisseim di Makkah pada musim haji yang lalu. Apakah Tabung Haji dan Kerajaan Saudi Arabia telah membayar pampasan kepada keluarga yang meninggal dunia itu dan berapakah jumlah pampasan yang diterima oleh mereka secara hitung panjang. Kalau ada, adakah jumlah itu berpatutan. Kalau tidak, kenapa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan No. 19 pada 18hb Disember 1990 dari Yang Berhormat dari Marang dan soalan 9 pada 29hb Januari tahun 1991 daripada Yang Berhormat dari Sepang.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah jemaah haji Malaysia yang terkorban di dalam peristiwa nahas terowong Muaisseim ialah seramai 154 orang. Kerajaan Arab Saudi tidak ada memberi apa-apa sumbangan kepada mangsa-mangsa tragedi tersebut termasuk warganegara Malaysia. Bantuan dari Tabung Haji sebanyak \$1,000 seorang dan Kerajaan Malaysia sebanyak \$2,000 telahpun disampaikan oleh Tabung Haji kepada waris-waris mangsa 122 orang. Bantuan

kepada mangsa 32 orang lagi belum dapat diserahkan kerana menunggu waris-waris mendapatkan surat kuasa.

Derma yang dipungut di bawah Akaun Amanah Tragedi Al-Muaisseim oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat yang kini berjumlah \$84,510.56 masih dalam urusan pembayaran kepada waris-waris.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat tahu bahawa ada sebilangan jemaah-jemaah haji yang masih lagi missing yang mana mayat-mayat mereka tidak dapat dijumpai dan mengikut satu berita di dalam akhbar, mereka ini dianggap sebagai telah pun mati di dalam tragedi Muaisseim itu.

Soalan saya, apakah faktor-faktor yang mempastikan hakikat ini iaitu mempastikan bahawa mereka adalah terlibat di dalam tragedi Muaisseim?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, seperti jawapan saya sebentar tadi, dari jumlah 154 orang itu, seramai 153 orang telah disahkan meninggal dunia menerusi cap jari, gambar mayat di Balai Polis dan sebagainya. Seorang lagi jemaah haji iaitu Hasnah binti Botok masih belum dapat disahkan sebagai meninggal dunia kerana suaminya tidak yakin bahawa isteri beliau telah terkorban di dalam nahas tersebut. Suami beliau juga mengerjakan haji pada tahun yang sama dan berada di tempat peristiwa itu.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana penempatan jemaah haji di belakang Al-Muaisseim menjadi masalah yang membawa kepada korban, bahkan menjadi masalah kerana ianya terletak jauh daripada tempat melontar, bahkan kawasan itu kawasan yang dipertikaikan oleh ulama. Adakah pihak Kerajaan berusaha supaya dipindah penempatan jemaah haji

Malaysia dalam kawasan Mina di tempat yang lebih baik dan tempat yang lebih diyakinkan?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tabung Haji, Tuan Yang di-Pertua, sedang mencari tempat yang selesa untuk jemaah haji tetapi setakat ini kita terpaksa menggunakan tempat yang berdekatan dengan terowong Muaisseim ini dan bagi makluman kepada Dewan yang mulia ini, Kerajaan Arab Saudi sedang membina terowong kedua supaya masalah yang berlaku pada tahun ini tidak akan berlaku lagi.

MAS—KENAIKAN TAMBANG PENERBANGAN

12. **Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapa kenaikan tambang MAS bagi penerbangan dalam dan luar negeri dibenarkan, sedangkan MAS telah menyatakan kenaikan harga minyak tidak merugikan mereka dan kabinet pun tidak setuju menaikkan tambang dalam negeri baru-baru ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) menyatakan kenaikan harga bahan bakar tidak merugikannya. Sebenarnya kenaikan harga bahan bakar akan mempunyai implikasi kenaikan kos operasi MAS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan hanya meluluskan kenaikan tambang antarabangsa baru-baru ini iaitu kenaikan sebanyak 7% selepas menimbangankan perakuan yang dibuat oleh pihak IATA (International Air Transport Association) dan kenaikan ini adalah juga melibatkan kesemua negara-negara yang menjadi ahli IATA. Permohonan kenaikan tambang dalam negeri masih dalam pertimbangan Kerajaan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta di sini bukan bahan-bahan bakar yang dipertingkatkan harga kerana menghadapi kerugian daripada operasi MAS. Pada keseluruhannya MAS sedang mendapat keuntungan yang lebih kalau dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu. Berdasarkan itu, apakah dasarnya bagi Kerajaan untuk menaikkan tambang antarabangsa sedangkan MAS menghadapi keuntungan?

Yang kedua, adakah Kerajaan masih menimbang kenaikan tambang di dalam negeri ini yang telah dibentangkan oleh pihak MAS. Jika ya, bilakah tambang itu akan dinaikkan dan apakah dasar kepada kenaikan tambang itu?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu private concern, dengan izin, MAS tentulah hendak mendapat keuntungan dan keuntungan itu mestilah munasabah dengan tidak menyusahkan orang ramai dan apabila MAS membuat keuntungan, kenapa pula mesti MAS diminta merugikan. Apabila negara-negara lain kesemuanya menaikkan tambang, kalau IATA menaikkan tambang semuanya tentulah MAS juga kena menaikkan tambang yang sama dan kadarnya adalah yang munasabah, hanya 7% dan Yang Berhormat juga jangan lupa bahawa kalau MAS membuat keuntungan dalam penerbangan antarabangsa, MAS juga kena menampung kerugian-kerugian dalam negeri dan asas kepada kenaikan tambang tadi diasaskan apa yang telah saya katalah iaitu IATA semuanya menaikkan tambang dan harga minyak juga sudah naik bererti bahawa kos operasi juga naik. Maka wajarlah tambang dinaikkan dan tambang dalam negeri itu masih dalam pertimbangan. Apa asasnya akan dibincangkan oleh Kerajaan dan apabila ianya diluluskan akan diberitahu kepada Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengambil kisah sangat kalau tambang keluar negeri ini naik sebab boleh mengurangkan orang melawat ke luar Malaysia tetapi yang saya mengambil berat ialah tambang MAS dalam negeri ini. Disebut tadi MAS ini private concern. Dalam private concern dia hendak juga keuntungan pula. Jadi yang menjalankan penerbangan dalam negeri ini MAS satu-satunya secara monopoli manakala sistem perjalanan udara ini merupakan suatu kemudahan yang harus dinikmati oleh seluruh rakyat tanpa mengira kedudukan termasuk pihak rakyat yang miskin, sekarang ini dinafikan hakikat itu oleh kerana tambangnya mahal. Apakah Kerajaan bercadang kalau ada pihak swasta ingin menjalankan operasi penerbangan dalam negeri supaya ada kompetitif dengan MAS sebab perkara ini sudahpun dimulakan oleh Kerajaan Western Australia mengizinkan supaya wujud persaingan ini supaya harganya dapat dikawal dan murah dan rakyat bawahan ataupun rakyat miskin boleh menikmati kemudahan perjalanan udara.

Dahulu kita kata kalau diswastakan, dijadikan private memudahkan rakyat harga tidak naik dan sekarang ini sudah naik dan mungkin hendak naik. Jadi, saya harap pihak Kementerian ataupun pihak Kerajaan akan mempertahankan supaya harga perjalanan dalam negeri tidak naik, insya Allah, tidak naik.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu tahu, tentu Yang Berhormat pun ada juga pengalaman berniaga bahawa harga tambang mana-mana perkhidmatan pengangkutan, bergantung juga kepada keadaan-keadaan semasa. Jadi kalau MAS terpaksa menaikkan tambangnya Kerajaan harus mengawal supaya ianya tidak terlalu tinggi dan ianya munasabah dengan asas-asas yang tertentu. Objektif MAS ialah untuk keuntungan dan juga

untuk kepentingan sosial. Untuk mengimbangkan ini, MAS banyak membuat pengorbanan. Ada sektor-sektor yang tidak untung dalam negeri yang terpaksa ditampung oleh keuntungan-keuntungan dalam sektor-sektor lain.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas mengatakan bahawa MAS monopoli, patutkah ditimbangkan satu syarikat yang kedua. Sudah ada syarikat penerbangan yang kedua iaitu Pelangi Air

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Pelangi Air itu untuk destinasi tertentu sahaja.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Yalah, tetapi sudah ada syarikat penerbangan yang kedua. Syarikat penerbangan yang kedua pun akan meminta permit untuk menjalankan operasi mengikut di mana sektor-sektor yang dia boleh untung. Kita juga ada 12 syarikat yang tidak berjadual yang dibenarkan membawa pelancong ataupun untuk chartered flights dan juga kita mempunyai, dengan izin, open sky policy iaitu sesiapa juga daripada mana-mana luar negeri untuk membawa chartered flights, bila-bila pun boleh diluluskan.

DUTA BESAR MALAYSIA BERASAL DARI SABAH DAN SARAWAK

13. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Luar Negeri menyatakan bilangan Duta Malaysia di seberang laut dan nyatakan bilangan duta-duta tersebut yang berasal dari Sarawak dan Sabah.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, bilangan Duta Besar Malaysia di seberang laut sekarang berjumlah 47 orang dan buat masa ini tidak ada mereka yang berasal dari Sabah dan Sarawak.

Tuan Jawah Anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenapakah tidak ada mereka dari Sabah dan Sarawak? (*Ketawa*)

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, kini Duta Besar kita adalah para diplomat yang profesional, mungkin peringkat awalnya orang-orang Sabah dan Sarawak tidak meminati untuk masuk ke dalam perkhidmatan Kementerian Luar Negeri. Kini sudahpun ada, tetapi di peringkat bawahan lagi, mungkin apabila cukup masanya mereka pula akan dilantik sebagai Duta Besar Malaysia di seberang laut.

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di sini saya ingin mendapat tahu apakah kriteria ataupun, dengan izin, academic qualifications dan experience yang ditentukan sebagai kelayakan bagi membolehkan seseorang itu dilantik sebagai Duta dan sama ada dari negeri Sabah dan Sarawak ini tidak ada orang yang mempunyai kelayakan ataupun mereka tidak tahu tentang kewujudannya jawatan-jawatan sedemikian ini menyebabkan tidak ada penyertaan daripada Sabah dan Sarawak.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai yang diletakkan di Kementerian Luar Negeri diputuskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam melalui proses biasa dan Kementerian Luar Negeri tidak ada langsung kuasa untuk memilih sesiapa untuk bertugas di Kementerian Luar Negeri. Maka sesiapa yang ingin untuk berkhidmat di Kementerian Luar Negeri, haruslah memberitahu kepada pihak JPA supaya dapat disalurkan mereka untuk bertugas di Kementerian Luar Negeri dan setelah cukup masanya mereka didedahkan dalam Kementerian Luar Negeri, maka mereka akan pula dilantik sebagai Duta apabila tiba masa dan ketikanya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 27 adalah di beri di bawah ini).

PELABUHAN BEBAS PULAU PINANG

14. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan boleh menimbang semula untuk mengembalikan status pelabuhan bebas atau sebahagian pelabuhan bebas (partial free port status) kepada Pulau Pinang untuk menjadikan pulau tersebut sebagai Pusat Perdagangan dan Pelancongan yang terbesar di rantau ini, di samping membangunkan ekonomi dan pertumbuhan industri dengan lebih pesat bagi negeri-negeri sebelah utara.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Kerajaan tidak bercadang untuk mengembalikan semula status pelabuhan bebas atau sebahagian pelabuhan bebas (partial free port) bagi Pulau Pinang memandangkan pulau tersebut telahpun mencapai kemajuan dari segi perdagangan. Berkaitan dengan pelancongan, Kerajaan sedar bahawa tindakan menarik taraf pelabuhan bebas Pulau Pinang dalam tahun 1977 dahulu sedikit sebanyak akan menjejaskan pelancongan di situ. Walau bagaimanapun, sebagai ganti Kerajaan telah membenarkan penubuhan kedai-kedai bebas cukai di situ untuk mengekalkan tarikan pelancongan di Pulau tersebut.

HOSPITAL KERAJAAN— BAYARAN RAWATAN

15. Dr V. David minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(a) berapakah bayaran-bayaran bagi rawatan di Wad Kelas Tiga di hospital-hospital Kerajaan untuk

pesakit-pesakit yang dibawa masuk ke hospital; dan

(b) adakah seorang pesakit yang menganggur layak menerima rawatan percuma.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):

(a) Hospital-hospital Kerajaan mengenakan bayaran bagi wad, rawatan, bersalin, siasatan, pembedahan dan anggota tiruan mengikut kadar yang telah ditetapkan dalam Perintah Fee (Perubatan) 1982. Kadar-kadar caj bagi Kelas 3 adalah seperti berikut:

- | | |
|--|---|
| (1) Caj Wad | |
| Wad Am dan Bersalin | – \$3 sehari |
| Wad Psikiatrik | – Percuma |
| (2) Caj Rawatan | – Percuma |
| (3) Caj Accouchmen dan Bersalin | – Adalah di antara \$10.00 bagi bersalin biasa hingga \$100.00 bagi pembedahan biasa. |
| (4) Rawatan khas seperti fisioterapi, radioterpi nefrologi dan pergigian | – Adalah di antara \$1.00 hingga \$200.00 bagi setiap rawatan atau lawatan. |
| (5) Caj Siasatan dan Ujian Makmal | – Adalah di antara \$1.00 hingga \$200.00. |
| (6) Caj Pembedahan | – Adalah di antara \$10.00 hingga \$200.00. |
| (7) Caj Anggota Tiruan | – Adalah di antara \$5.00 hingga maksima \$500.00. |

Jika bayaran-bayaran yang dikenakan berjumlah lebih dari \$500.00, maka seorang pesakit di Kelas Tiga (3) perlu membayar tidak melebihi \$500.00. Pada amnya seorang pesakit yang dimasukkan ke Wad Kelas 3 selama 5 hari, menerima rawatan biasa dan dibekalkan dengan makanan perlu membayar \$15.00 sahaja.

(b) Bagi pesakit-pesakit yang memasuki Wad Kelas 3 di hospital-hospital Kerajaan yang tiada mampu membayar bil bagi

rawatan perubatan yang diperolehinya dengan sebab-sebab yang tertentu seperti tiada pekerjaan, tanggungan yang besar dan lain-lain lagi, pesakit bolehlah memohon pengurangan atau pengecualian bayaran daripada Ketua Hospital yang berkenaan. Ketua Hospital diberi kuasa untuk memutuskan amaun yang boleh dikecualikan berdasarkan maklumat-maklumat yang diperolehi daripada pesakit semasa ditemubual.

TOL JALAN KUCHING

16. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) tempoh kutipan tol di Plaza Tol Jalan Kuching dan sama ada kutipan tol akan diteruskan selepas persimpangan bertingkat Jalan Kuching/Jalan Kepong diserahkan kepada Kerajaan; dan
- (b) jumlah amaun wang yang dikutip di Plaza Tol Jalan Kuching sejak mula dilancarkan dan anggaran jumlah kutipan di akhir tempoh kutipan.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat penswastan persimpangan bertingkat Jalan Kuching/Jalan Kepong membenarkan syarikat yang terlibat memungut tol di Plaza Tol Jalan Kuching untuk tempoh 16 tahun. Kutipan tol telah dimulakan pada 8.1.87 dan akan tamat pada 6.1.2003. Rancangan Kerajaan sekarang ialah tol hanya dipungut sehingga tarikh konsesi itu tamat.
- (b) Jumlah kutipan tol di plaza tol Jalan Kuching sejak kutipan dimulakan pada 8.1.87 sehingga

30.11.90 adalah sebanyak \$60,489,506.00. Mengikut anggaran jumlah kutipan tol bagi keseluruhan tempoh konsesi adalah sebanyak \$240 juta.

TANAH ADAT, HUTAN SIMPAN KAMPONG SARAWAK— PENCEROBOHAN

17. Tuan Harisson Ngau Laing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada pihak Polis telah menjalankan penyiasatan seperti yang dijanji oleh IGP semasa perjumpaan dengan wakil-wakil dari masyarakat orang Asli (natives) dan Ketua Polis Sarawak dan Ketua-ketua Polis yang lain serta pegawai-pegawai tentera di Bukit Aman pada bulan Jun 1987 mengenai aduan-aduan orang Asli (natives) di Sarawak bahawa tanah adat, hutan simpan kampung dan tumbuhan-tumbuhan mereka telah dirosak oleh kompeni-kompeni pembalakan dan oleh kerana itu mereka terpaksa mendirikan benteng kayu dan tubuh badan manusia demi untuk memberhentikan kerosakan yang terus-menerus ke atas tanah, hutan simpan kampung dan kebun-kebun (tumbuhan) mereka. Sekiranya ada, apakah keputusan penyiasatan tersebut dan kalau tidak, mengapa tidak.

Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Untuk makluman Yang Berhormat bahawa ekoran daripada perjumpaan oleh 12 orang delegasi dari masyarakat orang Asli (Natives) Sarawak dengan Yang Berbahagia Ketua Polis Negara pada 13.6.1987, maka satu pasukan penyiasat khas yang diketuai oleh Pesuruhjaya Polis Sarawak telah ditubuhkan bertujuan menyiasat beberapa tuduhan yang telah dibuat terhadap pihak Polis dan juga pembalakan yang didakwa telah menceroboh ke kawasan milik tradisi mereka.

Dalam siasatan itu Pasukan Penyiasat telah membuat lawatan ke 7 (tujuh) buah kem pembalakan dan 14 buah tempat

di mana sekatan oleh kaum Asli didirikan. Lawatan ke 2 (dua) buah perkampungan Penan di Ulu Baram dan Ulu Limbang pada 13—18.7.1987 juga dibuat dan satu sesi dialog telah diadakan.

Di dalam majlis dialog tersebut Yang Berbahagia Pesuruhjaya Polis Sarawak ketika itu telah meminta kepada mereka yang terlibat membuktikan tuduhan-tuduhan yang mengatakan tanaman-tanaman mereka, pokok-pokok sagu dan perkuburan mereka telah musnah akibat pembalakan seperti yang didakwa. Kebanyakan mereka gagal membuktikan dakwaan tersebut. Yang ada cuma, Pesuruhjaya Polis Sarawak itu telah ditunjukkan sebahagian dari pokok sagu yang tumbuh meliar telah dirosakkan oleh mesin jentolak berhampiran dengan tempat sekatan di Bt. 9, Lorong Pembalakan Syarikat Sin Yang.

Hasil daripada siasatan rapi tersebut pihak Polis mendapati bahawa tuduhan-tuduhan yang dibuat itu adalah tidak benar.

PEMILIH BERDAFTAR DI SABAH

18. Tuan George Sangkin minta Perdana Menteri menjelaskan berapakah peratusan peningkatan pengundi-pengundi di Sabah setiap tahun sejak tahun 1970 terutama sekali di kawasan Parlimen P.141 Kinabatangan, P.152 Silam dan P.153 Semporna. Bolehkah Menteri berkenaan menjelaskan kenapakah terdapat kadar pertambahan yang mendadak di kawasan-kawasan berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Semenjak tahun 1970 sehingga tahun 1990, bilangan pemilih dalam daftar pemilih negeri Sabah adalah secara purata bertambah sebanyak 4.5% setahun. Bagi bahagian pilihanraya yang

dinyatakan oleh Yang Berhormat, purata peratus pertambahan pemilih adalah seperti berikut:

P.141 Kinabatangan	– 4.66%
P.152 Silam	– 10.39%
P.153 Semporna	– 6.80%

Pertambahan di atas adalah pertambahan biasa dan tiada keadaan mendadak sepertimana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu.

LAWATAN NELSON MANDELA KE MALAYSIA

19. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Luar Negeri menyatakan faedah yang timbul kepada Malaysia dari lawatan Nelson Mandela ke negara baru ini.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Lawatan Nelson Mandela ke negara kita telah menarik perhatian dunia memandangkan Malaysia adalah negara yang aktif dan bersikap tegas menentang apartheid di Afrika Selatan. Kejayaan kita mengendalikan lawatan tersebut telah menguatkan lagi pengiktirafan dan sanjungan masyarakat antarabangsa terhadap peranan dan sokongan Malaysia dalam isu itu sejak tahun enam puluhan.

Melalui lawatan itu, kita juga telah mendapat maklumat mengenai perkembangan terakhir di Afrika Selatan dari Mandela sendiri dan mengenai tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) dan orang-orang kulit hitam dalam mencari penyelesaian politik dan masa depan Afrika Selatan. Dalam pada itu, Mandela telah berpeluang melihat bagaimana Malaysia sebuah negara berbilang kaum dapat maju dengan aman dan stabil.

Dari segi jangka masa panjang, Malaysia diharap diberi layanan baik setelah teraju pemerintahan Afrika

Selatan diambilalih oleh pihak majoriti. Ini sesuai dengan jaminan yang telah diberi oleh Mandela bahawa hubungan dengan Malaysia akan diberi keutamaan.

NILAI RINGGIT MALAYSIA

20. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) tempoh masa perbelanjaan \$8 bilion yang didakwa dibuat untuk menyokong nilai ringgit pada paras \$1.10 berbanding dengan dolar Singapura telah menjangkau. Bilakah perbelanjaan ini bermula dan bilakah Kerajaan memulakan dasar barunya, mengapungkan ringgit di pasaran wang;
- (b) semenjak dasar baru dilaksana dan menjelang bulan September 1990, apakah jumlah perbelanjaan yang telah dibuat untuk mengukuhkan kedudukan ringgit di pasaran. Dalam tempoh masa yang manakah keperluan untuk memasuki pasaran adalah paling mendesak. Apakah jumlah wang yang telah dibelanjakan pada masa-masa tersebut; dan
- (c) menurut satu laporan pada awal September, 1990, di antara bulan Januari hingga April, Kerajaan telah memperdagangkan di antara \$30 hingga \$40 juta dengan setiap satu daripada lapan broker yang ia berurusan dengan dengan setiap kali Bank Negara memasuki pasaran wang. Berapa kalikah dalam tempoh masa ini Kerajaan telah memasuki pasaran dan apakah jumlah besar urusan yang diperdagangkan setiap kali.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

- (a) Di dalam persidangan Dewan Rakyat ini, saya telah menerima dua soalan mengenai campur-

tangan (intervention) Kerajaan dalam pasaran pertukaran wang asing. Kedua-dua soalan dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Walaupun soalan-soalan berlainan sedikit, pada keseluruhannya adalah sama dalam ertikata meminta penerangan dan penjelasan mengenai campurtangan Kerajaan dalam pasaran matawang. Dengan izin saya ingin menjawab kedua-dua soalan itu sekaligus.

- (b) Bank Negara mula menyokong nilai ringgit berbanding dengan dolar Singapura pada awal bulan Mac, 1981 dan berakhir pada bulan Oktober, 1984. Selepas bulan Oktober, 1984, Bank Negara tidak lagi menyokong ringgit kepada paras yang ditentukan.
- (c) Akibat penilaian semula matawang berikutan daripada kekukuhan matawang utama jumlah hutang yang belum dijelaskan dalam tempoh tahun 1986-1988 bertambah sebanyak \$13.6 ribu juta.
- (d) Kerajaan tidak lagi menyokong nilai ringgit sebab langkah tersebut memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Tambahan pula usaha jajaran utama dengan izin, currency realignments telahpun dilaksanakan berikutan Plaza Accord pada tahun 1985 dan nilai yen telahpun meningkat dengan nyata. Dengan itu adalah menjadi dasar Kerajaan untuk tidak campurtangan dalam pasaran matawang asing. Operasi Bank Negara ialah cuma untuk menyokong nilai ringgit daripada turun naik yang keterlaluan. Namun begitu bukanlah dasar Kerajaan untuk menjelaskan butir-butir operasi tersebut.

RIZAB LUAR BANK NEGARA

21. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah keuntungan yang dibuat oleh Bank Negara dalam urusan tukaran wang asing bagi tempoh 1986 hingga 1990;
- (b) jumlah pelaburan dalam matawang asing pada masa sekarang dan berikan pecahannya dari segi jenis dan jumlah; dan
- (c) sama ada benar atau tidak bahawa Bank Negara telah menjual US\$500 juta—\$1000 juta paun sterling dalam bulan Oktober/November 1990 di London; dan kalau ya, apakah jumlah keuntungannya.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Maklumat-maklumat berkaitan dengan pengurusan rizab luar Bank Negara Malaysia adalah dikelaskan sebagai rahsia kerana jika diketahui umum khususnya oleh bank-bank antarabangsa ia boleh menjejaskan perancangan dan strategi mengenai pengurusannya.

Oleh kerana urusan jual-beli wang asing adalah merupakan sebahagian daripada pengurusan rizab luarnya, maklumat-maklumat berkaitan dengan keuntungan, jumlah pelaburan, jenis dan jumlah matawang asing yang diurusniagakan oleh Bank Negara iaitu sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tidak dapat diberikan.

Bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat secara am, pihak Bank Negara telah melaburkan rizab luarnya dalam berbagai jenis matawang asing bagi memenuhi obligasi negara dan juga untuk mengelakkan daripada risiko turun naik kadar pertukaran dalam sesuatu matawang asing. Penyenggaraan rizab luar Bank Negara yang melibatkan jual-beli matawang asing adalah selaras dengan peruntukan Ordinan Bank Negara Malaysia 1958.

SEKOLAH MENENGAH SEG HUA DAN SEKOLAH MENENGAH YU HUA—PERMOHONAN

22. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan perkembangan terbaru berkenaan dengan permohonan untuk memulih kembali Sekolah Menengah (Persendirian) Seg Hua di Segamat, Johor dan Sekolah Menengah (Persendirian) Yu Hua di Kajang, Selangor.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah mengkaji secara teliti kedua-dua permohonan yang dimaksudkan itu dan membuat keputusan tidak akan meluluskan permohonan-permohonan tersebut.

PERMOHONAN KERAKYATAN

23. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar berapa banyak pihak kaum bukan bumiputera masih sedang menghadapi masalah berhubung dengan permohonan warganegara mereka. Banyak rayuan yang sedang dibuat oleh Ahli-ahli Wakil Rakyat terhadap kes-kes berkenaan tidak berjaya dan banyak pihak berpendapat pihak Kerajaan mengamal pilih kasih di antara kaum berkaitan dengan masalah warganegara ini. Bolehkah beliau membuat satu kajian untuk menyelesaikan beberapa fail-fail lama yang masih sedang menunggu keputusan dari Menteri Dalam Negeri. Bukankah orang-orang yang telah menduduki di dalam negeri lebih daripada lima tahun patut diberi perhatian yang simpatatik dan saksama dalam perkara ini.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Kerajaan menimbang setiap permohonan kerakyatan mengikut lunas-lunas Perlembagaan. Soal kerakyatan bukan masalah mana-mana

kaum tertentu tetapi adalah masalah kelayakan bagi warganegara asing yang hendak menjadi rakyat Malaysia.

Kementerian Dalam Negeri mengambil masa yang amat munasabah dalam menyelesaikan setiap permohonan kerakyatan.

SKANDAL BMF—KAJIAN SEMULA

24. Dato' K. Kumaran minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah baru yang diambil oleh Kementerian berikutan dengan pendedahan seorang bekas pegawai BMF bahawa beberapa tokoh Kerajaan semasa itu terlibat dalam skandal tersebut.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Ekoran pendedahan oleh seorang bekas pegawai BMF seperti yang tersiar dalam akhbar sebelum tarikh pilihanraya umum 1990 yang baru lalu, pihak Kerajaan Malaysia sedang cuba mengkaji semula kes ini dengan lebih mendalam. Memandangkan kes ini begitu kompleks, kita tidak dapat pastikan dengan tepat tarikh siasatan ini dapat disempurnakan.

PENGARAH MAGNUM CORPORATION—SIASATAN POLIS

25. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengenai laporan polis di Jalan Bandar No. 850/88, berkenaan lesapnya wang sejumlah \$32 juta oleh Pengarah Magnum Corporation Bhd. pada tahun 1986. Pihak Polis telah siap dalam penyiasatan kes ini dan telah menghantar laporan penyiasatan kes ini dan telah menghantar laporan penyiasatan (kertas siasatan No. 349/88) kepada Kamar Peguam Negara sejak 19hb April 1989 bersama-sama dengan butir-butir

dakwaan tetapi sehingga hari ini, Peguam Negara tidak ambil apa-apa tindakan terhadap Pengarah Magnum Corporation Bhd. atas kes ini. Saya meminta Menteri yang berkenaan menjelaskan kenapa Peguam Negara tidak mengarahkan untuk mendakwa walaupun pihak polis telah memberikan butir-butirnya.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan terhadap Laporan Polis bersabit Jalan Bandar Rpt. 850/88 telah selesai dijalankan. Pada 27.11.1990, dua orang Pengarah Magnum iaitu Datuk Choo Ching Hwa dan Encik Lau Eng Sheng @ Liew Yoong Ching telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen I, Jalan Raja, Kuala Lumpur atas tuduhan melakukan kesalahan pecah Amanah Jenayah wang sebanyak \$32 juta pada 30hb Disember 1985 di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan. Kes mereka akan dibicarakan bermula pada 8hb Mei 1991. Mereka dikenakan jamin setiap seorang sebanyak \$200,000 dengan seorang penjamin dan paspot mereka ditahan di Mahkamah sebagai syarat jaminan.

PERUNTUKAN PROJEK PEMBANGUNAN

26. Tuan Ahmad bin Nor minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan akan berlaku adil kepada rakyat di semua kawasan pilihanraya sama ada yang diwakili oleh Barisan Nasional atau pihak parti-parti Pembangkang dalam membiayai projek-projek pembangunan yang diperlukan.

Tuan Othman bin Abdul: Dalam mengagihkan peruntukan bagi membiayai projek-projek pembangunan, Kerajaan telah dan sedang berlaku adil kepada rakyat di semua kawasan pilihanraya sama ada yang diwakili oleh Barisan Nasional atau pihak-pihak parti Pembangkang.

BURUH MURAH

27. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Sumber Manusia menyatakan selama manakah Kerajaan mahu mengamalkan dasar buruh murah di negara ini yang mana terdapat eksploitasi secara berleluasa ke atas kaum pekerja di dalam sektor-sektor swasta kerana upah atau gaji mereka dibayar secara sukahati oleh majikan-majikan yang tidak bertanggungjawab tetapi hanya mementingkan keuntungan yang besar.

Menteri Sumber Manusia (Dato' Lim Ah Lek): Dakwaan Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kerajaan mahu mengamalkan dasar buruh murah di negara ini adalah tidak berasas dan tidak benar sama sekali. Seperti Ahli Yang Berhormat sedar Kerajaan tidak campurtangan dalam proses penentuan gaji di sektor swasta. Kadar upah bagi pekerja-pekerja dalam sektor bukan berkesatuan adalah ditentukan berdasarkan persetujuan bersama antara pekerja sendiri dengan majikan. Bagi pekerja-pekerja dalam sektor berkesatuan pula, penentuan upah adalah melalui perundingan bersama atau sekiranya perundingan gagal menghasilkan persetujuan, ianya akan ditentukan melalui timbang-tara Mahkamah Perusahaan. Oleh itu dakwaan Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kerajaan mengamalkan dasar buruh murah adalah tidak tepat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh tiga tahun yang lepas, kadar upah secara keseluruhannya telah meningkat akibat keadaan pasaran buruh yang ketat dan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan. Peningkatan kadar upah ini telah juga diikuti dengan bertambahnya daya pengeluaran dan peningkatan kemahiran pekerja-pekerja kita. Kadar upah di Malaysia juga didapati kedua tingginya di rantau ASEAN.

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG AUDIT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Audit, 1957 dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini apabila tamat mesyuaratnya hari ini hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang esok, Jumaat, 14hb Disember, 1990.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini apabila tamat mesyuaratnya hari ini hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang esok, Jumaat, 14hb Disember, 1990.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1989 DAN 1990) (No. 2)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2) 1990

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) (No.2) dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.2) 1990" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (Hari Kedua).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Arau, sila sambung.

Maksud B.30 [Jadual Pertama]—

Maksud B.28, B.29 dan B.30 [Jadual Kedua]—

Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1990]—

3.35 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, saya ingin menyambung perbahasan saya mengenai Maksud

B.30. Semalam saya telah sebutkan bahawa sampailah masanya supaya bantuan teknikal di bawah tabung ini diberi perhatian yang serius kepada penyertaan bumiputera dalam perindustrian kecil dan sederhana ini. Oleh kerana kami tidak mendapat maklumat yang jelas mengenai peruntukan ini, maka saya ingin bertanya beberapa soalan kepada Menteri yang berkenaan.

Yang pertamanya, apakah tujuan utama Tabung ini ditubuhkan iaitu seperti yang telah disebutkan tadi ialah hanya untuk bantuan teknikal. Tetapi di sini saya ingin melihat sejauhmana ianya dibandingkan dengan skim pinjaman khas yang telah dianjurkan oleh Kerajaan, daripada Bank Dunia dan sebagainya. Bagaimanakah bantuan ini telah diberikan dan sambutan yang diterima sehingga kini?

Saya juga ingin mendapat penjelasan iaitu kepada kumpulan manakah Tabung ini telah disasarkan iaitu maksudnya pecahan mengikut sektor industri umpamanya tools dan sebagainya. Apakah ianya dikhaskan kepada bumiputera ataupun diberikan keutamaan kepada bumiputera? Apakah langkah yang telah diambil sehingga kini untuk memastikan kualiti barangan yang dikeluarkan oleh pengusaha yang menerima faedah daripada skim ini?

Dalam skim ini telah disebutkan bahawa peruntukan tambahan telah diberi sebanyak \$50 juta. Saya ingin bertanya, sebanyak manakah atau berapa banyak yang sudah dibelanjakan sehingga kini terutamanya mengikut pecahan-pecahan industri kecil dan sederhana seperti komponen automative elektrik, komponen kereta dan alat-ganti, komponen elektronik, kejuruteraan ringan, industri getah, plastik dan sebagainya. Saya juga ingin mendapat penjelasan berapa banyakkah

peruntukan yang telah dikeluarkan kepada bumiputera dan bukan bumiputera dan adakah peruntukan telah juga diberikan untuk R & D untuk menyokong skim ini dan akhirnya sekali apakah skim ini telah mendapat sokongan daripada syarikat-syarikat besar oleh sebab syarikat-syarikat besar ini amat penting oleh kerana merekalah yang akan memberikan sokongan kepada industri-industri sokongan mereka?

Kemudian yang keduanya, Tuan Pengerusi, berhubung dengan B.28 dan juga P.28 iaitu di bawah Lembaga Pembangunan Langkawi. Saya juga ingin mencadang dan bertanya kepada Menteri yang terlibat apakah Menteri maklum bahawa pada masa sekarang di Langkawi kita menghadapi masalah infrastruktur untuk membangunkan kawasan-kawasan yang sekarang ini kita anggap indah dan cantik tetapi tidak ada infrastruktur yang lengkap untuk sampai ke tempat tersebut. Contohnya ialah seperti pembinaan jalan, bekalan elektrik, bekalan air, kemudahan telekomunikasi dan sebagainya.

Kemudian berhubung dengan sistem pembentungan pusat. Saya ingin bertanya adakah Kerajaan bercadang di bawah Skim Pembentungan ini yang telah disebutkan ini, bercadang untuk membina sistem pembentungan pusat, terutamanya di kawasan Pekan Kuah dan juga Padang Mat Sirat. Oleh kerana kita takut kalau sekiranya hotel-hotel menyediakan septic tank mereka sendiri kemungkinan besar mereka discharge benda-benda yang tidak elok ke laut dan ini akan mencemarkan pantai Langkawi. Jadi, apakah pihak Kerajaan ingin mengadakan sistem pembentungan pusat untuk membolehkan perkara-perkara ini tidak berlaku dan bagaimanakah kawalan dibuat kepada chalet-chalet persendirian dan sebagainya yang mana sekarang ini mengadakan septic tank mereka sendiri

dan pelancong di dalam dan luar negeri yang pergi ke sana tidak mengetahui, kadang-kadang benda itu telah disalurkan ke laut dan sebagainya.

Kemudian saya juga ingin bertanya bagaimanakah sistem pengangkutan, terutamanya sistem pengangkutan feri yang lebih moden hendaklah ditambah di antara Kuala Perlis ke Langkawi. Sebab saya percaya tumpuan harus diberikan kepada Kuala Perlis untuk mengimbangkan yang Langkawi berada di Kedah. Dengan itu adillah Perlis dan Kedah sama-sama mendapat manfaat daripada pembangunan Langkawi.

Kemudian dari segi penerbangan. Menteri Pengangkutan ada di sini—saya tidak minta diberhentikan, jadi saya boleh cakap terus, saya tidak melanggar 36(1). Apakah kita hendak jadikan Langkawi sebagai stop over package iaitu bagi syarikat-syarikat penerbangan. Dengan itu sesuai Langkawi sebagai destinasi pelancongan yang utama di negara ini.

Akhir sekali berhubung dengan Langkawi ataupun LADA ini, ada satu perkara yang pihak Kementerian diminta memberi perhatian kepada LADA ini, iaitu supaya kita mempelbagaikan ekonomi ataupun mempelbagaikan pendapatan penduduk-penduduk di Langkawi supaya mereka tidak hanya bergantung kepada pelancongan, sebab kalau sekiranya kita membina fikiran mereka hanya bergantung kepada pelancongan, saya takut di musim kurang pelancong pendapatan mereka ini akan terjejas dan sebagainya.

Jadi, dengan itu Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tanjong.

3.44 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):

Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyentuh satu perkara sahaja iaitu Maksud P.28 (iii) Butiran (Projek) 02700 (Baru)—Pembelian Saham Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB) daripada PETRONAS.

Tuan Pengerusi, inilah zaman penswastan yang kerap kali dilaung-laungkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Kalau begitu, kalau satu antara tujuan penswastan ialah untuk mengurangkan beban perbelanjaan Kerajaan, kenapa Kerajaan hari ini meminta satu peruntukan sebegitu besar—\$1 bilion untuk membiayai pembelian saham Bank Bumiputra Malaysia Berhad daripada PETRONAS. Kita tahu bahawa mungkinlah ini ada bersangkutan-paut dengan skandal Bank Bumiputera yang kedua di mana ada mengalami kerugian lebih daripada \$1 bilion selepas Bank Bumiputera skandal yang pertama bersangkutan-paut dengan skandal Bumiputera Malaysia Finance. Saya rasa bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen, tetapi rakyat jelata ada hak ataupun apakah sebenarnya cerita dan gambaran mengenai skandal Bank Bumiputera yang kedua. Adakah ini bersangkutan paut dengan pinjaman-pinjaman yang tidak bertanggungjawab yang diberi oleh Bank Bumiputra, khususnya kepada syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang ada bersangkutan-paut dengan UMNO Baru.

Tadi, dalam masa soalan jawab-mulut, kita dengar bahawa UEM dapat lagi satu projek besar-besaran iaitu untuk memberi Causeway yang kedua antara Singapura - Johor. Surat hasrat (letter of Intent) sudah dikeluarkan kepada United Engineers Malaysia, Syarikat UMNO Baru, dan kita dengar bahawa ini dibuat oleh kerana projek ini unik. Saya rasa sebab yang sebenarnya bukan kerana projek itu unik, mana ada uniqueness,

dengan izin, dalam projek ini, apa yang unik ialah “syarikat itu unik”, oleh kerana syarikat itu Syarikat UMNO. (*Tepuk*). Itulah UEM yang unik dan nampaknya bukan sahaja UMNO, MCA, MIC—GERAKAN sekarang sudahpun menjadi alat boneka UMNO untuk mencapai tujuan UMNO. Saya mahu tanya adakah permintaan ini ada pertalian ataupun ada perhubungan dengan pinjaman UMNO melalui Putra World Trade Centre untuk projek Putra World Trade Centre daripada Bank Bumiputera dan kalau saya tidak silap \$350 juta. Adakah antara lain sebab kenapa hari ini ada satu permintaan untuk peruntukan ini ialah oleh kerana mahu menyelamatkan UMNO, sebuah parti politik dan rakyat jelata mahu keluar wang—(Lagi seorang pemimpin UMNO Baru masuk).

Kita semua tahu lagi satu sebab kenapa Bank Bumiputera ada masalah ialah masalah BMF. Hari ini kita baca dalam suratkhbar bahawa bekas Pengerusi BMF, Lorrain Osman sudah gagal lagi dalam usaha keempat untuk melawan ekstradisi ke Hong Kong dan satu sebab beliau ada kemukakan untuk meminta memohon extradisi *habeas corpus* keempat ialah bahawa mengikut peguamnya, Queen’s Counsel Martin Thomas bahawa Kerajaan Malaysia tidak mahu menjalankan perbicaraan dalam Malaysia, semua pesalah-pesalah di bawah BMF. Saya mahu tahu adakah ini pendirian Kerajaan Barisan Nasional, oleh kerana kita ada satu permohonan untuk \$1.1 bilion untuk menyelamatkan Bank Bumiputera kali yang kedua.

Kalau kita boleh dapat wang balik yang kita hilang dalam skandal BMF yang pertama, ataupun skandal Bank Bumiputra yang pertama, tidak perlu lagi Kerajaan datang ke Dewan ini untuk meminta peruntukan ini. Yang pertama apakah pendirian Kerajaan Barisan Nasional mengapa tidak mahu mengadili, tidak mahu meminta supaya Lorrain Osman diextradite, dengan izin, ke Malaysia supaya satu perbicaraan

boleh diadakan dan dalam suratkhbar hari ini pun kita boleh baca bahawa Lorrain Osman takut, kalau dia dihantar ke Hong Kong dia tidak boleh dapat satu perbincaraan yang adil, oleh kerana tidak ada saksi-saksi yang mahu pergi, sungguhpun Kamarul Ariffin, bekas Pengerusi Bank Bumiputera sudah memberi kenyataan dia akan bersedia untuk menjadi saksi, tetapi Yang Berhormat dari Tambun, yang duduk di belakang sana, saya ada tanya dia di 'maiden speech' apa pendiriannya, tetapi sampai sekarang belum buka mulut. Apakah pendiriannya?

Timbalan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu tidak kena-mengena dengan tajuk yang kita bincangkan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, Bank Bumiputra, kenapa kita mahu \$1.1 bilion. Kalau Yang Berhormat dari Tambun tidak cuai, bertanggungjawab tentulah tidak payah kita datang untuk permohonan yang kedua sebanyak \$1.1 bilion

Dr Nawawi bin Mat Awin: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Boleh berdiri ya!

Dr Nawawi bin Mat Awin: Tuan Pengerusi, ini

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan?

Dr Nawawi bin Mat Awin: Point of order 36 (1). Ini tidak ada kena-mengena dengan perbincangan.

Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi telah menyebutkan bahawa saya tidak buka mulut, saya tidak buka mulut sebab saya tidak ada peluang. Saya banyak kali bangun.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Tambun, point of order yang ke berapa?

Dr Nawawi bin Mat Awin: 36.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): 36 (1) ya!

Dr Nawawi bin Mat Awin: Tidak ada kena-mengena dengan perbincangan dan hendaklah ditunjukkan kepada hal ini.

Tuan Lim Kit Siang: Dia kata tidak ada peluang, tetapi saya beri dia peluang sekarang.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Tanjong, sila balik kepada tajuk yang kita bahaskan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap dalam ucapannya dia akan memberi jawapan. Adakah dia akan pergi ke Hong Kong untuk menjadi saksi dalam kes Lorrain Osman? (*Tepuk*) Sekarang boleh jawab.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat pandang ke sini, bukan pandang ke sana.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ini satu kes yang besar, satu skandal yang besar dan saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertanggungjawab dalam perbincangan peringkat Jawatankuasa ini dapat memberi satu jawapan yang jelas, yang terang, apakah pendirian Kerajaan dalam Skandal BMF, jangan menggunakan isu ini untuk pilihanraya besar sahaja, semacam kes surat-surat, nampaknya palsu, surat Lorrain Osman di masa pilihanraya besar sekarang diam, senyap, apa yang kita mahu ialah:

- (i) adakah Peguam Negara akan mengambil tindakan supaya Lorrain Osman boleh di-extradited, dihantar balik ke Malaysia supaya dibicarakan dan diadili; dan
- (ii) adakah semua sokongan yang akan diberi oleh semua pihak dalam Barisan Nasional supaya

satu perbincangan yang mendalam boleh diadakan sama ada dalam Malaysia atau di Hong Kong khususnya sama ada Ahli Parlimen dari Tambun akan pergi ke Hong Kong untuk menjadi saksi.

Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka.

3.46 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya juga hendak merujuk kepada Maksud P.28, Butiran 02400, Butiran 02600, Butiran 02700 dan Butiran 02800 yang saya akan membahaskan sekali gus.

Tuan Pengerusi, saya berasa terkejut bahawa dalam permintaan Anggaran Pembangunan Tambahan yang begitu besar untuk membeli saham PROTON daripada HICOM sebanyak \$225 juta ini, penjelasan yang lebih mendalam, yang lebih luas tidak diberikan dan sama juga dengan permintaan tambahan sebanyak \$1,135 juta yang dikehendaki untuk membeli saham Bank Bumiputra Malaysia daripada PETRONAS, sama juga penjelasan yang lebih mendalam, yang lebih terperinci tidak diberi, sama juga, sekali lagi apabila tambahan sebanyak \$500 juta untuk pembelian saham Syarikat Telekom Malaysia Berhad juga tidak diberi. Ketiga-tiga permintaan ini menjangkau lebih daripada \$2,000 juta.

Tuan Pengerusi, saya harap pihak Kementerian apabila memohon daripada Dewan yang mulia ini untuk meluluskan tambahan yang sebegitu banyak, butir-butir lanjut secara mendalam dan terperinci harus diberikan, kalau tidak maca mana Ahli-ahli Dewan boleh membahaskan mengenai tambahan yang diminta, itu satu permintaan.

Tuan Pengerusi, apakah tujuan, apakah yang diminta wang lebih daripada \$2,000 juta ini?

Yang kedua, mengenai permohonan \$1,135 juta yang dikehendaki untuk membeli saham Bank Bumiputra daripada PETRONAS seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi, jelas menunjukkan bahawa Kerajaan tidak peka tentang apa yang berlaku. Ada satu peribahasa Inggeris yang menyatakan "You do not lock the stable doors after the horses have bolted," because it is useless but at least you should try to lock it, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Di sini jelas tidak kecuali langsung, sudah berlaku kali yang pertama, berlaku sekali lagi lightning never strikes twice, tetapi untuk Skandal Bank Bumiputra jelas sekali boleh berlaku dua kali, mungkin tiga kali.

Ada Bank Bumiputra Skandal I, sekarang ada Skandal II, saya takut nanti ada Skandal Bank Bumiputra Malaysia yang III. Saya rasa ini adalah satu kecuaihan, satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab, tidak professional langsung oleh pihak yang berkenaan.

Sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bising tentang Skandal BMF I sebanyak \$2,500 juta. Tetapi mengapa Skandal - II sebanyak \$1,135 juta tidak dihiraukan langsung?

Perhatian yang sama harus diberikan dan mengikut laporan suratkhbar kerugian yang dialami oleh Bank Bumiputra adalah disebabkan oleh hutang-hutang lapuk tempatan, not foreign loans, dengan izin, tetapi oleh kerana hutang-hutang lapuk tempatan dan kebanyakannya terdiri daripada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional.

Bank Bumiputra didirikan untuk membantu kaum bumiputera, itulah tujuan yang dikatakan oleh Kerajaan, tetapi saya rasa bukan membantu kaum

bumiputera, membantu UMNO-putra atau B.N-putra. Saya rasa nama Bank Bumiputra harus ditukar jadi Bank Barisan Nasional-putra atau Bank UMNO-putra.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ucapan Yang Berhormat sudah terpesong sedikit daripada tajuk.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, oleh sebab itu saya harap bahawa satu siasatan yang mendalam diadakan dan untuk Skandal Bank Bumiputra I dan kalau pihak Kerajaan tidak mahu diadakan satu Siasatan Suruhanjaya DiRaja, adakan satu Kertas Putih mengapa wang yang sebegitu banyak diperlukan untuk menyelamatkan Bank Bumiputra sekali lagi. Adakah kita akan datang ke Dewan ini besok dan lihat permintaan kali ketiga sebanyak \$2,000 juta?

Dahulu apabila skandal yang pertama berlaku jaminan telah diberikan tidak akan berlaku lagi, tetapi sekarang, mungkin Tuan Pengerusi ada tengok iklan di Televisyen 'satu kali', ini satu kali lagi—itu susu yang hendak diminum satu kali, ini sudah terjadi satu kali lagi. Saya khawatir mungkin sekali lagi akan berlaku. Ini adalah akibat sebuah Kerajaan yang tidak bersih, tidak cekap dan tidak amanah.

Saya tidak tahulah sama ada hendak endah atau tidak endah, tetapi kalau tidak di masa pilihanraya akan datang akan dapat hukuman yang sewajarnya. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

3.59 *ptg.*

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang dan Usul berkenaan Kementerian Kewangan di peringkat Jawatankuasa ini.

Saya akan cuba menjawab apa yang dibangkitkan.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah membangkitkan tiga perkara mengenai Lembaga Pembangunan Langkawi. Untuk makluman Dewan ini bahawa Lembaga Pembangunan Langkawi ditubuhkan dengan matlamat:

- (i) mengembeling sumber tenaga kepakaran kewangan dan lain-lain untuk membangunkan Langkawi sebagai destinasi pelancongan dan pasaran bebas cukai terkemuka di Asia yang menarik, bersih dan murah; dan
- (ii) memastikan penduduk tempatan khususnya bumiputera mendapat manfaat daripada pembangunan tersebut selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Berhubung dengan masalah kebersihan pantai yang tercemar akibat hakisan disebabkan oleh usaha-usaha pembangunan, pihak Lembaga sangat mengambil berat tentang perkara ini. Kajian pelan struktur Langkawi yang dijalankan oleh pihak Lembaga, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan kerjasama Juruperunding dari Kerajaan Peranchis turut memberi penekanan kepada aspek-aspek pemeliharaan alam sekitar di Pulau Langkawi. Sehubungan itu pihak Lembaga telahpun diberi peruntukan secara tambahan iaitu \$1.789 juta yang mana dibentangkan untuk kelulusan Parlimen sekarang bagi tujuan perbelanjaan pembersihan termasuk pembelian peralatan-peralatan.

Mengenai pembinaan 'chalet', sukacita saya memberitahu Ahli Yang Berhormat, bahawa 'chalet' tersebut adalah untuk disewakan kepada

pelancong. Ianya meliputi 150 buah bilik dan akan dibina dalam dua fasa. Pembinaan dan pengurusannya akan dijalankan oleh Syarikat PERNAS OUE (Sdn.) Berhad secara pajakan selama 10 tahun.

Berhubung dengan masalah perumahan kakitangan Lembaga Pulau Langkawi pula, adalah benar pengurusnya tinggal di hotel tetapi sewanya hanyalah \$120 sehari. Sebagai langkah jangkamasa panjang Lembaga telahpun membeli rumah-rumah untuk kakitangannya. Buat masa ini rumah-rumah tersebut masih dalam pembinaan dan dijangka siap pada bulan Februari 1991.

Mengenai perkara peruntukan bekalan air sebanyak \$7.774 juta yang turut dibangkitkan adalah diperlukan bagi menampung projek sambungan sistem bekalan air Pulau Langkawi iaitu sebanyak \$2.452 juta manakala \$5.322 juta untuk projek bekalan air ke Teluk Burau iaitu satu kawasan pelancongan baru dan peruntukan-peruntukan yang diberikan adalah untuk kos pembelian dan pemasangan paip, pembinaan kolam air, rumah pam dan tangki sedutan dan juga lain-lain kerja termasuk kerja ukur.

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Arau mengenai pembangunan infrastruktur, ingin saya mengingatkan Dewan ini bahawa pada tahun lalu peruntukan tidak kurang \$300 juta telahpun dilaburkan untuk membangunkan infrastruktur di Pulau tersebut.

Mengenai soal pembentungan yang lebih baik lagi, itu adalah di antara perkara-perkara yang mungkin dapat diambil kira oleh pihak Lembaga pada masa-masa yang akan datang.

Mengenai perkara kemungkinan mempelbagaikan lagi kegiatan ekonomi di Pulau Langkawi

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak bertanya ini bukan soalan saya, tetapi soalan yang telah dibangkitkan oleh kawan saya semalam. Dalam usaha kita dalam membangunkan infrastruktur Pulau Langkawi, kita lihat orang-orang yang membangunkan ini adalah orang-orang yang tidak mengambil kira faktor-faktor lain. Contohnya kalau kita minta dia buat jalan—kita kena clearkan hutan 60 kaki—dia clearkan 100 kaki, sebagai contohnya. Jadi, persoalan kita sekarang ini ialah pembangunan infrastruktur yang seimbang iaitu yang boleh menjamin kawasan tadahan mencukupi dan sebagainya. Walaupun ada peruntukan untuk bekalan air tetapi air di Langkawi akan habis sebab di antara kawasan yang penting yang membekalkan air adalah kawasan Gunung Raya, tetapi Yang Berhormat telah beri peruntukan untuk membina jalan atas cadangan seorang Perdana Menteri di negara jiran, membina jalan naik ke Gunung Raya, akhirnya kawasan air terjun, tempat perkelahan semua sudah tidak ada lagi. Ini menunjukkan bahawa bekalan air makin berkurangan. Jadi, kalau sekiranya belum terlewat, bagi saya telah terlewat sebagai seorang pencinta alam semula jadi, agak terlewat sedikit, apakah cara yang membolehkan pembangunan infrastruktur yang seimbang yang tidak merosakkan keadaan semula jadi? Sebab saya tidak mahu seperti kawan-kawan saya di sebelah sana yang menyoal pembalakan dan sebagainya, mereka kata mereka pencinta alam semula jadi, sebenarnya mereka tidak tahu langsung apa yang dimaksudkan alam semula jadi. Saya di antara pakar sebab saya ialah pemanjat gunung yang saya buat pada tiap-tiap bulan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, tujuan pertama mewujudkan Lembaga ini adalah untuk meraih segala kepakaran yang ada ke arah membangunkan pulau tersebut supaya dapat dinikmati oleh bukan sahaja oleh rakyat Malaysia bahkan masyarakat dunia.

Yang ketiga, disebut juga di antara tujuannya ialah untuk digembeling kerjasama di antara pihak Kerajaan dan pihak swasta ke arah pembangunan pulau tersebut. Berdasarkan kepada matlamat satu dan kerjasama yang sepatutnya wujud di antara semua pihak, jika sekiranya ada perkara-perkara yang memerlukan kepada ke arah pembangunan yang seimbang, maka Lembaga yang telahpun diwujudkan bukan sahaja sepatutnya menuju ke arah itu bahkan juga mengambil kira apa jua yang agak terlanjur yang mungkin telah berlaku hingga kini. Ini saya percaya mengambil kira tentang perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Arau tadi. Ahli Yang Berhormat daripada Kepong telah menyentuh tentang soal pindahan wang sebanyak \$600 juta dari Anggaran Belanja Mengurus kepada Kumpulan-wang Pembangunan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, wang sebanyak \$600 juta itu sebenarnya adalah lebih hasil setelah ditolak Belanja Mengurus bagi tahun 1989. Lebihan ini diperolehi hasil daripada pengurusan Belanja Mengurus dan kutipan hasil yang cekap sehingga kita mempunyai lebihan. Pemindahan ini sepatutnya kita alu-alukan kerana ianya telah dapat mengurangkan keperluan negara meminjam untuk membiayai projek pembangunannya. Pemindahan ini adalah dibenarkan di bawah Seksyen 10(1) Akta Acara Kewangan 1957 dan diharap dengan penjelasan yang diberikan Yang Berhormat daripada Kepong tidak akan merasa bingung lagi.

Menyentuh tentang kemudahan daripada Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian Kecil dan Sederhana pula, suka saya memaklumkan bahawa kemudahan ini adalah terbuka kepada semua industri kecil dan sederhana sama ada yang diusahakan oleh bumiputera ataupun bukan bumiputera. Semua industri kecil dan sederhana yang beroperasi dalam sektor perkilangan boleh memohon untuk mendapatkan

bantuan daripada Tabung tersebut dengan syarat ia berdaftar di bawah Akta Syarikat dan modal syarikat adalah kurang atau tidak melebihi daripada \$2.5 juta, ekuiti syarikat adalah sekurang-kurangnya 70% dipegang oleh rakyat Malaysia.

Oleh yang demikian, perkara Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian Kecil dan Sederhana dikhususkan untuk sesuatu pihak tertentu sahaja adalah tidak timbul sama sekali.

Menyentuh tentang isu kebanjiran tenaga buruh asing di negara ini khususnya dari negara Indonesia dan Thailand, sukalah saya memberitahu Yang Berhormat daripada Kepong bahawa dari segi ekonomi ini adalah satu fenomena biasa di mana ada pembangunan dan sumber rezeki di situlah manusia akan tertumpu.

Yang Berhormat daripada Arau membangkitkan juga perkara Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian Kecil dan Sederhana. Beliau telah menyarankan agar wang tabung tersebut digunakan di bawah Kementerian-kementerian tertentu untuk membantu industri kecil dan sederhana berkembang di kawasan luar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil langkah supaya Tabung yang berjumlah \$50 juta tersebut yang diselaraskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah diagihkan kepada beberapa agensi Kerajaan yang menurut skim bantuan tertentu seperti:

- (i) skim kajian kemungkinan diuruskan oleh Bank Pembangunan Malaysia dengan peruntukan sebanyak \$5 juta;
- (ii) skim pembangunan dan rekabentuk produk yang diuruskan oleh Instituit

Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dengan peruntukan sebanyak \$20 juta;

- (iii) skim peningkatan kualiti dan produktiviti yang juga diuruskan oleh SIRIM dengan peruntukan sebanyak \$20 juta; dan
- (iv) Skim Pembangunan Pemasaran yang diuruskan oleh Pusat Perdagangan Eksport Malaysia (MEXPO) dengan peruntukan sebanyak \$5 juta.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Mengenai perkara yang dibangkitkan hari ini oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau, saya ingin memaklumkan bahawa apabila peranan-peranan itu dibahagi-bahagikan di antara Bank Pembangunan Malaysia, SIRIM dan MEXPO adalah diharapkan bahawa kerja-kerja seperti kajian kemungkinan (feasibility study), kajian mengenai spesifikasi produk yang sesuai dan kajian mengenai kemungkinan pemasaran kualiti dan produktiviti diagih-agihkan di antara agensi-agensi yang mampu melaksanakan tanggungjawab dan peranan yang telah ditentukan.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong. Yang pertamanya ialah Yang Berhormat menyebut tentang zaman penswastaan, mengapa berlaku pembayaran satu jumlah yang besar kepada agensi-agensi tertentu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa langkah yang dibuat adalah tidak berlawanan dengan matlamat dan proses penswastaan. Apa yang dilakukan pada tahun ini melalui peruntukan tambahan ini adalah untuk tujuan menjadikan institusi-institusi yang menerimanya sebagai institusi yang mempunyai wibawa yang akan tiba

pada satu ketika nanti menjadi institusi yang boleh dilaksanakan sebagai institusi yang diswastakan dan diterima oleh masyarakat yang akan menerima agensi-agensi dan institusi-institusi tersebut.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, silakan.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah ini bererti bahawa kalau tidak ada pembayaran ini, bahawa institusi yang akan menerima wang \$1.1 bilion ini iaitu Petronas tidak berwibawa? Yang kedua, adakah ini bererti bahawa Petronas akan diswastakan? Kalau tidak, bukankah hujah-hujah ini semua, dengan izin, tidak boleh masuk akal.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, bayaran yang dibuat oleh pihak Kerajaan kepada Petronas berlaku dengan tujuan untuk mengalihkan pemilikan Bank Bumiputra daripada Petronas kepada pihak Kerajaan. Petronas sudahpun melaksanakan tanggungjawabnya untuk beberapa ketika menyelamatkan kedudukan Bank Bumiputra daripada tarikh tahun 1984. Selepas daripada ini Petronas diandaikan mempunyai tanggungjawab yang lebih besar lagi untuk tujuan membangunkan industri-industri petro-chemical, kerja-kerja refineries dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan projek-projek gas di negara kita ini. Maka sewajarnya Petronas itu meneruskan tugas mereka di mana kepakarannya agak lebih mampu dalam bidang-bidang yang saya sebutkan tadi. Ini bermakna bahawa apabila diubah pemilikan itu dengan bayaran pada kadar "par" maka pembayaran daripada pihak Kerajaan adalah untuk memindahkan pemilikan daripada Petronas kepada pihak Kerajaan Persekutuan. Pada satu hari nanti apabila institusi-institusi tersebut dianggap wajar untuk melalui proses penswastaan maka Kerajaan akan

mencadangkan melalui pendekatan yang sewajarnya ke arah matlamat penswastaaan. Tidak kira apakah agensi mengikut kesesuaian institusi dan agensi dan kesesuaian masa

Tuan Lim Kit Siang: Soalan saya tadi ialah adakah ini bererti bahawa ia menjadi hasrat Kerajaan satu hari nanti untuk menswastakan Petronas?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, Kerajaan mempunyai satu pendekatan kebelakangan ini untuk menekankan peranan yang boleh dimainkan oleh sektor swasta. Saya tidak rela untuk dirujuk tentang institusi-institusi tertentu ke arah penswastaaan. Saya mengatakan bahawa apabila tiba masanya kesesuaian agensi atau institusi-institusi tertentu akan terangkum di dalam pendekatan yang saya maksudkan bahawa penekanan pada masa-masa akan datang ialah untuk mengizinkan rakyat Malaysia di sektor swasta yang mempunyai kemampuan, mempunyai inovasinya, mempunyai inisiatif mereka untuk memajukan negara ini dengan cara membesarkan lagi peranan sektor swasta pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, bolehkah saya mengubah cara pertanyaan saya supaya boleh dapat satu jawapan yang lebih tepat. Adakah ini bererti bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menolakan kemungkinan suatu hari nanti Petronas akan diswastakan oleh pihak Kerajaan, dan kedua pun tidak menolak kemungkinan kalau penswastaaan Petronas itu dilakukan . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Tanjong, minta perhatian. Tadi penjelasan sudah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, tidak

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sudah dua tiga kali Yang Berhormat telah bangkit tentang perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menjawab terus.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu dalam perbahasan jawapan yang tepat. Tentu Yang Berhormat Timbalan Menteri

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sudah dijelaskan.

Tuan Lim Kit Siang: Tentu Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri tahu jawab, tidak payah ditunjuk jalan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sudah dijelaskan.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah saya tanya dia, sebab dia sudah beri jalan mengikut Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Penjelasan itu sudah dijelaskan.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat dan Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah memberi jalan. Bolehkah saya habiskan?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Pendekkan.

Tuan Lim Kit Siang: Baik. Yang pertama, adakah ini bererti bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menolak kemungkinan bahawa suatu hari nanti Petronas boleh diswastakan. Yang kedua, mungkin pun diswastakan oleh syarikat-syarikat semacam UEM.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada yang awal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong yang mengatakan bahawa keperluan tambahan ini untuk institusi-institusi yang disebutkan adalah berlawanan dengan dasar penswastaan. Saya sekadar mengatakan bahawa pada ketika ini pembayaran-pembayaran tersebut adalah bertujuan untuk memastikan bahawa institusi-institusi tersebut dapat dikendalikan dengan sebaik-baiknya dan ianya adalah terangkum dalam dasar Kerajaan yang lebih luas lagi bahawa Kerajaan memberi penekanan kepada sektor swasta untuk memajukan negara kita ini.

Tuan Lim Kit Siang: U.E.M?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: U.E.M. tidak ada peruntukan tambahan, Tuan Pengerusi. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila teruskan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini bahawa kalau ada pun hutang UMNO kita tidak dapat memastikan sama ada pada ketika ini adakah harta UMNO ataupun hutang UMNO. Insya Allah kalau dapat dipastikan tentang hutang UMNO, UMNO akan membayar hutang-hutangnya.

Mengenai soal perbicaraan yang mungkin berlaku, perkara itu berlaku di Hong Kong. Maka kita menunggu apa yang muktamadnya tentang perkara yang sedang kita nanti-nanti di Hong Kong.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menyebut tentang soal saham PROTON dan STM. Saya sekadar untuk menjawab bahawa pembayaran sebanyak \$225 juta kepada PROTON dengan tujuan untuk mengizinkan Minister of Finance

Incorporated memiliki 25% saham di PROTON dan untuk menurunkan peratusan pemilikan HICOM di PROTON dengan tujuan supaya dapat bersama-sama menyertai dalam proses mengendalikan PROTON itu dan lagi sekali saya ingin menegaskan di sini bahawa apabila tiba masanya nanti seperti EON, maka apa pun peruntukan yang disalurkan hingga kini akan dapat dikendalikan dengan cara-cara yang paling sesuai melalui proses-proses penswastaan.

Ingin saya yakinkan kepada Dewan ini Tuan Pengerusi, bahawa usaha-usaha yang dibuat oleh pihak Kerajaan untuk menyalurkan peruntukan-peruntukan tersebut bukanlah untuk tujuan membazirkan wang rakyat. Tujuannya adalah samata-samata untuk jangkamasa tertentu untuk menyelamatkan wang rakyat dan pendekatannya, caranya, masa untuk kita mencapai matlamat yang mutakhir itu akan dapat kita saksikan pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, itulah jawapan-jawapan yang dapat saya sampaikan mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di bawah Kementerian saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$600,000,000 untuk Maksud B.30 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama dan wang sejumlah \$1,311,000 untuk Maksud B.28; \$8,000,000 untuk Maksud B.29 dan \$50,000,000 untuk Maksud B.30 jadi sebahagian daripada Jadual Kedua di bawah Kementerian Kewangan hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$600,000,000 untuk Maksud B.30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama;

dan \$1,311,000 untuk Maksud B.28; \$8,000,000 untuk Maksud B.29 dan \$50,000,000 untuk Maksud B.30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,877,309,000 yang disebutkan dalam Maksud P.28 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,877,309,000 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1990.

Maksud B.33 (Jadual Kedua)—

Maksud P.33 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1990)—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepala B.33 dan P.33 di bawah Kementerian Perusahaan Awam terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Sepang.

4.24 ptg.

Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang (Sepang): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit mengenai Maksud P.33, Kementerian Perusahaan Awam, Butiran 00600—Majlis Amanah Rakyat.

Peruntukan tambahan sejumlah \$77,576,700 yang telah dibelanjakan untuk membiayai Butiran-butiran projek-projek pembangunan bagi agensi yang diletakkan di bawah Kementerian ini berikutan dengan penyusunan semula Kementerian dan Jabatan mulai 27hb Oktober 1990, adalah amat munasabah. Meletakkan MARA di bawah Kementerian Perusahaan Awam, memanglah tepat dan kena pada tempatnya. MARA yang sekarang ini

mengurus dan mengendalikan lebih daripada 40 buah syarikat-syarikat subsidiari bukan sahaja mesti dilihat dari segi pembimbingan usahawan, malahan mesti dipastikan berkembang menjadi satu korporat yang besar dan berjaya memenuhi cita-cita dan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Sebagai suatu Majlis Amanah Rakyat mesti tidak boleh sekali-kali bersaing dengan perniagaan dan juga perusahaan bumiputera. MARA mesti menyegerakan penyerahan syarikat-syarikat yang telah memperolehi keuntungan dan maju kepada syarikat atau koperasi bumiputera seberapa segera, seperti contoh, Syarikat Sistem Kenderaan Seremban-Kuala Lumpur Sendirian Berhad yang memang daripada awal penglibatan MARA untuk membimbing syarikat bumiputera. Daripada awal juga syarikat tersebut memang telah diserahkan ataupun diminta dikendalikan oleh syarikat-syarikat bumiputera.

Oleh kerana memandangkan perlunya penglibatan MARA, maka syarikat tersebut telah menjadi begitu maju dan berjaya. Sekarang ini sudah sampailah masanya diserahkan kepada kedua-dua syarikat bumiputera yang menjadi pemegang saham iaitu Syarikat Kerjasama Bengkel dan juga Kenderaan Bumiputera Seremban, atau sekurang-kurangnya MARA menyerahkan atau memberi peluang kepada kedua-dua syarikat bumiputera menambah saham sehingga kepada 50:50.

Tuan Pengerusi, Butiran 01400 - Pembangunan Usahawan. Pemindahan Pembangunan Usahawan dan Pusat Khidmat Kontraktor dari Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Perusahaan Awam adalah juga suatu langkah yang bijak. Di bawah Menteri dan Timbalan Menteri yang baru, adalah diharapkan Kementerian akan dapat segera mencapai matlamat melahirkan usahawan bumiputera yang berjaya dan berkualiti.

Usaha mewujudkan atau melahirkan usahawan yang berkualiti mestilah dibuat secara bersepadu di mana MARA yang telah diletakkan di bawah Kementerian Perusahaan Awam memainkan peranan penting dan diharapkan peranan dan program pembangunan usahawan tidak akan bertindih antara satu sama lain.

Melalui peluang ini saya ingin tahu sehingga Oktober 1990, berapakah bilangan usahawan bumiputera kecil, sederhana dan besar yang telah mendapat bimbingan khidmat nasihat dan perundingan serta bantuan galakan serta pinjaman? Apakah ada rancangan-rancangan mengenalpasti dan membimbing bakal-bakal usahawan?

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Tumpat.

4.28 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh Maksud B.33, Kertas Perintah 15, Butiran 050000, 060000 dan 070000; dan juga Maksud P.33, Butiran 0600 iaitu yang pertama, masalah Biasiswa MARA.

Saya mengalu-alukan di atas inisiatif Kerajaan daripada setahun ke setahun telah meningkatkan atau telah menambahkan biasiswa untuk pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran di dalam negeri dan juga melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi perguruan di dalam negeri, sesuai dengan perkembangan ataupun pertambahan daripada pelajar-pelajar itu sendiri.

Cuma permasalahan yang ingin saya timbulkan di sini, Tuan Pengerusi ialah ada timbul sedikit kegelisahan di kalangan pelajar-pelajar yang telah dipilih oleh pihak MARA ini dalam

rangka memberi biasiswa dan melanjutkan pelajaran ataupun pendidikannya ke luar negeri.

Banyak di kalangan pelajar-pelajar itu telah saya jumpai, ada yang mereka jumpa saya dan ada yang saya jumpa mereka. Kegelisahan yang timbul di kalangan pelajar ialah masalah orientasi. Kadang-kadang dia mengatakan kepada saya bukan orientasi tetapi doktrinisasi yang ingin ditanamkan kepada pelajar-pelajar. Kalau saya mahu ceritakan di sini panjang-lebar ceritanya. Ada juga di kalangan pengkursor-pengkursor dalam masa orientasi itu hanyalah memberi satu gambaran iaitu selain daripada Kerajaan sekarang ini, selain daripada UMNO ini semuanya tidak baik. Ini persoalan-persoalan yang timbul, inilah persoalan-persoalan yang dilakukan, yang berlaku. Kenapakah anak-anak yang masih mentah ini menjadi mangsa? Kita sebagai orang dewasa mestilah kita sedar. Mestilah kita jangan takut dan kita tidak perlu takut bahawasanya matlamat kita ini adalah ke arah kebaikan, salah satu yang boleh memperbaiki anak-anak kita apabila mereka brilmu pengetahuan. Kita mestilah memberi peluang kepada anak-anak kita, kita mestilah memberi keyakinan kepada anak-anak kita supaya mereka mampu berfikiran sendiri

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebentar ya.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Tumpat sama ada kita dalam Jawatankuasa ataupun dalam Majlis Mesyuarat?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila tumpukan perbincangan kepada tajuk berkenaan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ya. Dan juga persoalan yang kedua, Tuan Pengerusi, masalah pelajar-pelajar kita yang di luar negeri, keadaannya sama telah berlaku dan saya meminta dengan 10 jari yang terbuka, tambah 2 kaki lagi supaya persoalan ini betul-betul disedari oleh pihak Kerajaan dan supaya perkara-perkara yang betul-betul positif dan supaya pelajar-pelajar kita yang telah kita memberi biasiswa kepada mereka, setelah mereka berada di luar negeri, mereka berada dalam keadaan aman dan juga mereka berada dalam keadaan tenteram.

Tuan Pengerusi, persoalan kedua yang ingin saya sentuh di sini ialah masalah pembangunan usahawan. Saya melihat bahawa apa yang telah berlaku sekarang ini seolah-olah usahawan tempatan ini berada dalam keadaan yang tersempit di antara dua gergasi usahawan, iaitu yang pertama, usahawan luar negeri; yang kedua, ahli politik yang berkepentingan. Ini saya dapat memberi contoh kepada Tuan Pengerusi apa yang berlaku. Cuba lihat sekarang ini apa yang berlaku misalnya dalam persoalan tol ataupun urusan pembinaan 8 jejambat di Bandar Kuala Lumpur ini di mana syarikat-syarikat yang menguasai sebagai kontraktor ini ialah kita lihat seolah-olah syarikat-syarikat tempatan ini, seolah-olah usahawan-usahawan tempatan ini diabaikan di mana kita lihat yang terlibat dalam persoalan ini ialah satu syarikat yang terkenal, iaitu Syarikat Teratai KG Sendirian Berhad di mana Syarikat Teratai ini yang dipengerusikan oleh Dato' Haji Hanapiah. Senarai pemegang saham dalam Syarikat Teratai ini:

- (1) American International Insurance Sdn. Co. Ltd.—\$13 juta;
- (2) Encik Shamsul Norsalim

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli Yang Berhormat, sebentar.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Tumpat apa kena-mengena tol ini dengan perusahaan awam?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Jejambat ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli Yang Berhormat, saya telah jelaskan tadi tumpukan perbincangan kepada tajuk yang berkenaan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Apa yang saya timbulkan di sini bahawasanya saya hendak menggambarkan bahawa usahawan ini berada dalam keadaan tersempit

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Saya cadangkan Yang Berhormat dari Tumpat supaya bangkitkan perkara ini dalam masa kita bahaskan Budget.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Apakah tidak boleh saya bangkitkan persoalan ini dalam perbincangan sekarang?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sekarang kita tumpukan kepada perkara yang dibentangkan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Persoalan yang ingin saya timbulkan, Tuan Pengerusi, ialah saya tidak mahu

Dato' Ismail bin Said: Beri jalan?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta penjelasan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Minta maaf dahulu. Saya tidak mahu bahawasanya keadaan ini akan berterusan. Saya mahukan supaya Kerajaan ini jujur. Saya mahu Kerajaan sekarang ini ikhlas

Dato' Ismail bin Said: Point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat sebentar. Kita dengar daripada sebelah sana, apa dia?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya mahu supaya Kerajaan sekarang ini kalau mahu tolong

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sebentar, sebentar!

Dato' Ismail bin Said: Tertib Mesyuarat. Point of order, sila duduk. 36(1), Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Baca.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Silakan.

Dato' Ismail bin Said: "Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu". Jadi nampaknya Yang Berhormat dari Tumpat membincangkan syarikat-syarikat yang tidak ada kena-mengena dengan syarikat-syarikat yang dibimbing oleh MARA. Adakah syarikat yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu dibimbing oleh MARA ataupun tidak? Buang masa sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli Yang Berhormat, sila ambil perhatian

peruntukan 36(1) supaya tidak kena ganggu.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya telah perhati. Saya bercakap di bawah tajuk Pembangunan Usahawan, saya bukan bercakap masalah MARA sekarang ini, saya bercakap masalah pembangunan usahawan. Saya tidak mahu keadaan usahawan bumiputera khususnya ataupun usahawan-usahawan mana pun di negara kita ini yang melibatkan rakyat negara ini berada dalam keadaan tersempit. Kita berada di sebuah negara merdeka tetapi kita merasakan seolah-olah kita masih berada di bawah penjajahan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Silakan.

4.37 ptg.

Tuan Lim Hock Seng (Bagan): Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang saya untuk mengambil sedikit masa untuk membincang satu tajuk yang tertentu berkenaan dengan Kementerian Perusahaan Awam di bawah B.33, Butiran 70000 Pembangunan Usahawan. Perkara tertentu ini ialah berkenaan dengan sebuah syarikat bas yang berkhidmat dari Pengkalan Sultan Abdul Halim, Butterworth ke Sungai Puyu. Sebenarnya syarikat ini telah diberi lesen untuk menjalankan perkhidmatan bas ini di kawasan yang tertentu ini selama 25 atau 26 tahun yang lepas. Setakat ini perkhidmatan bas ini tidaklah memuaskan. Di atas sebab-sebab syarikat ini hanya mempunyai 3 buah bas yang lama sahaja. Sering kita nampak bas-bas yang lama ini rosak di tengah-tengah jalan dan syarikat bas kompeni ini tidak menjalankan perkhidmatannya mengikut jadual. Ini telah membawa satu kesulitan kepada murid-murid terutama sekali dan kalangan-kalangan miskin yang memakai perkhidmatan bas ini.

Ramai murid-murid dari Butterworth kena pergi ke Pulau Pinang untuk membaca. Mereka kena pergi pada pukul 6 pagi dan kadang-kadang mereka menunggu bas untuk pergi ke pengkalan tetapi bas ini tidak sampai dan kadang-kadang pula balik dari sekolah bas ini pun tidak ada di pengkalan. Jadi, ada banyak masa dibuang di antara perjalanan dari rumah hingga ke sekolah ini.

Perkara ini pernah saya menasihatkan bekas Ahli Parlimen Bagan di Dewan yang mulia ini dan dia pun ada membawa perkara ini di Dewan yang mulia ini dan jawapannya ialah Kementerian akan ambil berat tentang pengaduan ini. Saya tidak mahu dengar lagi sekali Menteri yang berkenaan menjawab soalan ini mengatakan bahawa Menteri ini telah mencatat pengaduan ini dan akan mengambil berat tentang hal ini. Ini tentang sama ada bas kompeni ini boleh hidup atau tidak, saya tidak menghiraukan. Apa yang saya suka dan saya pentingkan ialah masa murid-murid dan kalangan yang miskin yang kena memakai bas ini dan saya haraplah Kementerian berkenaan boleh menjalankan satu tinjauan atau satu banci merekodkan waktu jadual yang dijalankan oleh bas ini dan sama ada keadaan-keadaan bas ini ada dalam keadaan yang baik dan boleh berkhidmat dan sebagainya dan jikalau syarikat bas Federal Transport ini tidak mahu mengambil nasihat atau syarat-syarat yang telah ditentukan oleh Kementerian, saya syorkan bahawa Kementerian ini menarik lesen ini dan berikan kepada syarikat-syarikat yang boleh memberi perkhidmatan dan prestasi yang lebih memuaskan dan baik kepada pengguna-pengguna. Sekian sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya ingat memadailah tiga Ahli membahaskan perkara ini. Saya mintalah Menteri yang berkenaan untuk menjawabnya.

4.44 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sepang, Tumpat dan Bagan kerana memberi beberapa pandangan dan teguran-teguran yang saya pastinya boleh membantu Kementerian ini untuk lebih memesatkan lagi peningkatan perkhidmatan yang telah dijalankan selama ini.

Berkenaan dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Sepang tentang mengalu-alukan perpindahan MARA ke Kementerian Perusahaan Awam, saya mengucapkan terima kasih dan Kerajaan akan memberi pertimbangan dan memanglah MARA akan memberi perhatian tentang perlunya peluang-peluang diberikan kepada syarikat-syarikat untuk dijadikan hakmilik apabila ia sudah sesuai dan menunjukkan kemampuan.

Berkenaan dengan soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat mengenai soalan biasiswa dan tafsiran yang dikatakan ini dijalankan oleh Kerajaan iaitu Program Orientasi, saya tidak tahulah, itu tafsiran daripada Yang Berhormat kerana bukan daripada parti pemerintah tetapi sebagai satu dasar Kerajaan yang mesti mengasaskan pelajaran Tata Negara kepada pelajar-pelajar kita sebelum ke luar negara. Ini dilakukan memandangkan bahawa kalau tidak diterapkan dengan pelajaran yang boleh mengukuhkan sifat kesetiaan dan kefahaman tentang perkembangan dalam negeri kita, ini boleh menyebabkan penyelewengan dari segi kefahaman pelajar-pelajar itu sendiri kerana keadaan di negara luar. Jadi, sebab itulah Kerajaan telah memastikan supaya pelajaran Tata Negara ini dilakukan untuk memastikan bila pelajar-pelajar kita ke luar negara nanti ia tidak akan

memalukan Kerajaan kerana telah cukup diberi didikan kefahaman tentang peranan dan tanggungjawab di dalam soal-soal sebagai pelajar dan memberi kepentingan tentang perlu mempertahankan apa yang dilakukan di dalam oleh kita. Jadi, ini bukan indoktrinasi seperti yang ditakrifkan oleh Yang Berhormat dari Tumpat. Ini merupakan orientasi yang sebenarnya.

Dalam persoalan yang dibangkitkan mengenai pembangunan

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, penjelasan?

Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood: Penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebab saya rasa kalau apa yang diceritakan oleh Timbalan Menteri tadi, kalau itu yang berlaku, itulah yang kita mahu supaya orang cinta kepada tanahair, orang cinta kepada agama, cinta kepada bangsa

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Apa penjaslannya?

Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood: Persoalannya, saya difahamkan bahawa secara direct penceramah-penceramah dalam masa orientasi itu meminta supaya pelajar-pelajar ini supaya menyokong UMNO. Terima kasih.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat ini dengar daripada orang. Jadi, saya rasa itu tidak benar. Jadi, Kerajaan seperti yang saya katakan memanglah terpaksa melakukan ini untuk semua pelajar-pelajar yang terlibat tidak kira dari parti mana mereka ini kerana Kerajaan Barisan Nasional

itu memang adil. Jadi, saya harap Yang Berhormat ini tidak usahlah dengar cakap orang.

Jadi, tentang dengan persoalan berkenaan dengan pembangunan usahawan ini apa yang ditekankan ialah program membangunkan dan memberi bimbingan yang sepatutnya kepada usahawan, bukan persoalan iaitu perkara berkenaan dengan projek iaitu tidak termasuk dengan tajuk perbincangan.

Teguran daripada Ahli Yang Berhormat dari Bagan, perkara ini akan diambil perhatian sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng: Tadi saya sudah berucap saya tidak suka dengar Kementerian ini akan mengambil berat tentang hal ini dan ini akan dipandang berat lagi dan sekiranya kalau lagi 6 bulan saya bangkitkan di sini menyoalkan soalan ini, saya akan dapat lagi jawapan yang sama bahawa Kementerian ini akan mengambil berat dan akan menyelesaikan perkara ini.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Pengerusi, saya yakin dan pasti perkara ini akan diambil perhatian dan pertimbangan selanjutnya.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$34,562,200 untuk Maksud B.33 di bawah Kementerian Perusahaan Awam jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$34,562,200 untuk Maksud B.33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak

\$77,576,700 yang disebutkan dalam Maksud P.33 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$77,576,700 untuk Maksud P.33 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1990.

Maksud B.34 (Jadual Kedua)—

Maksud P.34 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1990)—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepala Bekalan B.34 dan P.34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas.

4.49 ptg.

Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan di bawah Maksud B.34 dan khususnya 032200—Perkhidmatan dan Bekalan yang dipohonkan sebanyak \$12 juta.

Tuan Pengerusi, peruntukan ini amatlah penting malahan jika diminta lebih daripada itu pun kerana ini adalah untuk kepentingan orang ramai dan pesakit-pesakit khususnya. Tetapi masalah yang kita lihat masih ramai orang-orang yang berkunjung untuk mendapat rawatan daripada hospital-hospital ataupun klinik-klinik Kerajaan masih merungut tentang ubat-ubatan yang dibekalkan dianggap tidak berkualiti jika dibandingkan dengan ubat-ubat yang diberikan oleh klinik-klinik ataupun pusat perubatan swasta.

Di samping itu pihak hospital tidak dapat membekalkan jenis ubat-ubat tertentu dengan alasan ubat-ubat itu tidak ada dalam simpanan hospital atau farmasi dan diminta pesakit-pesakit berkenaan untuk membeli ubat-ubat itu secara sendiri di farmasi-farmasi luar.

Saya ingin mendapat tahu apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi perkara ini, walaupun setiap kali peruntukan diminta sememangnya selalu diluluskan. Tetapi masalah yang sama tetap terus berlaku tanpa diambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan Maksud P.34, Butiran 00400 mengenai dengan pembinaan hospital-hospital. Saya ingin juga memberikan pandangan bahawa kebanyakan hospital-hospital yang terdapat di negara ini termasuk hospital-hospital yang dicadangkan untuk diperbaiki dan dibina adalah hospital-hospital yang usianya terlalu tua dan boleh dikatakan hospital-hospital zaman penjajah.

Dalam keadaan perkembangan pada hari ini kita masih lihat, walaupun berjuta-juta wang telah dibelanjakan untuk memberikan perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada rakyat jelata tetapi perkhidmatan yang dijalankan oleh hospital-hospital besar atau hospital daerah adalah jauh dari memuaskan.

Saya hairan setiap kali peruntukan diminta, selalu diluluskan tanpa dibahaskan kerana ini adalah satu-satunya perkhidmatan yang penting untuk orang ramai, tetapi masalah kemelesetan dari segi perkhidmatan dan layanan masih berterusan di hospital-hospital Kerajaan. Oleh yang demikian, perkara ini perlulah dipandang serius kerana wang rakyat telah banyak dibelanjakan setiap tahun demi untuk meningkatkan mutu perkhidmatan perubatan dan kesihatan di negara ini. Janganlah kerana mudahnya mendapat peruntukan, maka ianya sewenang-wenangnya dibelanjakan tanpa diambil kira tentang kepentingan rakyat yang memerlukan perkhidmatan tersebut.

Berhubung dengan Rancangan Latihan di bawah Butiran 00100, inginlah saya menyatakan bahawa latihan bagi jururawat-jururawat adalah

amat penting dan tenaga jururawat-jururawat kian meningkat. Saya rasa apa kiranya Kerajaan mengambil kira bukan hanya untuk melatih jururawat-jururawat ataupun pembantu-pembantu hospital yang diperlukan dalam hospital-hospital Kerajaan ataupun perkhidmatan Kerajaan tetapi juga untuk memenuhi keperluan-keperluan tenaga jururawat dan pembantu kesihatan di seluruh negara ini, sama ada mereka yang berkhidmat dengan Kerajaan mahupun yang berkhidmat dengan sektor swasta. Saya rasa dengan cara ini kita akan dapat menambahkan lagi kakitangan-kakitangan perubatan dan kesihatan dengan lebih banyak dan walaupun kita terpaksa bersaing dengan keperluan yang begitu luas ke atas tenaga jururawat di sekitaran rantau ini ataupun di seluruh dunia, saya rasa kita akan dapat mengekalkan jumlah jururawat dan pembantu hospital yang diperlukan bagi menjalankan tugas mereka dengan lebih sempurna demi untuk memberi layanan kepada rakyat terutama sekali yang datang daripada golongan berpendapatan rendah yang memerlukan perkhidmatan perubatan dan kesihatan daripada hospital-hospital dan klinik-klinik Kerajaan. Terima kasih.

4.54 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu): Tuan Pengerusi, di bawah tajuk yang sama, saya ingin mendapat penjelasan kenapakah peruntukan untuk pembinaan Hospital Sibu yang baru tidak dimasukkan dalam perbelanjaan ini.

Soalan yang kedua, saya ingin tahu bilakah hospital ini akan didirikan. Untuk pembangunan ini tanah yang berkenaan untuk Hospital baru Sibu sudahpun disediakan.

4.55 ptg.

Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bacok): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989 dan

1990) di bawah Maksud B.34 Butiran 030000, Butiran Kecil 032500—Pentadbiran Rawatan Pesakit.

Sebelum melanjutkan, saya minta kepada Tuan Pengerusi, oleh kerana saya ini anggota Parlimen baru, supaya dapat membimbing saya dan—Tuan Pengerusi pun baru—juga daripada anggota-anggota Parlimen yang lain yang lebih tua daripada saya.

Soalnya, Tuan Pengerusi, ialah tidak semestinya pembangkang ini membangkang semua yang dibuat oleh Kerajaan. Apa yang saya hendak sebutkan dalam Butiran 032500 ini ialah kerana berlaku suatu kes di Ipoh baru-baru ini terhadap seorang pesakit yang mengalami bocor taliperut. Pesakit itu dibedah di Hospital Besar Ipoh. Kemudian setelah pembedahan itu dijalankan hampir selesai, pihak doktor yang membedah itu mendapati suatu alat pembedah tertinggal dalam perut pesakit, setelah hampir selesai menjalankan pembedahan.

Kemudian di Hospital Besar Ipoh itu tidak cukup alat untuk mengambil balik alat yang tertinggal dalam perut pesakit dan pesakit itu dengan penuh derita terpaksa diusung ke Kuala Lumpur untuk dibedah sekali lagi bagi mengeluarkan alat pembedahan yang tertinggal itu. Soalnya kenapakah benda macam ini boleh berlaku. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya selalu menerima laporan daripada pesakit-pesakit yang kerap sekali mendapat layanan yang tidak baik daripada khususnya jururawat. Dan supaya tidak diminta bukti, lebih baik saya beritahu bahawa isteri saya sendiri yang selalu beritahu saya perkara itu. Terutamanya kalau pesakit itu sakit untuk bersalin, banyak atau kerap kali kena jerkah oleh orang yang merawatnya. "Kerap beranak", katanya. (*Ketawa*) Sedangkan Kerajaan berkehendakkan rakyat 70 juta, tetapi dia telah jerkah, kerap beranak. Ini tak patut dan bertentangan dengan konsep penerapan nilai-nilai Islam.

Satu perkara lagi yang berlaku baru-baru ini pada 11hb Oktober, 1990 pada hari penamaan calon. Kes ini berlaku di Kuala Lumpur di mana calon Barisan Nasional yang mengemukakan Kertas Penamaan Calon-nya di kawasan Pilihanraya DUN Gombak Setia, kemudian calon lawannya—ini ada kaitan dengan Kementerian Kesihatan—calon lawannya membuat bantahan kepada Suruhanjaya Pilihanraya kerana kononnya calon Barisan Nasional ini mengalami sakit jiwa. Pihak Suruhanjaya meminta bukti. Calon pembangkang itu pergi ke Hospital Besar Kuala Lumpur untuk mendapatkan bukti, tetapi apa yang mendukacitakan fail calon yang sakit itu hilang dari tangan hospital. Macam mana fail itu boleh hilang? Inilah soalnya yang penting. Jadi, sebab itu adalah diharapkan supaya dengan wang yang kita luluskan ini, khususnya benda-benda yang seperti ini tidak akan berlaku lagi dalam pentadbiran hospital. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya ingat sudah cukuplah 3 Ahli Yang Berhormat membahaskan perkara ini. Banyak lagi perkara-perkara yang kita perlu selesaikan hari ini. Jadi, saya minta Menteri yang berkenaan untuk menjawab, silakan.

5.00 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telahpun mengambil bahagian dalam perbincangan hal-hal yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan B.34. Kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang tidak berpeluang bercakap, walau bagaimanapun saya rela menerima teguran-teguran mereka melalui surat bertulis jika sekiranya perlu.

Berkenaan dengan teguran daripada Yang Berhormat dari Bayan Baru berkenaan dengan rungutan orangramai bahawa ubat tidak berkesan, yang telahpun dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Saya ingin menyatakan di sini bahawa jika sekiranya Yang Berhormat hendak bukti-bukti yang khusus menyatakan ubat-ubat ini tidak berkesan, maka kita boleh mengambil tindakan sewajarnya. Tetapi laporan yang kami terima iaitu sebahagian besar daripada ubat-ubat yang dikeluarkan oleh hospital ataupun dari Kementerian Kesihatan adalah lebih berkesan daripada ubat-ubat yang telahpun dikeluarkan oleh pihak-pihak yang lain, terutamanya ubat-ubat yang ada tanda 'KK'.

Berkenaan dengan ubat-ubat tertentu yang dikatakan tidak ada, ingin dinyatakan di sini bahawa perkara ini berlaku jika sekiranya seorang doktor itu menasihatkan seseorang pesakit untuk membeli ubat itu selepas ubat yang dikatakan itu tidak ada dalam schedule tersebut. Ini berlaku di Hospital Besar, Kuala Lumpur baru-baru ini, ubat yang telahpun direkomendasikan oleh doktor tertentu itu tidak termasuk dalam ubat yang telahpun dischedulekan. Jadi, oleh kerana itulah jika sekiranya pesakit itu mahu ubat sedemikian, dia terpaksa membelinya sendiri. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan selepas itu telah mengambil tindakan untuk memasukkan ubat tersebut dalam schedule yang berkenaan dan menggantikan balik duit yang telah digunakan untuk membeli ubat tersebut selepas ubat itu dimasukkan dalam schedule.

Mungkin ini kali pertama Yang Berhormat bercakap dalam Dewan ini dan telah membangkitkan hal duit-duit yang telahpun diminta supaya diluluskan. Saya ingin menyatakan di sini bahawa kebanyakan daripada peruntukan yang telahpun diminta diluluskan, oleh sebab peruntukan-peruntukan ini adalah perlu. Berkaitan

dengan jenis-jenis ubat yang telahpun ada dalam simpanan kita ketika ini, saya ingin menyatakan di sini lebih kurang ada 800 jenis ubat dan sekali-sekala sebagaimana saya katakan tadi ada jenis-jenis ubat yang mungkin kehabisan stok. Tetapi pada umumnya langkah-langkah telahpun diambil untuk memperbaiki kawalan stok termasuklah memperkenalkan sistem stok integrasi ataupun stok integrasi di mana bekalan ubat ke pusat-pusat kesihatan dibekalkan daripada stor ke hospital dan bukan daripada stor ke pusat yang lebih jauh. Sekarang ini kita dalam proses membeli komputer mikro juga untuk semua stor-stor yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan hospital-hospital yang dibina, dikatakan di sini kebanyakannya hospital lama, mungkin saudara Yang Berhormat boleh mengikuti pengumuman-pengumuman yang telah dibuat akhir-akhir ini.

Kementerian Kesihatan telahpun membuat pengumuman yang tertentu bahawa kita akan membina banyak hospital-hospital baru, apatah lagi hospital cara baru yang dinamakan hospital nukleas. Setakat ini Kerajaan telahpun meluluskan pembinaan sebanyak 11 buah hospital nukleas dalam Rancangan Malaysia Kelima dan Keenam. Sebenarnya, hospital-hospital ini telahpun diluluskan oleh Kabinet dan dalam proses untuk pembinaan.

Mengenai dengan layanan yang kurang memuaskan di hospital, saya tidak mahu menafikan bahawa layanan-layanan ini tidak baik. Saya ingin menyatakan di sini bahawa terdapat beberapa kes-kes tertentu di mana kita mendapat surat-surat pujian daripada orangramai yang menyatakan bahawa layanan di hospital Kerajaan lebih baik daripada layanan di hospital-hospital swasta.

Saya ingin memberi satu contoh, satu surat yang saya terima, seorang isteri yang telahpun membawa suaminya ke

sebuah hospital swasta, berasa kesal sedikit apabila dia diminta untuk membayar duitnya terdahulu sebelum layanan diberi. Walaupun selepas itu isterinya memindahkan suaminya ke hospital Kerajaan, didapati yang perlu diperlukan dahulu, iaitu layanan diberikan dahulu dan duit cagak kemudian. Kita ada buktinya, kita ada surat, if you want one copy, dengan izin, kalau sekiranya mahu, kita boleh beri. Tetapi pada umumnya kita tidak boleh menafikan bahawa layanan yang diberikan itu baik, tetapi kadangkala terdapat ketika-ketika di mana layanan itu kurang memuaskan.

Walaupun bagaimanapun, saya ingin menyatakan di sini kita ada banyak masalah seperti kekurangan doktor, kekurangan jururawat dan kekurangan kakitangan dan saya sendiri telahpun pergi melawat ke beberapa hospital dan saya dapati bahawa seorang doktor dalam keadaan yang amat tertekan, di dalam keadaan di mana dari pagi hingga waktu makan tengah hari terpaksa kadang-kadang berjumpa dengan 20 orang pesakit dalam satu jam. Walaupun demikian, beliau terus juga menjalankan tanggungjawabnya itu dengan dedikasi dan kadang-kadang kita menasihatkan supaya doktor-doktor dan pegawai-pegawai hospital menjalankan tugas mereka dengan sopan dan santun. Insya Allah, kami sedang berikhtiar untuk melancarkan satu program khas untuk pegawai-pegawai dan juga kakitangan hospital untuk memberi layanan yang sempurna, apatah lagi kita telahpun merancang untuk mengadakan satu . . .

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat dari Jerai hendak apa?

Tuan Mohamad Farid bin Ariffin:
Biarkan saya habiskan ayat ini dahulu . . . iaitu kita merancang untuk mengadakan satu program yang

dinamakan 'caring attitude service'. Insya Allah, akan dilancarkan dan sudahpun dilancarkan dalam proses pelaksanaan daripada satu peringkat ke satu peringkat.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Pengerusi, saya minta sedikit penjelasan sahaja, adakah pernah Yang Berhormat Timbalan Menteri ini melawat Wad Bersalin? (*Ketawa*)

Tuan Mohamad Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, saya telah melawat semua wad-wad tertentu termasuk Wad Bersalin, tetapi bukan masa orang bersalin. Saya ingin menyatakan di sini bahawa, saya tidak tahu apakah maksud Yang Berhormat hendak katakan, mungkin ada sesuatu hal yang hendak dimaksudkan oleh Yang Berhormat, tetapi pada umumnya saya ingin menyatakan di sini bahawa.....

Tuan Haji Ibrahim Ali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Yang Berhormat, saya hendak tanya sedikit. Yang Berhormat kata tadi melawat Wad Bersalin, bukan masa orang bersalin, tetapi melawat buat apa? (*Ketawa*) Itu soalnya.

Tuan Mohamad Farid bin Ariffin: Bila saya kata "melawat Wad Bersalin" berbeza dengan "melawat orang bersalin". (*Ketawa*) Ada bezanya. Kalau Yang Berhormat tidak faham, saya jelaskan lagi, dan saya melawat itu di Lati, Pasir Mas.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan latihan jururawat, saya ingin menyatakan di sini bahawa sekarang ini kita telahpun membuat satu keputusan, iaitu bahagian latihan mengadakan satu program latihan yang intensif. Kita akan cuba melatih sebanyak mungkin jururawat dan pada tahun ini dan tahun

depan, insya Allah, kita akan dapat mengeluarkan hampir 300 jururawat, iaitu maximum capacity dan kita juga telah memberi peluang kepada pihak swasta untuk menghantar jururawat mereka itu dilatih di hospital-hospital Kerajaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah juga membenarkan hospital-hospital swasta untuk menjalankan latihan mereka sendiri. Ketika ini kita telah membenarkan dua buah hospital, satu di Kuala Lumpur dan satu lagi di Pulau Pinang untuk menjalankan latihan jururawat mereka sendiri tertakluk kepada beberapa syarat-syarat tertentu.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Hospital Sibu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sibu, Hospital Sibu ini akan mula pembinaannya pada awal tahun 1991, lebih kurang pada bulan Februari dan dijangka siap pada akhir tahun 1993. Saya ingat soal terus, direct to the point.

Mengenai dengan teguran daripada Yang Berhormat dari Bachok, kes di Ipoh ini adalah specific case, yang tertentu, mungkin kadang-kadang terdapat kes-kes yang serupa ini sekiranya terdapat negligence, dengan izin, yang dilakukan oleh seseorang doktor atau M.O, maka kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap doktor tersebut.

Soalan-soalan yang lain, yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bachok terlalu specific seperti fail hilang dan sebagainya. Sebenarnya tidak ada kena-mengena dengan tajuk ini, kerana kita bercakap berkenaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan.

Walaupun bagaimanapun, saya ingin mengatakan di sini bahawa kita sedang mempertingkatkan layanan dan filing system di hospital-hospital di seluruh negara, malahan ingin dinyatakan di sini di hospital-hospital kita ada satu bilik rekod tertentu yang dibina khas untuk menyimpan rekod-rekod pesakit-pesakit.

Tuan Pengerusi, saya ingat setakat itu cukuplah jawapan daripada teguran-teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Jika sekiranya saya telah tertinggal saya minta maaf, walau bagaimanapun jika ada Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang ingin memberi teguran yang membina untuk memperbaiki lagi sistem perkhidmatan di Kementerian Kesihatan

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap (Shah Alam): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada Ahli Yang Berhormat yang bangun di sebelah sana, ada apa?

Puan Hajjah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Minta penjelasan. Sebelum Yang Berhormat mengakhiri, saya tertunggu daripada tadi, tetapi nampaknya ramai sedang bercakap, hanya mengenai kenyataan Yang Berhormat kekurangan jururawat, walaupun banyak dilatih dan kita juga dapat mengetahui bahawa ramai jururawat berhijrah ke luar negara lain, dan adakah berkaitan dengan unsur-unsur kenyataan daripada pemimpin-pemimpin PAS, tidak beri wanita bekerja malam akan juga mengakibatkan lebih berkurangan jururawat di dalam negara ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya kenyataan yang dikeluarkan oleh seorang pemimpin PAS berkenaan dengan jururawat tidak boleh kerja malam itu adalah satu kenyataan yang tidak bertanggungjawab kerana kalau sekiranya semua jururawat tidak boleh kerja malam, macam mana siapa hendak jaga orang sakit? Cuba bayangkan kita latih male nurse di Kelantan

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta penjelasan!

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Saya belum habis lagi minta maaf.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak beri lalu, teruskan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Sabar ya. Jika sekiranya jururawat perempuan tidak dibenarkan kerja di hospital di Kelantan, maka mungkin kita akan adakan jururawat lelaki, bayangkan seorang lelaki tangan berbulu ini datang merawat kita tengah malam, tetapi kita tidak mempunyai sebarang dasar untuk memberhentikan ataupun mengurangkan tugas-tugas jururawat di mana-manapun untuk bertugas waktu malam. Ya, sila.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi, sebenarnya tidak ada Menteri Besar Kelantan memberi pandangan hal jururawat tidak boleh kerja malam, tetapi kebanyakan kita lihat sekarang wanita-wanita memakai tudung begitu sedangkan jururawat kita tahu tidak mengizinkan memakai tudung, sebab itulah banyak wanita-wanita Melayu tidak dapat bekerja sebagai jururawat kerana tidak diizinkan memakai secara Islam.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, perkara itu tidak ada sangkut-paut langsung.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Timbalan Menteri yang berkenaan, sila teruskan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Saya harap beliau dapat membaca buku Standing Order.

Tuan Pengerusi, kalau sekiranya ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain hendak membangkitkan perkara yang

membina dan memberi nasihat kepada Kementerian Kesihatan untuk memperbaiki lagi khidmatnya, kami sudi mendengar dan membaca serta mengambil tindakan sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$37,190,000 untuk Maksud B.34 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$37,190,000 untuk Maksud B.34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$132,559,000 yang disebutkan dalam Maksud P.34 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$132,559,000 untuk Maksud P.34 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1990.

Maksud B.36 dan B.42 (Jadual Kedua)—

Maksud P.36 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1990)—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepala B. 36, B.42 dan P.36 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Ya, belakang sekali sana, sila teruskan.

5.17 ptg.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas): Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan di sini untuk

membahaskan peruntukan yang dipohon oleh Polis DiRaja Malaysia berhubung dengan Butiran 010000, 030000 dan 040000.

Tuan Pengerusi, saya hendak mengemukakan pandangan bukan dengan tujuan untuk mengkritik Kementerian Dalam Negeri, tetapi untuk mencari suatu penyelesaian terhadap beberapa masalah yang saya sendiri pernah mengalaminya terutamanya berhubung dengan pengurusan dan pentadbiran di Jabatan Polis DiRaja Malaysia.

Dari segi pengurusan terdapat suatu kelewatan yang serius berhubung dengan pembekalan dokumen-dokumen yang diperlukan oleh orang-orang awam termasuk pihak-pihak yang mempunyai kepentingan untuk mendapatkan salinan-salinan pertama, bekalan first information report, dengan izin ataupun laporan pertama Polis.

Yang kedua, ialah berhubung dengan pembekalan statements ataupun percakapan-percakapan.

Yang ketiganya, gambar rajah dan gambar-gambar yang menjadi perkara di dalam penyiasatan pihak Polis. Kadang-kadang sehingga 4-5 ulangan dimajukan kepada pihak yang berkaitan, tetapi tidak ada jawapan yang diberikan sehingga kadang-kadang kita terpaksa membawa perkara ini ke pihak yang lebih tinggi lagi iaitu Ketua Polis Negeri ataupun kadang-kadang melibatkan Timbalan Pendakwaraya di negeri yang berkenaan.

Saya ingin menyeru kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri supaya memandang serius masalah ini dan memastikan bahawa perkara-perkara seperti ini di mana pihak awam dan pihak-pihak yang berkepentingan tidak dinafikan haknya di sini undang-undang untuk mendapatkan dokumen-dokumen yang berkenaan.

Kemudian bersabit dengan soal pencegahan jenayah, iaitu peruntukan yang dipohon di bawah Butiran 030000. Salah satu bidang jenayah yang sedang berkembang pesat di negara kita pada hari ini ialah jenayah perdagangan atau jenayah kolar putih. Satu demi satu kes dilaporkan kepada pihak Polis, satu demi satu kes yang melibatkan bukan sahaja orang-orang kecil tetapi jurung-jerung besar, yang mempunyai kepentingan di dalam negara ini.

Saya difahamkan bahawa pada masa ini Jabatan Polis hanya menyediakan satu sahaja Jabatan Siasatan Jenayah Perdagangan yang berpusat di Kuala Lumpur dan sehingga kini tidak pernah ada satu Jabatan Siasatan Jenayah khususnya Bahagian Perdagangan di tiap-tiap negeri di seluruh Semenanjung Malaysia ini. Oleh yang demikian, apabila berlaku sesuatu kes jenayah perdagangan di negeri-negeri berkenaan maka terpaksa permohonan dibuat oleh negeri yang berkenaan untuk mendapatkan bantuan penyiasatan daripada pihak Kuala Lumpur.

Kita juga difahamkan bahawa kekuatan tenaga penyiasat dan mereka yang mahir di Bahagian Jenayah Perdagangan di Kuala Lumpur setakat ini tidak mencukupi, hasilnya suatu laporan Polis yang dibuat mengambil masa kadang-kadang bertahun-tahun untuk membawa mereka yang terlibat ke mahkamah atau ke muka pengadilan.

Saya menyeru kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri supaya dapatlah kiranya selain daripada mengambil berat tentang masalah jenayah perdagangan yang sedang berlaku mengambil suatu sikap yang tegas dan nyata untuk menubuhkan dengan mengemukakan atau mengadakan tenaga-tenaga penyiasat yang terlatih, Bahagian Jenayah Perdagangan ini di tiap-tiap buah negeri di Semenanjung Malaysia dan memastikan mereka yang akan menjalankan tugas-tugas penyiasatan

perdagangan ini adalah mereka yang terlatih, diberi latihan khusus untuk mengendalikan dan memastikan mereka yang terlibat dibawa ke mahkamah.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi ialah berhubung dengan 040000 iaitu peruntukan yang dipohon berhubung dengan risikan keselamatan. Daripada pengalaman saya sendiri terdapat suatu perkara yang aneh iaitu dengan izin, yang disebut double agent yang menjadi perisik bagi pihak Kerajaan yang semata-mata untuk mencari kepentingan kewangan dan pada masa yang sama mereka ini adalah penjenayah besar. Sebagai contohnya di dalam kes-kes pengedaran dadah dan kes-kes mereka yang ditangkap, dituduh di bawah Seksyen 39B yang membawa hukuman mati. Pihak polis menggunakan ejen untuk mendapatkan maklumat, perkara ini jelas berlaku khususnya di kawasan-kawasan sempadan. Di mana pemberi maklumat atau police agent ini memberi maklumat kepada pihak polis dengan tujuan untuk mendapat wang sumbangan yang diperuntukkan kepada mereka dan pada masa yang sama, orang yang sama bertindak membekalkan dadah-dadah ini kepada pengedar-pengedar yang akan membawa masuk dadah-dadah ke negara kita. Jadi, mereka ini mencapai dua keuntungan. Jika demikian halnya berlaku matlamat Kerajaan dan Kementerian Dalam Negeri untuk mengurangkan masalah penyelewengan dadah tidak akan berhasil kerana pada satu masa mereka ini memberi maklumat untuk menangkap mereka ini dan pada masa yang sama mereka menggalakkan pula orang lain melakukan kesalahan.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Jadi, saya berseru kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri supaya dapat kiranya memberi teguran kepada kakitangan-kakitangan khususnya Jabatan Polis di dalam memilih ejen untuk melakukan pencegahan jenayah, pihak polis

mestilah berhati-hati kerana wang negara yang dibelanjakan ini dan identiti ejen itu sendiri tidak boleh dipersoalkan di mana-mana mahkamah.

Jadi, ini memerikan suatu budi bicara yang luas kepada pihak polis khususnya untuk memilih mana-mana ejen mengikut pertimbangan dan budi bicara mereka. Oleh kerana identiti ejen ini tidak boleh dipersoalkan kepada siapa bayaran risikan ini diberi kita tidak tahu dan oleh kerana ini adalah merupakan masalah wang negara, wang rakyat maka kita minta pihak-pihak yang terlibat menggunakan budi bicara untuk memastikan perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi tidak berlaku di masa-masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Silakan Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri.

5.26 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh perkara yang sama B.36 dalam Butiran 010000, 020000, 030000 dan 040000—Polis DiRaja Malaysia.

Tuan Pengerusi, kita lihat dalam pengurusan, risikan dan sebagainya ada perkara berlaku misalnya orang-orang yang ditahan di bawah ISA bukan sahaja pihak polis menjalankan soal siasat kepada orang yang kena tahan termasuk juga kepada isteri-isteri orang yang kena tahan juga diseksa jiwa mereka. Misalnya berlaku kepada seorang tahanan ISA yang bernama Rozali Bulhee, beliau berasal daripada Sabah. Semasa beliau ditahan di Kamunting, isterinya selalu didatangi oleh pihak Special Branch. Datang-datang selalu akhirnya isterinya itu jadi girl friend kepada polis tersebut. Orang ini berasal daripada Pakistan, katanya, "Saya sanggup dipenjarakan 1,000 tahun tetapi tidak sanggup isteri dicuri orang." Jadi, pihak risikan ini kadang-kadang sampai

orang dalam tahanan itu, dia terbayang dan dapat surat daripada isterinya, "Saya sering keluar makan dan sebagainya dengan S.B." menyebabkan kepalanya pun dalam masa enam bulan botak habis, kerana dia ingatkan isterinya sekarang ini sedang dibawa oleh S.B. ke sana ke mari. Akhirnya kita dengar khabar selepas itu berlaku perceraian selepas bebas daripada tahanan.

Saya harap pihak Kementerian Dalam Negeri mengambil berat perkara ini sebab dia disoal siasat cukuplah mereka yang ditahan tetapi bukanlah isteri-isteri atau anak pinak mereka yang dilibatkan bersama.

Perkara ini berlaku juga kepada Rozali Bulhee dan juga Rahmat Goal ditahan pada tahun 1987, mereka ini adalah dituduh terlibat dalam bahagian passport. Saya harap pihak Kementerian Dalam Negeri dapat menyiasat perkara ini.

Pihak polis telahpun mengambil barang-barang kes daripada Memali sejak daripada tahun 1985, seperti Kitab, duit, barang kemas, buku-buku sampai sekarang tidak dipulangkan dan kes ini sampai sekarang masih tidak didakwa. Bila kes Memali ini tidak selesai maka berlakulah tuduh menuduh berpanjangan. Kita harap pihak Kementerian Dalam Negeri dapat mengarahkan pihak polis membuat siasatan dengan segera dan dapat membawa perkara ini ke mahkamah supaya kes Memali ini tidak timbul lagi dan ianya tidak jadi lagi bahan tuduh menuduh. Selagi kes mahkamah tidak dipercepatkan dibicarakan maka selagi itulah kita akan lihat kes Memali ini tidak juga selesai.

Kemudian, kita lihat pula pihak polis yang bertugas di Pulau Langkawi. Semasa saya pergi melawat di sana beberapa orang pegawai polis berjumpa saya dan minta saya bercakap dalam

Parlimen ini kerana mereka di sanalah paling teruk kerana Langkawi dikunjungi oleh pembesar-pembesar, selalu mengadakan Seminar-seminar di peringkat antarabangsa, lawatan pemimpin-pemimpin dari luar negeri dan mereka ini bekerja kadang-kadang sampai satu tahun tidak dapat cuti. Jadi, cuti mereka itu mereka kumpulkan, minta cuti—tidak boleh tambahan pula pada tahun yang lalu hendak tunggu tarikh pilihanraya dan juga lawatan pembesar negara Persidangan CHOGM dan sebagainya menyebabkan pegawai-pegawai polis ini tidak dapat cuti dan mereka merungut, ada sampai setahun, setahun setengah di peringkat pegawai yang tidak berpeluang mendapat cuti.

Kemudian, seterusnya Butiran 030000 juga, kita setakat ini ingin mengetahui bagaimana penyiasatan kes Mustakizah, sebab kita dengar beberapa nama dikaitkan dan ianya kalau tidak diselesaikan kes ini maka fitnah ini akan berterusan selagi kes ini tidak diselesaikan di mahkamah. Sedangkan pihak polis Malaysia di antara polis yang tercekap di dalam dunia dalam mengendalikan kes-kes jenayah tetapi kenapa kes Mustakizah sampai sekarang tidak didakwa, apakah ada pihak-pihak tertinggi dalam pemerintah cuba melindungi kes ini. Selagi kes ini tidak selesai, kita bimbang tuduhan-tuduhan kepada orang tertentu tersibar luas maka ianya kalau tidak betul ianya berunsur fitnah, oleh itu kes ini hendaklah dijalankan dengan segera.

Kemudian dalam hal penjegah jenayah juga berlaku misalnya dalam pilihanraya baru-baru ini di Parlimen Marang, hasil daripada suasana hari pilihanraya yang kita lihat keadaan yang berlaku kelam-kabut dan sebagainya, akhirnya kita lihat berlaku satu perkara di mana seorang calon yang bertanding di situ mengeluarkan pistol dan mengacah pistol itu ke perut orang yang dikatakan cuba menghalangnya.

Jadi, Police Report yang salinannya saya ada di sini:

“Jam lebih kurang pukul 1.00 tengah hari, saya keluar rumah menuju ke satu tempat. Lalu sampai ke Pengadang Baru, Terengganu; sampai di Simpang Empat, Pengadang Baru; saya lalu bertanya kepada pemandu bas tersebut “datang dari mana?”

Ini cara orang buat report ini bahasa Terengganu.

“Jawabnya datang dari Kertih”. Tiba-tiba datang seorang lelaki Melayu yang saya kenal, namanya Yusof bin Musa waktu itu bekas Wakil Rakyat Serada mengatakan kepada saya “awak jangan peduli”. Selepas itu Yusof bin Musa, terus mengeluarkan sepucuk pistol dari sakunya dan mengacah ke perut saya.

Semasa berlaku kejadian tersebut tadi disaksikan oleh Jaafar bin Jambal, Kad Pengenalan No. 7068788 dengan alamat No. 63, Gong Kapas, Terengganu; dan Mohamad bin Ismail, Kad Pengenalan No. 5981888.”

Ini satu kes jenayah yang kita harap pihak Kementerian Dalam Negeri dapat menggesa pihak Polis cuba mempercepatkan siasatan supaya kes ini dapat didakwa dengan segera.

Tuan Pengerusi, begitu juga Bahagian Pencegahan Jenayah. Berlangsung juga satu peristiwa dalam pilihanraya yang lalu di mana rumah Tengku Paduka Raja dilemparkan dengan bom tangan buatan sendiri dan kita lihat itu adalah satu perbuatan yang paling mengerikan. Sampai sekarang penangkapan belum dibuat terhadap orang yang melakukan jenayah tersebut.

Kita harap pihak Kementerian Dalam Negeri dapat menggesa pihak Polis untuk menyiasat dengan segera dan mendakwa pihak yang terlibat kerana

perbuatan ini kalau dibiarkan maka jenayah-jenayah lain dalam pilihanraya yang akan datang akan bertambah. Kita harap sangat-sangat supaya perkara ini dipastikan tidak berulang supaya kita dapat menghadapi pilihanraya yang akan datang dalam keadaan aman dan tenteram.

Bahagian Pencegah Jenayah dan pihak Polis Kelantan kita menyanjung puji kerana di Kelantan pilihanraya berlaku dalam keadaan yang cukup tenteram dan tidak ada berlaku sebarang kejadian. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Bayan Baru.

5.32 *ptg.*

Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru): Tuan Pengerusi, B.36 tambahan sebanyak \$28,500,000 adalah dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan Pasukan Polis DiRaja Malaysia bagi meningkatkan keupayaannya ke arah menjamin keadaan ketenteraman awam serta mengekalkan keamanan dan keselamatan negara.

Baru-baru ini Ketua Polis Negara telahpun mengambil tindakan yang tegas, terutama sekali terhadap pegawai dan kakitangannya supaya perkara seperti rasuah dan penyalahgunaan kuasa dapat dibanteraskan dalam pasukan Polis, kerana inilah satu-satunya faktor yang penting untuk kita hendak meningkatkan pengurusan dalam Jabatan Polis. Tetapi saya rasa dukacita kerana pihak Kementerian Dalam Negeri tidak mengambil berat untuk mencari jalan, punca kerana apa banyak penyalahgunaan kuasa dan rasuah berlaku di dalam Polis. Saya rasa tentu ada sebab-sebab yang boleh mendorongkan mereka ini menyalahgunakan kuasa dan melakukan rasuah yang sukar kita atasi.

Kalau masalah ini tidak dibendung dan dibanteras, saya rasa apa jua peruntukan yang akan kita beri untuk

mengurus pasukan Polis dengan secara yang baik bagi memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara mungkin tidak akan mudah tercapai. Oleh yang demikian, pihak Kementerian Dalam Negeri perlulah melihat tentang kedudukan perkhidmatan Polis.

Perkhidmatan Polis perlu disemak semula. Perkhidmatan Polis perlu dipertingkatkan supaya sesuai dengan kedudukan profesionalisma mereka dan dengan kehendak keadaan semasa. Pasukan Polis tidak boleh buat seperti "Jaga"

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat berucap atas perkara dasar itu. Kena spesifik dalam Jawatankuasa.

Tuan Ahmad bin Nor: Ya, saya hendak sentuh tentang pengurusan, sebelum saya hendak sentuh hal-hal lain, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, sentuhlah sentuhlah! (*Ketawa*)

Tuan Ahmad bin Nor: Itu satu perkara yang amat penting, yang perlu diambil tindakan dan dititikberatkan oleh Kementerian Dalam Negeri, bukan hanya semata-mata mengambil tindakan terhadap penyalahgunaan kuasa dan rasuah yang berlaku dalam pasukan Polis.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, ingin juga saya menyatakan bahawa kegagalan Kerajaan menyelesaikan beberapa isu penting dengan segera seperti isu kutipan tol di Cheras baru-baru ini, adalah dengan sengajanya menjadi punca bagi mewujudkan satu keadaan yang tidak tenteram yang mana boleh berlaku rusuhan.

Kadangkala saya rasa tindakan Polis terhadap orang awam adalah terlalu keras. Kita harus sedar bahawa perjumpaan-perjumpaan orangramai ataupun perhimpunan-perhimpunan

orangramai oleh kerana sesuatu perkara yang penting seperti membuat protes terhadap isu-isu kutipan tol adalah satu tindakan yang ikhlas, ingin memamerkan perasaan tidak puas hati mereka. Mereka tidak berhajat untuk membuat kacau bilau atau untuk menimbulkan rusuhan. Tetapi disebabkan keengganan Polis ataupun Kementerian Dalam Negeri mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah-masalah yang ditimbulkan maka terpaksa orangramai berkumpul dengan begitu ramai dan jadilah satu perhimpunan yang besar dan Polis terpaksa mengambil tindakan. Dan perkara-perkara yang tidak diingini telah berlaku

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Minta penjelasan. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Ahmad bin Nor: Bolah.

Tuan Pengerusi: Ya, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Ahmad bin Nor: Jemput, jemput Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Jika hendak beri jalan, sila duduk.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ada dua, Tuan Pengerusi. Yang pertama tadi Yang Berhormat ada menyebut bahawa terdapat pengurusan yang kurang baik dalam pasukan Polis. Tetapi Yang Berhormat dari Nilam Puri tadi menyebut bahawa pasukan Polis adalah di antara yang terbaik, kerana beberapa kes jenayah telah dapat diselesaikan. Dia telah memuji.

Jadi, soalan saya adakah DAP dan PAS sudah tidak bekerjasama—tidak sependapat? (*Ketawa*)

Yang Kedua... jangan dengar cakap Ketua Pembangkang, dia beri nasihat

tidak betul itu. (*Ketawa*) Yang kedua, Yang Berhormat ada menyebut pasal demonstrasi di tol Cheras. Yang Berhormat mungkin tidak berada di sana, rumah saya di situ. Saya berada di sana dan saya melihat sendiri yang Polis telah dilempar dengan batu. Jadi adakah bagi Yang Berhormat melempar batu kepada Polis ini satu demonstrasi yang aman?

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Pengerusi, boleh sambung?

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan Ahmad bin Nor: Sebenarnya saya mula-mula rasa tidak mahu melayan ataupun beri penjelasan. Tetapi biarlah saya nyatakan di mana yang Polis mengambil tindakan secara baik, kita memuji. Di mana pihak Polis telah terpaksa melakukan tindakan yang tidak sewajarnya dilaku oleh kerana arahan daripada “ketua” atau “bapaknya”, kita akan kata kita tidak dapat menerimanya. Dan demonstrasi di tol sama ada baling batu atau apa juga berlaku adalah berpunca daripada kelemahan pihak Polis atau pihak Kementerian Dalam Negeri menyelesaikan perkara itu pada peringkat awal. Sebab itu tidak kira apa juga berlaku sama ada rusuhan besar atau tidak terpulung kepada tindak balas Polis terhadap orangramai. Dan pada ketika itu kita tidak boleh salahkan orangramai. Saya rasa tidak ada orang yang pergi untuk menunjuk perasaan di tol Cheras itu kerana mereka hendak buat kacau bilau atau kerana mereka hendak lawan dengan Polis. Mereka cuma hendak menunjukkan satu tunjuk perasaan yang aman. Menunjukkan bahawa mereka tidak berpuas hati tentang apa yang dilakukan oleh Kerajaan memungut tol dengan kadar tol yang sebegitu tinggi. Itu sahaja. Tetapi malangnya, pihak Polis telah gagal untuk menyelesaikan masalah itu daripada peringkat awal dengan cara yang lebih aman.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang kita lihat yang amat ketara. Baru-baru ini semasa kempen pilihanraya umum dijalankan, pihak Polis telahpun bertindak secara berat sebelah terhadap parti-parti Pembangkang. Semasa parti-parti Pembangkang mengadakan kempen atau ceramah-ceramah di seluruh negara, berbagai syarat-syarat yang ketat telah dikenakan pada hal semasa kempen yang sama pihak-pihak Barisan Nasional khususnya UMNO sama ada mereka adakan permit atau tidak syarat-syarat tidak dikenakan sepertimana syarat-syarat yang dikenakan kepada parti-parti Pembangkang. Parti-parti Pembangkang terpaksa memberhentikan program ceramah-ceramah mereka kerana halangan-halangan daripada pihak polis yang telahpun memberi layanan berat sebelah terhadap parti-parti Pembangkang dan ini satu perkara yang tidak baik daripada polis. Saya mempunyai kawan-kawan yang baik ramai daripada pasukan polis, apabila kita bertanyakan kepada mereka kenapa bertindak sedemikian kepada parti-parti Pembangkang, kata mereka mereka hanya menjalankan tugas. Mereka menerima arahan mereka daripada tuan-tuan mereka.

Tuan Pengerusi, kita tidak mahu

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:
Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ya.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:
Saya minta penjelasan sedikit.

Tuan Pengerusi: Minta Penjelasan, ya.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:
Nampaknya Yang Berhormat dari Bayan Baru mengatakan UMNO ini mengadakan perjumpaan dengan tidak ada permit. Bolehkah buktikan di mana UMNO yang tidak menggunakan permit

ini semasa kempen pilihanraya yang lalu sedangkan kami semua melaksanakan mengikut undang-undang.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya tidak mengatakan pihak UMNO tidak ada permit, cuma saya menyatakan sama ada mereka ada permit atau tidak, saya tidak tahu, tetapi yang kita tahu bila DAP menganjurkan satu ceramah yang besar di suatu stadium pada 19 haribulan di Pulau Pinang, permit telah dikeluarkan oleh Polis tetapi kerana Perdana Menteri Malaysia hendak melawat Pulau Pinang, hendak adakan perjumpaan dengan orangramai, pihak polis takut tidak ada sambutan kepada lawatan Perdana Menteri (*Tepuk*), ceramah kami dibatalkan dengan tidak sebab yang boleh diterima dan ini satu hal cara yang tidak baik. Yang baik saya puji baik, yang tak baik saya terpaksa mengatakan tidak baik dan saya berharap apa jua peruntukan yang kita luluskan ini, biarlah jangan disalahgunakan dan digunakan secara betul demi untuk kepentingan semua rakyat dengan secara yang adil. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kita sehari sahaja ini, kita masih ada berapa lagi —14 sehingga 22. Jika hendak berucap, dalam Jawatankuasa lazimnya diucap sedikit-sedikit, pendek-pendek sahaja bukan dihendaki berucap panjang-panjang.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Arau.

5.42 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, semua orang yang berucap tadi tidak mengikut Peraturan 36 (1). Saya akan mengikut di bawah 36 (1). Mereka bercakap fasal dasar. Itu sebab saya minta, Tuan Pengerusi, supaya mereka ini berkursus dahulu, bangun hendak tanya soalan, tanya atas

peraturan mana dan sebagainya. Tetapi semua orang tadi bercakap fasal dasar jadi

Tuan Lim Kit Siang: Adakah ini di bawah Peraturan 36 (1) atau keluar?

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya akan bercakap di bawah Maksud B.36. Apa sebuk-sebuk?

Tuan Pengerusi: Sila teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang pertama, di bawah pengurusan dan juga pencegahan jenayah. Yang pertama sekali, Tuan Pengerusi, di bawah tajuk ini saya ingin menyatakan dalam bentuk soalan mula-mula penyataan dahulu bahawa pasukan polis telah menjalankan tugas dan kerja mereka di antara yang terbaik di dunia—di dunia, bukan di South East Asia, Tuan Pengerusi. (*Tepuk*)

Kita selalu baca suratkhbar, selalu tengok Berita Jam 10, Tuan Pengerusi pun tengok, saya pun tengok, Ketua Pembangkang semua tidak tengok sebab itu mereka tidak tahu, bahawa kita lihat di negara-negara luar, tiap-tiap kali pilihanraya, macam-macam berlaku dan semua ini kita dapati oleh kerana kekurangan

Tuan Lim Kit Siang: Point of order. Tidak sebut butiran.

Tuan Shahidan bin Kassim: Butiran Pengurusan—pengurusan yang baik. (*Ketawa*) Pengurusan yang baik dan kerana pengurusan yang baiklah yang menyebabkan pasukan polis telah dapat menjaga keadaan keselamatan sehingga ianya terkawal. Kita ini banyak bertolak ansur Tuan Pengerusi, ini sebagai contoh sebab banyak diberi contoh tadi, banyak bertolak ansur walaupun kita mendapat tekanan daripada kumpulan-kumpulan samseng Pembangkang semasa pilihanraya yang lepas. Mereka bukan ada pasukan Komando

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Mereka tidak ada Briged Setia dan sebagainya, tetapi mereka mempunyai

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Ipoh, ya.

Tuan Lau Dak Kee: Dikatakan parti Pembangkang semua samseng—arahannya samseng, berkata samseng sahaja. Saya rasa perkataan ini tidak patutlah digunakan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak beri lagi. Saya bukan beri jalan lagi, duduk dahulu.

Tuan Pengerusi: Nantilah, nanti sekejap.

Tuan Lau Dak Kee: Minta Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Pihak samseng—tadi kata apa? Daripada pihak Pembangkang?

Tuan Shahidan bin Kassim: Apa lain daripada istilah samseng, Tuan Pengerusi? Orang jahat!

Tuan Pengerusi: Yang itu selalunya perkataan tidak adil.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kumpulan orang-orang jahat daripada parti Pembangkang (*Tepuk*) mengganggu kita. Macam-macam dibuat tetapi kita bertolak ansur sebab polis kata jangan, sabarlah tuan-tuan, dia kata. Masa itu belum Yang Berhormat lagi, sabarlah bakal calon, dia kata sebab kita terpaksa mengawal ketenteraman kerana orang yang taat kepada Kerajaan maka kita pun mengikut nasihat polis. Kita ada bukti macam pilihanraya di Marang, kita ada bukti bahawa bas kita ditahan dan sebuah bas telah dirosakkan. Orang-orang yang keluar daripada van untuk mengundi, orang-orang perempuan disepak, ditendang oleh pasukan jahat daripada Pembangkang.

Tuan Lim Hock Seng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat dari Bagan bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini kawasan PAS, tahu?

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap.

Tuan Lim Hock Seng: Adakah Yang Berhormat mengemukakan satu laporan polis berkenaan peristiwa ini?

Tuan Shahidan bin Kassim: Kita buat laporan tetapi kita tahu bahawa terlampau banyak laporan polis, jadi kita beri peluang kepada polis sebab orang yang terbaik ini dia kata kena beri peluang untuk mengambil tindakan dengan secara teliti dan tertib, bukan menjerit-jerit seperti orang yang kurang akal (*Tepuk*).

Tuan Haji Mohamed Shukri bin Haji Mohamed: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat, dia tidak kata siapa-siapa.

Tuan Haji Mohamad Shukri bin Haji Mohamed: Tuan Pengerusi, penjelasan sedikit sahaja.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak apa, saya beri.

Tuan Haji Mohamad Shukri bin Haji Mohamed: Yang Berhormat dari Arau tadi mengatakan bahawa berhubung dengan insiden yang berlaku di Marang, laporan polis telah dibuat. Saya ingin tahu laporan polis itu memang telah dibuat atau pun tidak dibuat kerana ini kalau tidak dibuat, kalau dia kata telah dibuat laporan polis ini membohongi Dewan yang mulia ini, Tuan Pengerusi (*Tepuk*). Berapa nombor laporan polisnya? Saya minta Timbalan Menteri Dalam Negeri ada di hadapan kita, kalau memang benar laporan polis ini dibuat ataupun tidak.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau tidak, saman saya. Samanlah!

Tuan Haji Mohamad Shukri bin Haji Mohamed: Ini bukan soal saman. Yang Berhormat Tuan Pengerusi . . .

Tuan Pengerusi: Cukuplah.

Tuan Haji Mohamad Shukri bin Haji Mohamed: Ini bukan soal saman, ini soal membohongi Dewan yang mulia ini dan ini tidak boleh dibenarkan!

Tuan Pengerusi: Cukup, cukup. Yang Berhormat dari Arau, sila teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, bukan sahaja laporan kita buat, tetapi kita hendak saman pula lagi. Pilihanraya itu bukan habis lagi itu. Untuk pengetahuan, kita akan bawa ke mahkamah. Tetapi walau bagaimanapun, sebagai orang Barisan Nasional yang sentiasa bertolak ansur, yang ingin keamanan, yang sentiasa mahu bekerjasama dengan pihak keselamatan, maka kita memberi peluang dan masa untuk mereka mengambil tindakan. Kita tidak mahu bercakap menjerit dan sebagainya tetapi tidak ada bukti. Wakil dari Bayan Baru lagi teruk, dia kata polis rasuah, buktikan. Buktikan yang polis itu rasuah, buat laporan, yang rasuah ditangkap dan telahpun diambil tindakan, ini cakup lagi teruk, tetapi kita tidak mahu ganggu sebab ini perkara-perkara orang saya kata yang memang Pembangkang suka buat iaitu berbohong dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, jadi berhubung dengan perkara-perkara yang disebutkan tadi, pihak polis telah dapat mengawal keadaan pilihanraya sehingga tidak berlaku insiden-insiden yang boleh memudaratkan dan kita ucap tahniah kepada semua anggota polis, semua pihak yang telah bekerja dengan gigih sehingga tidak dapat cuti yang telah disebutkan tadi untuk memberi keamanan dan ketenteraman kepada negara ini. Kita ucap tahniah dan

teruskan dengan cara berikut termasuk usaha-usaha risikan dan pencegah jenayah dan sebagainya.

Orang-orang Barisan nasional tidak payah risik sebab kita tidak pernah menentang Kerajaan. Kita tidak pernah membuat usaha-usaha yang boleh merosakkan nama baik Kerajaan, tidak seperti Pembangkang, dia kalau tidak boleh rosakkan nama baik Kerajaan dalam negeri, dia akan pergi ke luar negeri, tetapi makan gaji di sini, jadi ini cerita tak betul. Jadi, teruskan usaha-usaha risikan tersebut, tambahkan dan tingkatkan lagi sebab kita tengok banyak lagi aktiviti-aktiviti yang kita jangka mereka akan buat yang boleh merosakkan nama baik dan juga ketenteraman negara.

Saya menyokong dan saya beri tahniah kepada Polis. Kalau hendak beri gaji tambahkah, hendak tambah elaunkah, Polislah di antara Pasukan Keselamatan yang patut diberi perhatian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi . . .

Tuan Pengerusi: Cukuplah. Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.50 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Pengerusi, bagi pihak Kementerian Dalam Negeri, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telahpun sudi bercakap sedikit-sebanyak menyentuh tentang Bekalan Maksud B.36 dan juga Maksud B.42.

Sebelum saya menyentuh apa yang telah diperkatakan, eloklah saya menerangkan bahawa B.36 ini adalah tambahan peruntukan sejumlah \$28.5

juta yang dipohon di bawah Maksud B.36 Polis DiRaja Malaysia adalah diperlukan untuk membiayai perbelanjaan Pasukan Polis DiRaja Malaysia bagi meningkatkan keupayaan ke arah menjamin keadaan ketenteraman awam serta mengekalkan keamanan dan keselamatan negara, terutamanya di sepanjang masa pilihanraya umum tahun 1990 dahulu. Pasukan Polis DiRaja Malaysia adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi menjaga dan mengawal ketenteraman awam dan keselamatan semasa pilihanraya umum diadakan. Bagi menjamin pilihanraya umum dapat dilaksanakan dengan lancar tanpa sebarang gangguan dan bebas daripada apa-apa kejadian yang tidak diinginkan, dengan izin, Tuan Pengerusi, "incident-free election", maka penugasan Pasukan Polis di sepanjang masa pilihanraya umum yang lalu telah dilaksanakan meliputi tiga peringkat jangka masa, iaitu pre-election period, dengan izin, during election period dan post-election period, dengan izin. Penugasan ini meliputi jangka masa 30 hari dan melibatkan sebilangan besar daripada pegawai dan anggota Pasukan Polis.

Sebahagian besar daripada peruntukan tambahan yang dipohon untuk Maksud Bekalan 36—Pasukan Polis DiRaja Malaysia ini adalah diperlukan untuk membeli bekalan-bekalan am dan alat-alat kelengkapan untuk Pasukan FRU dan UTK seperti gas pemedih mata, gas mask, helmet anti-riot, gari, kelengkapan untuk Cawangan Trafik, pembelian alat-alat ganti semboyan dan kenderaan, pembelian minyak untuk kenderaan pasukan, pembayaran elaun-elaun pegawai dan kakitangan serta pembayaran bil-bil telefon dan utiliti. Itu ialah B.36 dan oleh kerana tidak ada Yang Berhormat membangkitkan perkara B.42, tidaklah payah saya hendak menyentuh tentang Maksud B.42.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kok Lanas yang telahpun menerangkan

tentang kelewatan mendapat bekalan dokumen, laporan gambar-gambar rajah dan sebagainya daripada pihak Polis dan perkara ini akan diambil ingatan untuk dipanjangkan kepada semua pejabat-pejabat Polis.

Tentang pencegahan jenayah perdagangan, memang saya akui bahawa Bahagian ini hanya ada di Kuala Lumpur oleh kerana jenayah seperti ini ialah merupakan jenayah yang baru dan adalah menjadi satu kesukaran bagi kita untuk mengemaskinikan Bahagian ini yang ada di Kuala Lumpur pun, terutama dari segi kakitangan yang berkelayakan dan sebagainya. Itu sebabnya PDRM pada hari ini menghantar begitu ramai daripada anggotanya yang berkelayakan untuk melanjutkan pelajaran dari segi undang-undang, terutama di UIA agar mereka ini kembali besok dapat ditempatkan di Bahagian ini dan mengemaskinikan Bahagian Jenayah Perdagangan ini dan apabila kelengkapan itu sudah cukup di peringkat Pusat, insya Allah, Bahagian ini juga akan dikembangkan di peringkat Negeri-negeri.

Saya juga tertarik hati dengan perkara risikan keselamatan yang mana telah diutarakan oleh Yang Berhormat tadi yang mana mereka berfungsi dua, iaitu sambil mereka mencari maklumat, mereka juga mementingkan wang dan dengan menggunakan pengalaman jenayah mereka seperti membekalkan orang-orang tertentu dengan dadah, mendapat keuntungan, lepas itu memberi laporan kepada pihak Polis dan sebagainya, perkara ini juga akan diambil perhatian yang serius oleh pihak Kementerian Dalam Negeri dan juga Jabatan Polis.

Yang Berhormat dari Nilam Puri telah bercakap tentang tahanan ISA yang mana bukan sahaja orang yang ditahan disoalsiasat, tetapi juga isteri-isteri mereka, ini jikalau sekiranya ada bersangkutan. Tetapi perkara yang telahpun diceritakan oleh Yang

Berhormat tadi di mana salah seorang daripada orang tahanan ini isterinya lari ikut orang dan sebagainya ialah satu perkara yang tidak baik, amalan yang tidak baik dan ini akan diambil perhatian oleh pihak Kementerian Dalam Negeri.

Tentang barang-barang dan kes Memali yang masih lagi disimpan dan tidak didakwa, pihak Polis hanya boleh menjalankan penyiasatan kerana perkara pendakwaan ini bukan hanya tertakluk kepada pihak Polis, banyak Jabatan-jabatan lain yang terpaksa melibatkan diri sesuatu perkara itu boleh didakwa.

Tentang hal Polis di Langkawi tiada cuti dalam satu tahun kerana terlalu ramai orang melawat, terlalu banyak kerja yang telah dilakukan, ini juga akan diambil perhatian yang serius.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan tentang kes pembunuhan Mustakizah. Inginlah saya nyatakan kes ini masih lagi dalam penyiasatan dan saya memberi jaminan tiada timbul langsung pihak-pihak atasan melindungi sesuatu dalam kes ini. Oleh kerana kes ini masih lagi dalam penyiasatan, pendakwaan tidaklah boleh dilakukan.

Tentang laporan yang dibaca oleh Yang Berhormat yang berlaku di dalam pilihanraya yang lepas sebentar tadi dan juga tentang kes melempar bom di rumah salah seorang wakil daripada Terengganu, perkara ini juga akan diambil perhatian oleh pihak Polis.

Yang Berhormat dari Bayan Baru telah membangkitkan masalah penyelewengan dan rasuah yang berlaku dalam Jabatan Polis. Memang kita mengambil perhatian yang berat dan Ketua Polis Negara sendiri telah mewujudkan satu pasukan khas untuk menyiasat segala tuduhan penyelewengan dan rasuah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini. Kita tidak mahulah menyenaraikan berapa orang dan sebagainya, tetapi bagi tiap-tiap

laporan yang diberi oleh orang ramai, badan khas Bukit Aman ini akan dihantar untuk menyiasat tiap-tiap pegawai dan juga anggota Polis yang telahpun dikatakan melakukan rasuah dan penyelewengan dan jikalau bukti yang cukup maka badan tatatertib Polis sendiri akan mengambil tindakan yang tegas atas perkara ini.

Tentang sikap Polis kasar semasa tunjuk perasaan tol Cheras, kita tahu banyak orang berkumpul dengan begitu ramai yang Polis tidak melakukan kekerasan. Tiap-tiap kali ada pertandingan bola sepak di Stadium misalannya, 40,000 orang hadir tetapi kalau semua penuntun baik, Polis tak sentuh pun. Tetapi kalau keadaan itu sudah tegang yang boleh mencetuskan suasana yang begitu menjejaskan ketenteraman awam tentu sekalilah pihak Polis terpaksa menjalankan tugas. Ingin saya nyatakan di sini, saya telah mendapat laporan kerana kita tahu bahawa tol Cheras itu berhampiran juga dengan kampung-kampung Melayu. Seorang budak Melayu telah keluar, tiba-tiba dikerumun oleh hampir 30 orang pemuda-pemuda Cina sehingga hendak mewujudkan pergaduhan, mujurlah ada satu orang tua Cina yang telah bercakap kepada pemuda-pemuda ini, tak tahulah apa yang dicakapkan, dan orang tua Cina itu telah mengeluarkan budak itu. Katalah budak itu kena katuk, pecah kepala dia, apa akan jadi di kawasan tol Cheras itu? Ini yang mesti kita bayangkan, akan berlaku pertumpahan darah antara orang Cina dan orang Melayu . . .

Tuan Ahmad bin Nor: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya, minta penjelasan.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Pengerusi, mengapakah isu tol Cheras ini dikaitkan dengan hal perkauman? Mungkin seorang budak Melayu itu keluar secara kebetulan kerana secara

kebetulan juga yang ramai berkumpul di situ adalah orang-orang Cina yang tinggal berdekatan kerana mereka sanggup keluar untuk tunjuk perasaan secara aman. Apakah ini kena-mengena dengan soal perkauman? Saya rasa ini sengaja direka-rekakan dan tak patut ditimbulkan di sini, Tuan Pengerusi. *(Tepuk)*

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Pengerusi, perkara ini kita tak boleh main-main. Soal tol ini bukan soal perkauman, tetapi cuba bayangkan kalau budak itu kena katuk dan keluar orang-orang kampung, itu yang Polis hendak cegahkan. Soal tol bukan soal perkauman, memang saya akui, tetapi kalau berlaku, cuba Yang Berhormat fikirkan dan ini tugas kita.

Masalah tol, dia hendak selesai atau tidak selesai bukan tanggungjawab polis kerana tanggungjawab tentang berapa tol ini kena bayar dan sebagainya ialah jabatan lain. Hanya tugas polis menentukan bahawa keadaan di situ aman. Oranglalulalang di situ selamat. Itu tugas kita. Jadi, jangan timbulkan isu ini.

Tuan Pengerusi, oleh kerana Yang Berhormat Arau tadi nampaknya tidak ada satu tajuk yang sebenarnya *(Ketawa)*, kerana semata-mata hendak melepaskan geram mungkin, tetapi bagaimanapun saya ucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat Arau telah memuji pihak polis . . .

Tuan Lim Guan Eng: *(Bangun)*

Tuan Shahidan bin Kassim: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Minta penjelasan, ya? Nanti, dia dahulu.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, tadi saya tidak sempat berucap. Saya hendak bertanya tentang peruntukan yang diberikan untuk membeli rumah untuk anggota-anggota

polis. Memandangkan bahawa elaun perumahan yang diberikan kepada mereka itu adalah terlalu rendah iaitu setakat \$85 sebulan dan pembinaan unit-unit rumah untuk anggota polis terutama konstabel masih belum siap lagi. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk menaikkan elaun perumahan sekurang-kurangnya dua kali ganda kerana untuk konstabel yang tinggal di Wilayah Persekutuan, elaun perumahan sebanyak \$85, saya rasa adalah terlalu rendah dan juga saya rasa tidak berperikemanusiaan. Macam mana hendak cari sebuah rumah untuk disewa dengan \$85? Saya rasa ini tidak boleh berlaku di Kuala Lumpur dan Yang Berhormat Timbalan Menteri saya rasa pun sedar harga sewa di kawasan Wilayah Persekutuan. Perkara ini telah ditimbulkan berkali-kali dan setiap kali Yang Berhormat Timbalan Menteri selalu berkata bahawa kena tunggu sehingga rumah yang dibina oleh Kerajaan siap, tetapi semasa menunggu, bolehkah berikan elaun perumahan yang lebih tinggi dua kali ganda semasa pembinaan dijalankan? Terima kasih.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Pengerusi, oleh kerana tidak ada daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi bercakap fasal ini maka sayapun tidak sentuhlah.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya telah membangkitkan sama ada Kementerian memberi perhatian kepada taraf perkhidmatan profesionalisma polis tetapi tidak dijawab.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Bayan Baru, bila bangun minta kebenaran dahulu. Hendak beri jalan kepada dia atau tidak?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tidak apalah. Sudah lepas kita berilah. *(Ketawa)*

Tuan Shahidan bin Kassim: *(Bangun)*

Tuan Ahmad bin Nor: *(Bangun)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya minta penjelasan

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap. Dia ini bangkit sahaja.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia tidak bangun, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, saya tahu. Biarlah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Pengerusi, berilah saya jawab seseorang dahulu. Bila kita hendak bercakap tentang hendak meningkatkan profesionalisma pasukan polis, kita kena bercakap 4 atau 5 jam, Yang Berhormat, fasal terlalu luas. Kita kena bagi yang mana satu. Jadi, susahlah saya hendak jawab. Jadi, kalau perumahan pun masuk meningkatkan profesionalisma, saya hendak cakap fasal rumah ini banyak, setengah jam, Tuan Pengerusi. Jadi saya minta maaf kalau saya tidak boleh jawab yang tadi.

Tuan Ahmad bin Nor: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap Yang Berhormat daripada Bayan Baru. Minta kebenaran dahulu. Boleh benarkan dia bercakap?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kalau atas perkara yang sama, tidak payahlah Tuan Pengerusi.

Tuan Ahmad bin Nor: Bukan saya hendak sebutkan tentang skim perkhidmatan tadi

Tuan Pengerusi: Sila duduk dahulu. Dia tidak beri jalan. Dia belum habis lagi jawab.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Wakil daripada Kota Melaka kerana

membangkitkan perkara ini. Perkara ini telahpun kita bincangkan dengan panjang lebar. Kalau kita naikkan dua kali ganda elaun pun daripada \$85 ke \$170, anggota polis akan menyewa hanya rumah setinggan. Dengan sebab itulah, Kementerian dan Kerajaan telah membuat keputusan untuk memberikan satu geran sebanyak \$500 juta untuk membina secara 'turnkey' rumah-rumah anggota-anggota polis di seluruh negara dan pada hari ini walaupun pengisytiharan itu baru sahaja kita lakukan, kita telahpun dalam proses pembinaan di Pulau Pinang, Alor Setar, Kuala Lumpur, Seremban dan ini akan diteruskan di tiap-tiap bandar kerana, selain daripada rumah yang selesa dengan—tiga bilik, kita juga mahu mereka itu duduk dalam satu compound yang ada surau, ada dewan, yang berhampiran dengan sekolah dan dari segi logistik pula senang untuk dihubungi dengan segera. Jadi kalau kita double pun elaun, seorang duduk di Datuk Keramat, seorang duduk di Selayang dan dari segi mobilisation, Tuan Pengerusi, adalah sukar. Dengan sebab itulah kita fikirkan bahawa cara ini adalah lebih baik untuk meningkatkan perkhidmatan pasukan polis.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)
Minta jalan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah habis, bukan?

Dato' Megat Junit bin Megat Ayob:
Sudah habis.

Tuan Pengerusi: Sudah habis. Dia sudah duduk. Saya tanya dia, dia kata sudah habis. Kalau sudah habis tidak boleh bertanya lagi. Cukuplah, saya ingat perkara ini sudah hampir satu jam.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$28,500,000 untuk Maksud B.36; \$8,983,700 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi

sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$28,500,000 untuk Maksud B.36; \$8,983,700 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$43,480,000 yang disebutkan dalam Maksud P.36 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$43,480,000 untuk Maksud P.36 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1990.

Tuan Pengerusi: Majlis bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan satu Usul:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) dan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan telah selesai ditimbang dan sebaik sahaja selepas itu, Dewan hendaklah ditangguhkan hingga jam 4.00 petang esok.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul yang telah dikemukakan tadi, saya minta persetujuan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) dan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan telah selesai ditimbang dan sebaik sahaja selepas itu, Dewan hendaklah ditangguhkan hingga jam 4.00 petang esok.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

**RANG UNDANG-
UNDANG PERBEKALAN
TAMBAHAN & ANGGARAN
PEMBANGUNAN (TAMBAHAN)**

Maksud B.44 (Jadual Kedua)—

Maksud P.44 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1990)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.44 dan P.44 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kepong, sila bercakap, jangan beraleh ke belakang, sila.

6.08 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, nampaknya permintaan yang banyak untuk P.44 dikehendaki lebih

\$3.3 juta untuk menyiapkan auditorium serta memasang peralatan studio baru stesen pemancar Alor Setar dan juga hampir \$4 juta dikehendaki untuk membiayai penubuhan 3 stesen radio tempatan di Seremban, Shah Alam dan Kangar serta pemasangan beberapa alat pemancar dan juga, diminta lebih \$9 juta peruntukan tambahan yang didahului daripada Simpanan Luar Jangka.

Tuan Pengerusi, dengan Maksud B.44 pula diminta lebih \$1.7 juta untuk pembelian kenderaan dan alat-alat kelengkapan di bawah Program Perkhidmatan Penerangan dan Perkhidmatan Penyiaran.

Sukalah saya membangkitkan di sini bahawa dengan adanya alat-alat dan kenderaan kelengkapan untuk Kementerian Penerangan, saya berharap dengan wang awam ini, kenderaan-kenderaan dan van-van ini tidak akan digunakan untuk sesuatu parti sahaja. Sebenarnya ini wang rakyat dan maksud dan matlamat itu untuk kepentingan orang ramai dan tiap-tiap kali pilihanraya umum atau kecil, saya nampak van-van digunakan untuk sesuatu parti sahaja dan inilah tidak patut

Saya berharap dengan wang yang diminta itu begitu banyak kita patutlah melaksanakan tugas secara berkecuali untuk kepentingan orang ramai yang menyokong semua parti pun.

Tuan Pengerusi, mengenai stesen-stesen pemancar radio yang diminta begitu banyak wang dan didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka untuk maksud-maksud tersebut, di sini saya hendak menekankan sekali lagi bahawa dengan adanya stesen-stesen ini sepatutlah kita beri peluang kepada semua pihak, bukan kepada satu pihak sahaja atas alasan-alasan yang tertentu bahawa ini aktiviti, program atau projek ataupun perasmian oleh pihak Kementerian, Menteri dan Timbalan Menteri untuk melancarkan sesuatu projek, dia gunakan secara tidak

langsung dan kadangkala secara langsung sebagai dakyah politik, propaganda politik dan pihak Pembangkang tidak dibenarkan untuk menggunakan stesen-stesen ini termasuk Radio dan TV. Tuan Pengerusi ini adalah tidak adil kerana di sini sekali lagi diminta wang rakyat daripada semua Ahli Dewan Rakyat di sini. Saya berharaplah perkara ini diambil perhatian dengan serius dan tindakan diambil untuk menentu dan memastikan bahawa semua berjalan dengan dasar berkecuali. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.13 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey): Terima kasih, Tuan Pengerusi, dan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong yang telah menyentuh secara ringkas perkara-perkara yang ada hubungkaitnya dengan Kementerian saya. Suka saya menjelaskan di sini bahawa keperluan-keperluan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kepong berhubung dengan Stesen Alor Setar iaitu stesen baru dan stesen pemancar Alor Setar yang memakan belanja \$11 juta lebih yang mana sememangnya telah lama dijalankan dan dijangka siap pada awal tahun hadapan.

Begitu juga berkenaan dengan keperluan-keperluan Jabatan Penerangan seperti yang disebutkan tadi memanglah menjadi dasar Kerajaan dan khasnya Kementerian Penerangan bahawa sebarang pembelian atau perbelanjaan di bawah pengurusan ialah bertujuan untuk memberi khidmat kepada rakyat dan tidak ada niat Jabatan Penerangan ataupun Kementerian sendiri untuk membeza-bezakan mana-mana pihak di dalam mendapatkan perkhidmatan mahupun liputan dalam perkara ini.

Seterusnya berkenaan dengan stesen-stesen baru yang dibina akhir tahun ini

yang mana ada di antaranya hampir siap dan yang lain sudah siap. Berkenaan liputan-liputan berhubung dengan Radio seperti yang disebutkan oleh Menteri Penerangan dua hari yang lalu ialah jelas bahawa liputan-liputan sama ada yang ada hubungkait dengan Menteri-menteri Kerajaan Pusat mahupun Negeri dan begitu juga dengan umum diberikan dengan adil dan saksama. Jadi, saya tidak fikir ada sebarang perkara-perkara yang boleh dianggap di sini bahawa Kementerian ada dasar berat sebelah kepada mana-mana pihak daripada segi liputan umumnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,742,100 untuk Maksud B.44 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,742,100 untuk Maksud B.44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$9,220,800 yang disebutkan dalam Maksud P.44 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$9,220,800 untuk Maksud P.44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1990.

Maksud B.46 (Jadual Kedua)—

Maksud P.46 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1990)—

Tuan Pengerusi: Kepala B.46 dan P.46 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$4,819,100 untuk Maksud B.46 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,819,100 untuk Maksud B.46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10,637,026 yang disebutkan dalam Maksud P.46 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10,637,026 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1990.

Maksud P.48 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1990)—

Tuan Pengerusi: Kepala Pembangunan P.48 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas.

6.16 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, P.48 terutamanya dipinta hampir \$5 juta untuk menampung kerja pengubahsuaian Terminal 1 dan Terminal 2, Lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan juga lebih \$5 juta untuk pembekalan alat-alat pemaliman udara yang lewat diterima serta untuk menjelaskan bayaran kerja tambahan.

Tuan Pengerusi, ada juga pembelian alat-alat untuk keselamatan seperti jentera bomba dan kerja pembaikan atas

landasan Padang Terbang Pulau Tioman dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya bangkit di sini satu aspek iaitu kekurangan sistem trafik nasional bagi ruang udara kita kerana mungkin satu sebab yang besar ialah kekurangan, dengan izin, Tuan Pengerusi, Secondary Survey Radar (SSR). Dengan ketiadaan sistem Secondary Survey Radar (SSR), ini mengurangkan keberkesanan sistem kawalan dan sistem keselamatan bukan sahaja di Subang bahkan juga di seluruh negara. Perlu diingatkan, Tuan Pengerusi, bahawa di kawasan ini ada Flight Information Region (FIR). FIR ini di Semenanjung dipanggil KLFIR manakala di Sabah dan Sarawak—Kota Kinabalu—KKFIR, dan ini untuk Malaysia. Untuk Singapura, mereka menguasai ruang angkasa Laut China Selatan kerana salah satu sebab yang utama kita tidak mempunyai sistem radar yang sempurna, SSR tidak ada lagi walaupun beberapa kali pihak yang tertentu sudah menyeru supaya Kementerian mengambil perhatian yang serius untuk mendapatkan SSR ini. Tetapi malangnya tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian tidak berkesan langsung sehingga kita tidak dapat mengawal keselamatan ruang angkasa negara ini dengan lebih berkesan.

Tuan Pengerusi, saya hendak memberi amaran di sini dengan ketiadaan SSR dan juga kawalan yang lebih baik ke atas keselamatan ruang angkasa ini di Lapanganterbang Antarabangsa Subang sebelum mendarat pesawat-pesawat terpaksa melalui ruang angkasa atas Subang Jaya dan juga kawasan perumahan yang berhampiran dengan Bayan Lepas.

Saya memberi amaran di sini kalau kita tidak ada sistem yang lebih baik, kita mungkin akan dilanda malapetaka dengan pesawat yang jatuh, terutamanya di Subang Jaya kerana kerap kali pesawat tiba di Lapanganterbang Subang. Amaran ini saya berharap

Kementerian mengambil perhatian yang serius untuk mengelakkan dari berlakunya malapetaka.

Tuan Pengerusi, sukalah saya di sini membangkitkan satu perkara lagi untuk pembelian alat-alat keselamatan dan juga memajukan Terminal 1 dan 2 Lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Adakah benar bahawa hutang Jabatan Penerbangan Awam (DCA) itu lebih \$8 juta kerana membiayai projek-projek pembangunan ini.

Ada satu perkara lagi iaitu mengenai masalah yang terdapat di Lapanganterbang Ipoh di mana \$5 juta telahpun diperuntukkan untuk lapanganterbang yang baru. Pada mulanya, Dewan Ketibaan atau Arrival Hall, dengan izin, Tuan Pengerusi, tidak ada hawa dingin tetapi tiba-tiba dipasang hawa dingin pula. Saya tidak tahulah mengapa itu ditukar menjadi 'air-conditioned arrival hall', dengan izin, Tuan Pengerusi, sama ada ini satu rancangan pada permulaan lagi ataupun tiba-tiba ditambahkan pula. Saya suka bertanya di sini, adakah perlu untuk membuat 'air-conditioned arrival hall' dengan bilangan orang yang begitu kecil menggunakan lapanganterbang itu?

Sebenarnya, kita ada 20 buah lapanganterbang di seluruh Malaysia. Di antaranya 4 daripadanya ialah Lapanganterbang Antarabangsa, yang baki 16 adalah lapanganterbang yang lebih kecil, dan kebanyakannya tidak perlu adakan pesawat Boeing 737 kerana tidak ada permintaan. Tetapi kita nampak ada setengah-tengah lapanganterbang, walaupun tidak ada permintaan, masih gunakan Boeing 737 untuk perjalanan (flight). Tuan Pengerusi, di sinilah saya berharap pihak Kementerian dapat mengambil perhatian ke atas teguran-teguran yang telah saya sampaikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.24 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong yang sepanjang masa berminat dalam masalah Kementerian Pengangkutan.

Tuan Pengerusi: Kesemuanya. Bukan yang itu sahaja.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat seolah-olah begitu hafal sekali apa yang berlaku di Kementerian Pengangkutan dan mengambil berat sangat-sangatlah, terima kasih atas minatnya itu. Tetapi saya ingin menyatakan bahawa katanya ruang udara nasional kita tadi itu tidak selamat dan sebagainya, alhamdulillah, sehingga hari ini belumlah ada malapetaka besar sehingga sampai semua orang tidak selamat. Kalau keadaan tidak selamat tentu orang tidak mahu naik kapalterbang lagi. Walau bagaimanapun, kita memang dalam proses mendapatkan SSR.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, proses penilaian sedang dilakukan. Ini bukan satu barang yang kecil, yang kita boleh orang bawa tunjuk, kita beli. Kita kena nilai semua contoh-contoh yang telah dikemukakan. Jadi, oleh kerana itu ianya terpaksa memakan masa sedikit. Kita hendakkan supaya

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Hendak apa lagi?

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan atau tidak?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tetapi kita tengah membuat penjelasan. Baiklah, apa dia hendak?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat menerangkan berapa tahunkah perkara SSR ini dibangkitkan kerana bukan . . .

Tuan Pengerusi: Belum beli lagi.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Kita hendak belilah itu, sedang dalam proses tender. Jadi, kena tunggulah kita habis menilai tender-tender yang dikemukakan.

Tuan Pengerusi: Bukan macam beli subang. (*Ketawa*)

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: SSR . . . Bukan macam beli subang. (*Ketawa*) Tuan Pengerusi, sebenarnya ruang angkasa ini memang kita ada had-hadnya masing-masing untuk negara-negara tertentu. Kita berjiran. Jadi, kita sama-sama menjaga ruang angkasa, itu adalah hadnya. Kalau sampai Laut Cina Selatan pun, Singapura menjaganya, kita sama-sama menggunakan tempat itu. Apa salahnya? Dia masuk ruang kita pun, kita jaga juga.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan atau tidak?

Dr Tan Seng Giaw: Terima kasihlah kepada Yang Berhormat kerana sudi membincangkan perkara ini. Adakah benar Singapura menguasai ruang angkasa Laut Cina Selatan tetapi dibenarkan satu koridor yang kecil sahaja di bawah Laut Cina Selatan untuk Malaysia bagi pesawat-pesawat melalui Laut Cina Selatan, satu ruang angkasa yang kecil sahaja di bawah sekali. Adakah ini benar?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Pengerusi, kita tidak perlu merayau ke semua ruang angkasa. Kita ada jalan-jalan tertentu yang kita perlu lalui, kita lalulah di situ. Mengapa hendak

merayau ke semua ruang angkasa. Kita ada jalan-jalan tertentu, 'air routes' yang kita gunakan. Jadi, apa fasal pula kita hendak merayau kesemua ruang angkasa?

Tuan Pengerusi: Dia hendak singgah di mana-mana tak? (*Ketawa*)

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Kalau ada tempat, kita memang hendak singgah. Kalau ada destinasi baru memang kita gunakan, kita dapatkan persetujuan daripada pihak-pihak yang menjaga ruang-ruang angkasa tersebut kalau kita perlu menggunakan ruang angkasa itu. Semua negara macam itu.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Dia bangun pula, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Sudahlah itu! (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi: Sudahlah.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Sebenarnya usaha, tadi katanya bertahun-tahun untuk mempertingkatkan, kita punya sistem ATC ini telah kita mulakan pada tahun 1989. Jadi, kita membuat penilaian sekarang dan pelaksanaannya akan selesai, lengkap pada tahun 1993 sebab ianya bukanlah satu benda macam hendak beli subang seperti kata Tuan Pengerusi tadi. Itulah perkara yang telah dibangkitkan mengenai SSR.

Kemudian, yang sebenarnya Yang Berhormat itu berkisar dengan SSR juga iaitu supaya jangan ada malapetaka, mengambil perhatian yang serius dan sebagainya. Memang Kementerian bertanggungjawab penuh atas keselamatan dan memang mengambil perkara ini sebagai satu perkara yang begitu serius sekali.

Mengenai peruntukan-peruntukan yang dipohon, pembelian alat-alat keselamatan untuk bomba dan sebagainya itu memang perlu. Saya rasa Yang Berhormat tak bolehlah kata tak setuju atas permintaan ini.

Mengenai ubahsuai terminal memang diperlukan kerana kita memerlukan ruang yang lebih selesa, terutamanya untuk penumpang-penumpang yang datang daripada luar negara kita kerana disebabkan Visit Malaysia Year 1990 ini, kita telah dapat peningkatan penumpang yang begitu banyak sekali yang datang ke negara kita.

Mengenai dengan hutang DCA, bukan DCA minta Yang Berhormat tolong bayar. Ini adalah urusan di antara Kementerian dengan Jabatan dengan pihak Perbendaharaan. Jadi, adalah cara penyelesaiannya. Jadi, janganlah Yang Berhormat itu risaukan hutang DCA itu.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tak payahlah. Masalah lapanganterbang Ipoh, dewan ketibaan dihawadenginkan. Apa salahnya kalau kita meningkatkan kemudahan-kemudahan perkhidmatan kita di mana-mana yang difikirkan perlu dan sesuai. Maka oleh kerana dirasakan perlu dan sesuai, maka sebab itulah kita berikan kemudahan yang lebih baik, dihawadenginkan lapangan terbang itu.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dia bangun lagi. Hendak beri jalan atau tidak?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Biarlah saya selesaikan dahulu. Yang Berhormat tadi kata tak ada penumpang. Sebenarnya, penerbangan

ke Ipoh sudah kita tingkatkan kepada Boeing 737 dan 4 penerbangan satu hari itu pun tidak mencukupi sebab saya dapati semasa membuat lawatan ke sana, ramai yang menyatakan bahawa mereka berkehendakkan kalau boleh diadakan penerbangan terus daripada Singapura ke Ipoh dan daripada tempat-tempat lain ke Ipoh. Bererti bahawa permintaan keperluan di Ipoh ini sudah meningkat. Jadi, oleh kerana itu kita perlu menambahkan juga perkhidmatan-perkhidmatannya. Apa Yang Berhormat hendak lagi tadi? Ada lagi?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ada dua perkara Yang Berhormat tidak menerangkan kepada Dewan yang mulia ini. Yang pertamanya, setahu saya adakah benar bahawa pada peringkat pertama itu hanya baru-baru ini diluluskan untuk ketiadaan alat pendingin di arrival hall, dewan ketibaan di lapanganterbang Ipoh kerana pada pendapat pakar tidak memerlukan air-cond arrival hall. Mungkin ada kejadian yang tidak mahu disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat di sini, sehingga alat ini dipasangkan di arrival hall—mungkin ada.

Yang keduanya, untuk AIR yang telah saya sebutkan tadi, AIR ini bukannya telah ditetapkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu untuk sesuatu negara. Bukan hendak merayau ke situ dan merayau ke sini. Perkara itu tak timbul langsung.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Yalah, kalau sudah ditetapkan kita tak payahlah merayau, kita sudah ada diberi jalan itu, kita gunakanlah jalan itu sahaja. Apa Yang Berhormat risaukan sangat.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Mengenai lapanganterbang Ipoh ini saya sudah katakan tadi, kita merasakan bahawa kadang-kadang pandangan atau pendapat pakar itu tidak semestinya serupa dengan pandangan dan pendapat

orang yang on the ground. Jadi, walaupun pakar kata tak perlu air-cond, kalau kita rasakan kita perlukan air-cond kerana ruang kawasan itu mungkin sempit dan apabila orang bersesak-sesak beramai-ramai orang ramai pun marah nanti kerana panas, jadi apabila dirasakan perlu kita memberikan perkhidmatan yang lebih selesa dan lebih baik, kita berikan. Puas hati Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$13,303,800 yang disebutkan dalam Maksud P.48 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1990 di bawah Kementerian Pengangkutan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$13,303,800 bagi Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1990.

Maksud B.51 dan B.59 (Jadual Kedua)—

Maksud P.51 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1990)—

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B.51 dan 59 dan Kepala P. 51 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat terbuka untuk dibahas.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$162,610 untuk Maksud B.51; dan \$1,510,600 untuk Maksud B.59 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$162,610 untuk Maksud B.51; dan \$1,510,600 untuk

Maksud B.59 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,495,010 yang disebutkan dalam Maksud P.51 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,495,010 untuk Maksud P.51 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1990.

Maksud B.52 (Jadual Kedua)—

Maksud P.52 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1990)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B.52 dan Kepala P. 52 di bawah Kementerian Kerjaraya terbuka untuk dibahas. Ahli dari Bagan.

6.35 ptg.

Tuan Lim Hock Seng (Bagan): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyentuh dua perkara di bawah Kementerian Kerja Raya, Butiran 03600 iaitu Jalan dan Parit.

Sukacita saya menarik perhatian Kementerian Kerja Raya bahawa ada sebatang jalan di kawasan saya iaitu di Jalan Raja Uda di Butterworth yang mana jalan itu telah wujud sejak lebih kurang 30 tahun lalu dan keluasan atau lebarnya tidak dinaik tarafnya, masih lagi 16 kaki lebarnya. Dan di kedua-dua belah jalan ini tidak ada perparitan untuk mengalirkan air hujan. Apabila hujan, jalan ini air bertakung di sana sini dan rumah-rumah di kedua belah jalan ini untuk mengelakkan air memasuki rumah murah masing-masing, mereka telah meningkatkan lantai rumah masing-masing. Jadi, oleh kerana masa sudah

lama, 30 tahun, jalan ini sudah nampaknya menjadi rendah. Di kedua-dua belah jalan ini di mana ada rumah-rumah, mereka sudah meningkat-tingkatkan lantai dan kaki limanya. Oleh itu, saya sukalah meminta Kementerian ini memandang berat perkara ini. Walaupun jalan dan parit ini di-senggarakan oleh Kerajaan Negeri, tetapi selalunya alasan yang diberikan ialah tidak cukup peruntukan untuk membina parit di jalan itu.

Jadi, diharaplah supaya Menteri yang berkenaan boleh memberikan sedikit peruntukan untuk jalan ini.

Suatu hal lagi ialah berkenaan dengan hakisan laut di sepanjang pantai Seberang Prai Utara. Hakisan ini telah menyebabkan kebanyakan

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Tuan Mohd. Noh bin Rajab): Tuan Pengerusi, point of order 36 (1), ucapannya ini sudah jauh menyeleweng ke tengah laut, susahlah sedikit.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, ini adalah di bawah Kementerian Kerja Raya

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Tidak ada pun dalam Maksud Bekalan B.52 ini disebutkan perkara itu.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Bagan, adalah diingatkan supaya jangan menyentuh perkara yang tidak berkenaan.

Tuan Lim Hock Seng: Baiklah, saya cuma sentuh jalan yang saya telah sebutkan tadi. Berkenaan dengan hakisan laut, saya akan sentuh lain kali.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Alor Star.

6.40 ptg.

Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar): Tuan Pengerusi, di bawah Maksud B.52, Kertas Perintah 15A saya ingin memberi pandangan saya berkenaan dengan dua perkara di sini. Di bawah B.52 (ii), tambahan sebanyak \$1,600,000 adalah untuk menampung semua pembelian kereta baru atau menggantikan kereta lama bagi Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik. Di sini, Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan bahawa saya percaya Kementerian Kerja Raya telahpun boros sedikit dalam menggunakan \$1,600,000 untuk membeli kereta-kereta yang mewah untuk Menteri dan Timbalan Menteri kita.

Tuan Pengerusi, sebenarnya saya bukan melahirkan apa-apa bantahan untuk membeli kereta kepada Menteri-menteri kita. Sebenarnya mereka juga perlu mengadakan kereta-kereta setanding dengan jawatan mereka, tetapi sejumlah \$1,600,000, saya percaya adalah berleluasa sedikit dan saya harap Kementerian Kerja Raya ataupun Menteri yang berkenaan dapat memberi tahu apa jenis kereta yang telah dibeli itu dan berapa buah atau biji yang telah dibeli.

Kedua, Tuan Pengerusi, saya lihat dalam Kertas Perintah 15A bahawa sebanyak \$750,000 telahpun digunakan untuk menampung perbelanjaan bagi menganjurkan Pertandingan Ketukangan pada bulan Jun, 1990. Di sini saya juga ingin bertanya apakah pertandingan ini ataupun apa faedah yang telah dihasilkan daripada pertandingan ini, sebab pertandingan ini nampaknya bukanlah melibatkan semua negeri dalam negara kita dan sebanyak \$750,000 telahpun dibelanjakan oleh Kementerian tersebut.

Kalau kita melihat Kertas Perintah 16A dan selepas meneliti Butiran atau Projek yang mana perbelanjaan

tambahan telahpun diminta ataupun telahpun didahulukan, saya tidak dapat lihat perbelanjaan untuk menaikkan taraf ataupun, dengan izin, to maintain jalan-jalan yang sedia ada dalam bandar ataupun dalam kampung di negeri-negeri, khususnya negeri-negeri sebelah utara. Saya dapat memberi satu misalan. Dalam kawasan saya iaitu di Alor Star terdapat banyak lagi batang-batang jalan, khasnya dalam bandar yang berlopak-lopak dan berlubang-lubang dan kebanyakan kemalangan telahpun terjadi. Saya telahpun mengemukakan masalah ini kepada JKR Kota Star, iaitu Tuan Jurutera Kota Setar, tetapi jawapan yang saya dapat ialah bahawa peruntukan memang tidak mencukupi ataupun segala peruntukan telahpun dihabiskan dan oleh yang demikian beliau tidak dapat membuat maintenance, dengan izin, ataupun menaikkan taraf jalan walaupun saya minta cuma menampung jalan adalah cukup untuk mengelakkan segala kemalangan yang tidak diingini. Malangnya sampai hari ini terdapat juga jalan-jalan yang masih belum dinaikkan taraf ataupun ditampung segala lubang.

Oleh yang demikian, saya haraplah Kementerian Kerja Raya dapatlah mengambil berat, mungkin bukan dalam bandar Alor Setar sahaja jalannya berlopak-lopak tetapi juga di negeri-negeri lain. Dengan ini saya haraplah Kementerian Kerja Raya dapat memperuntukkan sedikit peruntukkan dalam tahun 1991 untuk menaikkan taraf ataupun untuk menampung jalan sahaja yang terdapat berlopak-lopak.

6.45 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh Kertas Perintah 15A Tahun 1990—Maksud B.52, perkara (ii). Saya minta supaya Kementerian Kerja Raya menyenaraikan jenis-jenis kereta yang telah dibeli sehingga menjangkau harga

\$1,600,000, tentukan jenis kereta, apakah termasuk di dalamnya kereta Proton Saga dan berapa harganya. Saya minta supaya disenaraikan juga kereta-kereta yang telah terpakai, jenis serta umurnya dan bilakah ianya dijual, kepada siapakah ianya dijual dan dengan harga berapakah ia dijual. Kalau murah saya hendak beli juga satu, kalau boleh, dan sebagainya. (*Ketawa*) Saya juga meminta supaya dapat mencontohi Kerajaan Negeri Kelantan, kalau boleh. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Timbalan Menteri, sila jawab.

6.46 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Pengerusi, mula-mula saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan ke atas Belanjawan Tambahan yang ada pada kita pada petang ini.

Yang Berhormat dari Bagan ada menyentuh tentang jalan dan jambatan, tetapi Butiran yang beliau sebutkan iaitu 03600 itu adalah berkenaan dengan jalan dan jambatan di Pulau Lumut, bukan berkenaan dengan jalan dan jambatan Yang Berhormat sebutkan. Walau bagaimanapun, apa yang telah disebutkan itu, Kementerian akan memberi perhatian.

Kedua, Yang Berhormat dari Alor Setar dan Yang Berhormat dari Tumpat menyebut berkenaan dengan kereta baru. Kebetulan kereta baru ini saya dapat tahu, dan saya difahamkan, baharu ditempah. Saya pun tidak tahu apa keretanya. Tetapi saya telah difahamkan bahawa kereta ini memang ada hadnya, tidak boleh sebarang beli, memang had untuk Menteri, Timbalan Menteri dan lain-lain. Tidak ada sukahati beli mana-mana kereta yang kita mahu ataupun suka. Jadi, lebih-lebih lagi kepada apa yang dikhendaki oleh Yang

Berhormat dari Tumpat itu saya tidak dapat beritahu sebab keretanya pada masa ini belum lagi sampai, tetapi untuk kita beli kereta baru yang kita buat permintaan di sini. Jadi, perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Alor Setar iaitu berkeaan dengan perkara yang tidak ada dalam Belanjawan Tambahan, sungguhpun begitu, Kementerian Kerja Raya mengambil perhatian ke atas perkara-perkara yang disentuh iaitu jalan-jalan yang berlubang dan sebagainya yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Alor Setar.

Tuan Pengerusi, itu sahajalah yang dapat saya memberi penjelasan tentang perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Haji Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Chor Chee Heung: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dia sudah tamat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$4,280,000 untuk Maksud B.52 di bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,280,000 untuk Maksud B.52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$48,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P.52 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$48,000,000 untuk Maksud P.52 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1990.

Maksud P.53 (Jadual Kedua)—

Maksud P.53 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1990)—

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B.53 dan Kepala Pembangunan P.53 di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi terbuka untuk dibahas sekarang. Ya, Sepang.

6.51 ptg.

Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang (Sepang): Tuan Pengerusi, Maksud P.53—Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Butiran 04400—Kemajuan Koperasi.

Di antara Koperasi yang akan diberi penekanan atau diberikan ketentuan beroleh kemajuan ialah Koperasi Pembangunan Daerah yang sekarang ini disebut Koperasi Pembangunan Daerah Gotong-Royong Berhad.

Saya fikir dari segi nama Koperasi di mana disebut Koperasi Pembangunan Daerah Gotong-Royong, kurang ada nilai niaganya ataupun commercial value, kerana biasanya gotong-royong memang tidak dikaitkan dengan urusniaga.

Saya mencadangkan oleh kerana kita hendak membangunkan Koperasi yang ditaja oleh Kerajaan sendiri dan akan menjadi payung kepada usaha-usaha memajukan bukan sahaja rakyat yang digalakkan menyertai Koperasi ini, malahan akan menjadi payung kepada pengusaha-pengusaha dan peniaga di daerah-daerah. Maka sesuai namanya itu rasa saya dipendekkan supaya ianya ada nilai ataupun commercial value, dengan memotong perkataan "Gotong-Royong Berhad" sebab perkataan "Gotong-Royong" itu biasanya dikaitkan dengan

kerja sukarela. Jadi bila Koperasi ada kerja sukarela ataupun membuat kerja yang tidak ada sebarang imbuhan dan sebagainya bukan akan memajukan Koperasi malahan akan lebih melemahkan sesuatu Koperasi tersebut. Selain daripada itu KPD yang akan diberi perhatian oleh bahagian ataupun Pembangunan Koperasi mestilah menjadikan suatu Koperasi yang benar-benar dapat memayungi atau membimbing peniaga-peniaga, pengusaha-pengusaha di daerah, tetapi dengan keadaan yang sekarang ini dengan memberikan, menguntukkan Kelas F kepada KPD ini ianya sudah pasti bukan sahaja akan bersaing dengan beratus-ratus ataupun berpuluh-puluh kontraktor bumiputera di daerah-daerah, malahan Koperasi akan juga kadangkala terpaksa beralah kepada pemborong-pemborong bumiputera.

Saya mengesyorkan oleh kerana kita telah memberi suatu pengkhususan Kementerian ini dengan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi maka segala usaha penekanan dan memajukan Koperasi di peringkat daerah terutama sekali di dalam usaha pertamanya mengupgradakan atau menaikkan daripada Kelas F sekurang-kurangnya Kelas D untuk permulaan.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, di dalam Undang-undang Kecil Koperasi khususnya KPD, ada lantikan Menteri kepada Ahli Jumaah ataupun Ahli Lembaga Pengarah. Apa yang telah berlaku Pengerusi lantikan-lantikan Menteri ini terlalu lewat sehingga sampai hendak bermesyuarat setahun sekali barulah sampai lantikan ataupun pengesahan lantikan-lantikan Menteri yang menyebabkan saya kira kurang adanya sumbangan penglibatan Ahli-ahli Pengarah yang dilantik oleh Menteri.

Saya mengesyorkan supaya kuasa perlantikan Menteri ini diperturunkan dan dapat disegerakan pemberitahu pengesahan perlantikan-perlantikan

Ahli Jumaah Lembaga Pengarah oleh Yang Berhormat Menteri ataupun jika dapat difikirkan lantikan-lantikan ini diperturunkan kepada Pengerusi-pengerusi yang telah diamanahkan atau yang dimandatkan mengendalikan, mentadbirkan Koperasi-koperasi tersebut.

Yang akhir sekali, di dalam memajukan Koperasi, saya dapati pada tahun sudah Koperasi telah mula melantik pembimbing-pembimbing Koperasi.

Saya mengucapkan syabas kepada Kementerian yang telah bersungguh-sungguh untuk hendak melihat supaya setiap Koperasi yang ada di daerah-daerah dapat dibangun dan dimajukan dan diwujudkan pembimbing-pembimbing Koperasi.

Saya mengesyorkan supaya pembimbing-pembimbing ini diberi latihan dan kursus-kursus supaya ianya benar-benar faham mengenai Koperasi dan kadangkala calon ataupun pegawai-pegawai pembimbing ini kurang faham dan menyebabkan ia tidak dapat mengikuti perkembangan dan apatah lagi diharapkan untuk memajukan Koperasi-koperasi di peringkat daerah.

Saya juga mengesyorkan supaya pembimbing-pembimbing Koperasi ini ditempatkan di Koperasi-koperasi yang telah digerakkan atau yang telah berdaya maju seperti Koperasi Pembangunan Daerah.

Menyentuh mengenai elaun yang telah diberikan, saya percaya tentulah boleh difikirkan kepada suatu angka yang munasabah kerana jumlah pembimbing-pembimbing ini masih lagi terhad kepada lebih kurang satu orang kepada satu daerah. Maka saya mengesyorkan supaya ditambah beberapa orang lagi pembimbing dan membolehkan bukan sahaja rakyat luar bandar akan benar-benar faham akan keperluan mereka berkoperasi di dalam

menjalankan perniagaan bentuk Koperasi, malahan dapat menggalakkan ramai lagi rakyat di luar bandar menyertai Koperasi dengan menambah saham-saham yang berpatutan. Sehingga hari ini kita dapati kefahaman rakyat luar bandar terhadap Koperasi ini masih lagi belum dapat dibanggakan, kadangkala seseorang pemegang saham hanya membayar saham pertama sebanyak \$5 atau \$10— itulah sahamnya sehingga

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat ini bercakap tentang dasar.

Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang: Contoh.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sila pendekkan.

Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang: Itulah sahamnya sehingga selesai ataupun sehingga beberapa tahun. Jadi inilah tujuan diadakan pembimbing-pembimbing ini supaya mereka dapat menambah saham ataupun memahami kepentingan dan kebaikan berkoperasi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Timbalan Menteri, sila jawab.

6.58 ptg.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Pengerusi, pertamanya saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sepang di atas pandangan-pandangan yang telah diberi.

Secara umumnya kita telah setuju untuk meneliti akan perjalanan Koperasi Pembangunan Daerah ini secara menyeluruh dan pandangan-pandangan yang telah diberi baik dari segi hendak ubahsuai namanya ataupun tidak, ini kita akan timbangkan. Pada saya yang lebih

penting bukan nama, tetapi hasil dari kerja-kerja yang dibuat oleh Koperasi itu, begitu juga tentang pendekatan atau approach sejauh mana dan setakat mana KPD ini harus bergerak dan bagaimana caranya, inipun akan diambil kira di dalam penelitian yang sedang dibuat sekarang ini.

Yang ketiga, tentang soal Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri iaitu 9 orang bagi tiap-tiap KPD ini, inipun terangkan jugalah tentang cara-cara patut diperkemas. Yang keduanya, tentang pegawai-pegawai pengembangan koperasi ini yang dikatakan pembimbing tadi, memang benarlah, saya bersetuju dengan pandangan daripada Ahli Yang Berhormat, salah satu daripada tindakan yang akan kita ambil ialah untuk cuba memperkemas juga tenaga yang memberikan penerangan dan juga penjelasan, yang memberikan berbagai maklumat tentang gerakan koperasi ini dan kita akan mengatur lebih banyak lagi kursus-kursus jangka pendek dan juga jangka panjang dengan kerjasama seterusnya daripada ANGKASA di masa-masa yang akan datang. Dan kita harap dengan adanya pendedahan dan bahan-bahan penerangan yang lebih banyak diberikan kepada pegawai-pegawai pengembangan ini, kita harap mereka akan dapat menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan baik dan berkesan lagi di masa-masa yang akan datang.

Akhir sekali, kita harap menerusi penerangan-penerangan itu juga akan dapat menampung apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu tentang kefahaman bukan sahaja ahli-ahli koperasi tetapi keseluruhan mereka yang terlibat di bidang pembangunan ataupun gerakan koperasi ini, baik dari segi pegawai-pegawai mahupun dari segi pemimpin-pemimpin koperasi, insya Allah semua ini akan diberi penekanan dalam usaha-usaha kita hendak cuba mempertingkatkan lagi usaha-usaha kita bagi melihat gerakan koperasi ini

berjalan dengan kemas, licin dan lebih berkesan lagi di masa-masa yang akan datang. Itu sahajalah, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$4,838,100 untuk Maksud B.53 di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,838,100 untuk Maksud B.53 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$2,551,904 yang disebutkan dalam Maksud P.53 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,551,904 untuk Maksud P.53 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1990.

Maksud B.54 dan B.61 (Jadual Kedua)—

Maksud P.54 dan P.61 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1990)—

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Maksud B.54 dan B.61 dan Maksud P.54 dan P.61 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Segamat.

7.04 mlm.

Tuan S. S. Subramaniam (Segamat): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud P.54 khususnya

di atas perbelanjaan sejumlah lebih kurang \$388 juta yang telah dibelanjakan sebagai perbelanjaan pembangunan tambahan ini. Sebenarnya saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian ini di atas satu perbelanjaan untuk menunaikan apa yang telah dijanjikan kepada rakyat sewaktu bukan sahaja dalam musim pilihanraya, tetapi juga sewaktu kita berkhidmat sebagai wakil rakyat. Kita tidak boleh lupa apakah peranan yang telah dimainkan oleh rakyat daripada luar bandar khususnya daripada kampung-kampung dan FELDA di mana parti Barisan Nasional telah menerima satu sokongan yang begitu penuh di dalam pilihanraya yang baru-baru ini telah diselesaikan.

Saya nampak beberapa perbelanjaan seperti jalan-jalan FELDA di bawah mana hanya \$25.5 juta telah dibelanjakan di atas jalan-jalan FELDA. Apabila kita ambil satu kiraan, jika kita boleh bina satu jalan dengan anggaran bagi satu kilometer dengan kos \$50,000, nampaknya dengan anggaran ini lebih kurang hanya 500 kilometer sahaja telah dibina dalam anggaran ini. Ini nampaknya satu peruntukan yang tidak begitu besar. Apa yang saya ingin membawa kepada perhatian pihak Kementerian ialah apabila kita hendak membelanjakan di atas jalan-jalan, bekalan air dan juga elektrik di dalam kawasan-kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan FELDA, janganlah kita kira kesesakan untuk mendapat peruntukan. Marilah kita belanja lebih daripada apa yang telah diperuntukkan. Untuk dapat diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini, janganlah bimbang oleh kerana kita akan menyokong dengan penuh kepada Kementerian ini. Marilah kita belanja apa yang kita boleh untuk kita menunaikan apa yang telah dijanjikan.

Di bawah Butiran 03600 ini Lembaga Kemajuan Johor Tenggara, nampaknya di bawah bekalan air tidak ada apa-apa perbelanjaan. Saya ingin dapat tahu daripada pihak yang berkenaan sebab

apa kita tiada apa-apa tambahan perbelanjaan di atas bekalan air ini. Jika ada bekalan air yang sesuai, saya rasa ini tidak perlu untuk dijawab. Kalau tidak ada, saya ingin dapat tahu sebab apa kita tidak ada kenakan apa-apa perbelanjaan di bawah Maksud ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kota Bharu.

7.07 mlm.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak (Kota Bharu): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di bawah Maksud B.54—090000 dan 100000 seterusnya P.54.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan penghargaan di atas penyusunan baru ini yang telah terpaksa membelanjakan satu peruntukan tambahan sebanyak \$31.4 juta lebih kurang untuk menguruskan perbelanjaan agensi-agensi yang telah diletak di bawah Kementerian. Tetapi yang saya ingin menyatakan juga walaupun peruntukan ini begitu banyak dan saya menyokong, ia hendaklah disedari bahawa peruntukan ini adalah wang rakyat. Maka oleh itu pengurusan kedua-dua perkara yang telah saya sebutkan tadi hendaklah menampakkan bahawa ia benar-benar untuk kepentingan rakyat dan bukanlah untuk mana-mana parti.

Setakat ini kita telahpun mendengar daripada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat, rasa kesal mereka terhadap pegawai-pegawai tertentu yang telah mencemarkan nama baik agensi-agensi tersebut. Saya berharap apabila agensi-agensi ini diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, perkara ini tidak akan timbul lagi.

Tuan Pengerusi, seterusnya berkaitan dengan P.54, saya sangat menyokong program-program atau projek-projek JALB atau projek jalan raya luar bandar

dan program industri kampung. Dan saya teringat kepada janji seorang rakan iaitu Yang Berhormat Dato' Mohd. Tajol Rosli—waktu itu di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar—bahawa Kementerian tidak keberatan untuk memberi projek-projek untuk orang-orang yang seharusnya diberi dari segi meritnya, dengan izin.

Saya masih menaruh harapan walaupun beliau tidak lagi dalam Kementerian tersebut tetapi kepada Kementerian yang berkenaan . . .

Dato' Ismail bin Said: On a point of order, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Point of order yang keberapa?

Dato' Ismail bin Said: 36 (5)—“Seseorang ahli tidak dibenar menyebut nama ahli lain.” Saya minta Yang Berhormat tarik balik. (*Ketawa*)

Puan Hajah Ilani bin Dato Haji Isahak: Saya boleh menarik balik, tidak jadi masalah.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat diingatkan supaya jangan sebut nama. Cuma sebut kawasan ataupun jawatan beliau.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Baik, Tuan Pengerusi. Saya pohon maaf. Tuan Pengerusi, bolehkah saya teruskan?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Tuan Pengerusi, program-program ataupun projek-projek ini seharusnya dijalankan dengan seadil-adilnya kerana ia adalah merupakan wang rakyat dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini diharapkan memastikan wang rakyat ini digunakan seadil-adilnya.

Untuk meyakinkan diri saya bahawa ia telah digunakan dengan seadil-adilnya, ingin saya pohon daripada pihak Kementerian senarai projek-projek jalanraya luar bandar dan juga program industri kampung yang telah menelan belanja \$13.8 juta itu. Dan dalam senarai itu diharapkan juga akan dicatatkan di manakah projek-projek ini terletak ataupun pengagihannya mengikut negeri, mengikut kawasan-kawasan. Saya sangat-sangat ingin mengetahui berapa banyakkah jumlahnya yang terdapat di dalam kawasan saya sendiri, Kota Bharu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Bagan.

7.11 mlm.

Tuan Lim Hock Seng (Bagan): Tuan Pengerusi, saya cuma hendak mengambil sedikit masa untuk menyentuh perkara P.54, di bawah Butiran 04100, Kepala Kecil 07—Jalan-jalan.

Tuan Pengerusi, dalam perbincangan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah saya membangkitkan bahawa masih ada banyak lagi jalan-jalan kampung di kawasan saya terutama sekali di Gadun, Bagan Jermal masih terdapat banyak lagi jalan-jalan tanah.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat nanti sekejap. Nampaknya apa yang Yang Berhormat bangkitkan itu tidak ada kena-mengena dengan Butiran yang berkenaan.

Tuan Lim Hock Seng: Butiran 04100 di bawah Kepala Kecil 07—Jalan-jalan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sila teruskan.

Tuan Lim Hock Seng: Kawan karib saya yang berada di sana iaitu Yang Berhormat dari kawasan Tasik Gelugor, dia memang faham keadaan kawasan

saya itu. Semasa dia berada dalam Kerajaan Pulau Pinang saya selalu meminta pertolongan Yang Berhormat dari kawasan Tasik Gelugor itu. Sedikit sebanyak telahpun ditolong. Tetapi, masih banyak lagi jalan-jalan . . .

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Butiran 04000-07—Jalan-jalan ialah mengenai Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah dan tidak kena mengena dengan Pulau Pinang.

Tuan Lim Hock Seng: Yang itu Yang Berhormat tidak dengar dengan baik. Butiran 04100.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): 04100.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, ini mengenai dengan Pulau Pinang, Kepala Kecil 07—Jalan-jalan.

Jadi, perkara ini pernah kita bawa di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang tetapi selalu alasan-alasan diberi ialah tidak cukup peruntukan. Maksud saya membangkitkan jalan ini ialah kerana di kawasan ini kalau hendak sebut kaum penduduk-penduduk ini tidak sedaplah, tetapi saya haraplah kawasan ini dapat diperhatikan. Jikalau boleh satu peruntukan khas hendaklah diberi di masa hadapan, khas untuk kawasan ini sahaja iaitu kawasan Bagan Jermal.

Lagi satu tajuk iaitu di bawah Kepala Kecil 09—Program Golongan Termiskin.

Dalam program untuk membantu orang-orang miskin membina semula atau membaiki rumah-rumah yang rosak itu, kita dapat tahu hanya segolongan orang yang dapat keistimewaan ini sahaja. Soalan kemiskinan ini terdapat di kalangan semua golongan kaum, tidak kira kaum dan tidak kira kawasan. Saya berharap Kementerian yang berkenaan akan menentukan bahawa program untuk menolong orang-orang miskin dalam

memperbaiki rumah-rumah atau subsidi untuk memperbaiki rumah-rumah itu diagih-agihkan dengan patut dan saksama. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

7.16 mlm

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas di atas pandangan-pandangan, komen-komen serta cadangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap program-program pembangunan yang akan terus dilaksanakan oleh Kementerian ini dalam usaha untuk membawa kemajuan kepada masyarakat luar bandar khususnya yang akan meningkat kepada prestasi yang paling tinggi mungkin.

Ahli-ahli Yang Berhormat, berhubung dengan perbelanjaan mengenai api elektrik, jalan-jalan di luar bandar khususnya yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Segamat yang juga menyentuh jalan-jalan FELDA yang dikatakannya sebagai kurang pesat. Sebenarnya apa yang disebutkan dari perangkaan tadi, saya ingin hendak membuat satu penjelasan di sini bahawa bagi jalan-jalan FELDA peruntukan tahun 1990 ialah sebanyak \$153 juta. Dan yang dinyatakan \$14 juta itu sebenarnya adalah baki dari peruntukan tahun 1990 yang dipindahkan dari Kementerian Tanah kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu bagi untuk suku tahun keempat 1990.

Program-program yang lain seperti api letrik dan air akan terus dilaksanakan dengan secepat mungkin ke seluruh kawasan luar bandar termasuklah juga di rancangan-rancangan tanah FELDA.

Mengenai bekalan air yang juga disentuh bagi KEJORA yang tidak terlihat peruntukan untuk membangunkannya, sebenarnya peruntukan bagi bekalan air untuk Lembaga Kemajuan Johor Tenggara atau KEJORA disalurkan langsung terus kepada Kerajaan Negeri. Maka itu tidak terlihat di sini perbelanjaan ataupun kosnya yang akan terlibat.

Mengenai harapan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu bahawa peruntukan yang diuntukkan kepada Kementerian ini yang begitu banyak, sesungguhnya peruntukan yang diuntukkan kepada Kementerian ini adalah sebagaimana yang dijelaskan di peringkat awal tadi bagi membawa kemajuan di dalam usaha untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan infrastruktur penduduk-penduduk luar bandar dan juga penekanan oleh Kementerian ini, bukan sahaja dari segi infrastruktur yang harus dibawa kepada luar bandar secara rata dan menyeluruh tetapi juga dari pendekatan mengenai pentingnya mutu kehidupan masyarakat di luar bandar dengan datangnya ataupun saingnya kemajuan-kemajuan dari segi infrastruktur yang dibawa ke luar bandar.

Insyallah, pengagihan kepada kemudahan-kemudahan ini sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Barisan Nasional, yang sentiasa menaruh tanggungjawab dan perhatian yang berat, ianya akan diagihkan secara yang seberapa adil kepada penduduk-penduduk yang berhak untuk menerima bantuan-bantuan dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Berhubung dengan pandangan ataupun komen daripada Yang Berhormat dari Bagan berhubung dengan jalan-jalan, rumah-rumah miskin, sebenarnya memanglah menjadi amalan kepada Kementerian ini sebelum pun Kementerian ini dalam bentuk

yang baru, pengkhususan kepada pembangunan luar bandar, sebelum ini juga Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telahpun menjalankan program-program untuk meningkatkan taraf jalan-jalan kampung dan juga untuk memberikan bantuan-bantuan kepada golongan rakyat termiskin dari memperbaiki rumah mereka dijalankan dengan adil dan saksama mengikut keperluan-keperluan dari negeri-negeri di seluruh negara ini. Jadi, pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat amat dihargai dan saya ingin menjelaskan sekali lagi di sini bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk waktu-waktu mendatang ini akan memberikan tumpuan yang lebih berat, yang lebih berkesan terus sebagaimana yang telah juga dilangsungkan selama ini bagi membawa perubahan-perubahan, kemudahan-kemudahan di dalam masyarakat luar bandar untuk dapat ditingkatkan lagi penghidupan bagi rakyat-rakyat yang memerlukan bantuan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$31,437,600 untuk Maksud B.54; dan \$5,364,300 di bawah Maksud B.61 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$31,437,600 untuk Maksud B.54 dan \$5,364,300 di bawah Maksud B.61 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$388,504,763 untuk Maksud P.54; dan \$5,874,782 yang disebutkan dalam Maksud P.61 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$388,504,763 untuk Maksud P.54 dan \$5,874,782 untuk Maksud P.61 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.(Bil. 2) 1990.

Maksud B.58 (Jadual Kedua)—

Maksud P.58 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1990)—

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B.58 dan Kepala Pembangunan P.58 di bawah Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna terbuka untuk dibahas. Ahli dari Maran.

7.24 mlm.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Terima kasih. Tuan Pengerusi. Saya memang lama hendak bercakap, tetapi terima kasih kerana dapat bercakap kali ini. Saya kena mengenalkan diri terlebih dahulu. Saya hanya bercakap sedikit sahaja mengenai Kementerian ini. Saya rujuk kepada B.58 kerana Kementerian ini adalah merupakan Kementerian yang baru diwujudkan. Saya ingin bertanya apakah yang dimaksudkan dengan pendaftaran syarikat, adakah telah diluluskan.

Yang kedua, oleh kerana Kementerian ini adalah Kementerian yang baru, di manakah pejabat ini telah dibuka, setahu saya masih dicari-cari lagi.

Yang ketiga, apakah tujuan ataupun objektif Kementerian ini diadakan setelah dipisahkan daripada Kementerian yang dahulu. Adakah semua pegawai-pegawai dan kakitangannya telah dipilih untuk menjalankan Kementerian yang baru diwujudkan ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kota Bharu.

7.25 mlm.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak (Kota Bharu): Tuan Pengerusi, berkenaan dengan B.58 dan juga P.58, iaitu satu Kementerian baru, maka terpaksa peruntukan diberikan untuk pengurusan dan juga projek-projek pembangunan. Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat menyentuh Butiran ke berapa?

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: P.58.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): P.58?

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak): Ya.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): P.58 ya, 00100 ya?

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Ya.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sila teruskan.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Tuan Pengerusi, saya telah difahamkan bahawa Kementerian ini sudah mengambilalih program ataupun projek-projek industri kecil atau industri kampung yang telah saya nyatakan berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Yang saya maksudkan tadi ialah yang telah digunakan sebanyak \$13.8 juta itu, tetapi yang saya hendak sentuhkan sekarang ialah harapan setelah Kementerian ini diwujudkan dan jika projek itu diletakkan di bawahnya, maka harapannya ialah projek-projek ini akan diagihkan kepada pemohon-pemohon tanpa mengira politik mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Menteri, sila jawab.

7.27 mlm.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih, satunya komen Ahli Yang Berhormat dari Maran. Saya ucapkan terima kasih. Sebenarnya pejabat Kementerian kami sudah pun dikenalpasti iaitu di Menara Maybank. Terima kasih kepada Kementerian Kewangan yang telah pun memberi kelulusan. Insya Allah, dalam masa sebulan atau dua bulan lagi kami dapatlah masuk dalam pejabat itu. Sementara waktu itu kalau handak jumpa dengan Timbalan Menteri Kementerian baru ini bolehlah pergi ke Tingkat 19, Plaza MBF.

Hampir kesemua Jabatan-jabatan berkaitan masih duduk di tempat masing-masing, iaitu di Kementerian lama di Jalan Duta dan satu atau dua Jabatan itu akan dipindahkan ke Menara Maybank bila ianya siap kelak. Yang lainnya akan bertaburan merata-merata di Kuala Lumpur oleh sebab kita tidak dapat mencari suatu ruang yang boleh menempatkan semua Jabatan-Jabatan yang akan berada di bawah Kementerian ini.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya dengar ceritalah, dengar khabar sebab tidak lagi dibentang dengan cara khusus, terdapat perebutan di antara Kementerian baru dengan Kementerian lama untuk menentukan siapa yang sebenarnya duduk di bawah siapa. (Ketawa) Saya ingin bertanya ada satu Jabatan berhubung dengan kalau tidak salah saya AP, itu tidak apalah, ini

kemudianlah. Saya ingin bertanya sebenarnya adakah perebutan untuk menentukan siapa duduk di bawah siapa. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat apakah patut supaya semua sekali urusan berhubung dengan dalam negeri diberi kepada Kementerian Yang Berhormat yang Menteri yang lama itu dia urus fasal luar sahaja sebab dia pun sudah sibuk sedikit di dalam menguruskan soal-soal perindustrian baru.

Saya ingin bertanya berhubung dengan permit import ini juga di bawah Kementerian mana? (*Ketawa*) Adakah di bawah Kementerian Yang Berhormat ataupun Kementerian yang lama?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Pengerusi, semua perkara siapa duduk bawah siapa itu telahpun dikenalpasti, cuma ada sedikit-sedikit yang masih samar-samar lagi, tetapi oleh sebab ini adalah Kementerian baru, sudah tentulah kebanyakan keputusan telahpun dibuat secara 'unilateral' oleh Kementerian lamalah. Apa yang sepatutnya dia ambil dan apa yang dia hendak tinggal.

Jadi sekarang pegawai-pegawai kami sedang pun berunding iaitu bukan berdasarkan dari segi rebutan tetapi oleh sebab sebuah Kementerian baru telahpun ditubuhkan, iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna maka sudah tentulah ada sesuatu objektif Kerajaan untuk menubuhkan Kementerian itu. Jadi kami sedang pun memikir dan menganalisa apakah seharusnya duduk di bawah Kementerian ini iaitu supaya objektif menubuhkan Kementerian ini tercapai dengan lebih berkesan. Dan ada beberapa perkara yang samar-samar dan kami sedang pun membuat satu memorandum supaya pihak Kabinet akan membuat keputusan muktamad tentang perkara-perkara yang samar-samar itu sama ada duduk di Kementerian lama ataupun Kementerian baru.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, Timbalan Menteri tidak jawab soalan saya fasal permit import ini duduk di bawah siapa, secara terang cerita sebab kami Ahli-ahli Parlimen hari ini, termasuk 46, setuju supaya ini dimasukkan di bawah Kementerian baru ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Ahli Yang Berhormat, bukan itu sahaja tetapi banyak perkara-perkara yang lain. Import permit pula ada yang berbagai-bagai, ada yang berkait dengan industri dan sudah tentulah ini sepatutnya duduk di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri tetapi ada banyak pula import-import yang berkait rapat dengan perdagangan dalam negeri dan sebagainya dan itu seharusnya kami rasa sepatutnya duduk dalam Kementerian yang baru ini. Jadi inilah beberapa perkara yang masih samar-samar sedang dikenalpasti dan kita akan minta satu keputusan muktamad dari Kerajaan nanti.

Yang Berhormat dari Kota Bharu mengenai industri kampung, inipun satu perkara yang samar-samar. Inilah pertama kali saya dengar kononnya duduk di Kementerian saya, saya pun tak tahu lagi, kata kononnya di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar pula. Jadi ini perkara-perkara banyak lagi yang sedang dikenalpasti.

Tuan Pengerusi, itu sahajalah komen saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$6,219,500 untuk Maksud B.58 di bawah Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$6,219,500 untuk Maksud B.58 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$269,410 yang disebutkan dalam Maksud P.58 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$269,410 untuk Maksud P.58 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1990.

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Pengerusi, saya mencadangkan Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Mesyuarat hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak \$3,138,525,692 diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun

Kewangan 1990 untuk menampung sejumlah \$3,138,525,692 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1990 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 1990 dan yang disenaraikan bersebetangan dengan Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) (No. 2) telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak \$3,138,525,692 diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1990 untuk menampung sejumlah \$3,138,525,692 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1990 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 1990 dan yang disenaraikan bersementaraan dengan Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa

Usul yang dikemukakan di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak \$3,138,525,692 diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1990 untuk menampung sejumlah \$3,138,525,692 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1990 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 1990 dan yang disenaraikan bersementaraan dengan Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.38 malam.